

Bil. 2

**Selasa
21 Disember 1999**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2)1999 (Ruangan 1)

Jawatankuasa-

Jadual-

Maksud B.4 dan B.8

(Ruangan 67)

Maksud B.18

(Ruangan 94)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Berau)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar. K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)

- Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- " Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- " Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- " Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- " Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- " Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- " Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- " Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- " Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- " Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- " Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- " Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- " Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- " Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- " Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- " Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- " Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- " Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- " Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- " Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- " Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- " Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- " Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- " Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- " Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- " Tuan Jimmy L.m Donald (Sri Aman)

- Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)

- Yang Berhormat Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Kasih binti Sulaiman (Tribunal Perkhidmatan Awam)
Mashitah binti Kamaruddin (Tribunal Perkhidmatan Awam)
Abu Bakar bin Hasan
Alias bin Md. Nor

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 21 Disember 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]RANG UNDANG-UNDANGRANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
TAMBAHAN (1999) (NO.2) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [20 Disember 1999]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan semula Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999. Ya, sila Yang Berhormat.

10.03 pagi

Tuan Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan laluan untuk saya turut terlibat dalam perbahasan Anggaran Perbekalan Tambahan Ketiga 1999. Saya ingin menyentuh perkara yang berkaitan dengan soal Kementerian Perusahaan Utama, iaitu satu peruntukan yang melebihi daripada RM50 juta untuk tujuan menstabilkan harga minyak masak di pasaran tempatan.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah kebimbangan dalam suasana menghadapi musim perayaan yang sedang berlaku sekarang ini. Ingin saya kemukakan satu soalan kepada pihak kementerian di manakah satu jaminan pihak kementerian boleh memastikan bahawa bekalan minyak masak pertama sekali ialah mencukupi dan tidak ada ruang daripada pengilang-pengilang untuk mengeksploitasi bagi memastikan kenaikan harga minyak. Ini berdasarkan kepada apa yang telah pernah berlaku dalam masa tempoh beberapa tahun yang lalu apabila kita menghadapi kekurangan bekalan minyak masak tempatan, iaitu minyak masak yang digunakan oleh para pengguna. Ini disebabkan oleh para pengilang lebih tertumpu untuk supply minyak masak yang digunakan oleh pengguna ini kepada pihak industri. Sebab minyak masak pengguna ini telah diberikan subsidi oleh pihak kerajaan. Kita bersetuju ke arah untuk memastikan supaya pihak pengguna dapat satu jaminan dan meringankan bebanan kos hidup mereka. Tetapi juga dalam hal yang sama kita lihat bahawa ada ruang untuk dieksploitasi oleh pihak pengilang-pengilang bila minyak masak di peringkat industri tidak diberikan subsidi. Dan ini apabila ada permintaan yang lebih oleh industri-industri, maka sudah tentulah pengilang yang hendak supply minyak masak ini akan lebih tertumpu kepada pihak industri, dan ini telah berlaku dalam tempoh beberapa tahun yang lalu sehingga menyebabkan dari sudut rekodnya bekalan itu mencukupi untuk kegunaan tempatan, tetapi di pasarannya minyak masak itu sangat berkurangan.

Jadi, oleh sebab itu, saya rasa bahawa dalam suasana kita menghadapi musim perayaan ini kebimbangan menjelang Hari Raya nanti akan berlaku kes-kes yang sedemikian rupa yang ini akan membebaskan masyarakat dan rakyat tempatan khususnya orang Islam yang akan menghadapi Hari Raya Aidilfitri.

Begitu juga kita menghadapi sekarang ini suasana kenaikan harga barang. Hampir 29% kenaikan harga barang yang berlaku di seluruh negara kita yang menjadi keluh-kesah di kalangan masyarakat dan rakyat khususnya orang-orang Islam. Apa yang saya hendak sentuh di sini walaupun tidak ada kaitan khusus dengan Kementerian Perusahaan Utama, tetapi dalam soal untuk memastikan kestabilan harga barang maka tiga kementerian seharusnya memainkan peranan utama, iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Perusahaan Utama sendiri. Oleh sebab itu, saya rasa bahawa perlu kepada satu pendekatan yang diselaraskan antara kementerian ini untuk memastikan supaya masalah ataupun isu kenaikan harga barang ini tidak akan menjadi satu isu yang berbangkit menjelang hari raya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan soal Kementerian Perusahaan Utama ini, kita bahawa pihak kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta untuk menstabilkan harga minyak sawit. Tetapi saya ingin juga mengemukakan satu soalan ialah apakah pendekatan pihak kerajaan sendiri dalam memastikan supaya harga getah lebih munasabah untuk meningkatkan taraf hidup di kalangan masyarakat rakyat di kampung khususnya penoreh-penoreh getah ataupun pekebun-pekebun kecil.

Saya lihat bahawa sekarang ini walaupun ada beberapa peruntukan subsidi dan sebagainya yang diberikan ke arah untuk menstabilkan ataupun meningkatkan harga getah, tetapi saya kira masih belum mencukupi untuk meningkatkan taraf hidup mereka dan menyelesaikan masalah kos bebanan hidup yang dihadapi oleh para penoreh getah ataupun pekebun-pekebun kecil yang begitu banyak dalam negara kita. Sebab itu kerajaan harus memberikan tumpuan yang lebih serius kepada pekebun-pekebun kecil bukan sahaja menjelang musim pilihan raya mereka menjanjikan sesuatu – Timbalan Perdana Menteri turun ke Baling, turun ke Sik untuk menjanjikan sesuatu tetapi hakikatnya taraf hidup di kalangan pekebun-pekebun kecil dan juga penoreh-penoreh getah ini tidak meningkat.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan soal Jabatan Perkhidmatan Awam, iaitu satu tambahan sebanyak melebihi RM195 juta telah diperuntukkan bagi tujuan untuk pembayaran keistimewaan penerima pencen di sektor awam. Apa yang ingin saya sentuh di sini ialah kita menyokong penuh tambahan ini untuk diberikan kepada pesara-pesara yang terdapat dalam negara kita. Malah kami merasakan bahawa peruntukan ini masih belum mencukupi ke arah untuk meringankan bebanan hidup mereka dalam keadaan mereka ini merupakan orang yang pernah berjasa kepada negara dan juga kepada rakyat dalam negara kita ini. Oleh sebab itu, seharusnya golongan pesara-pesara ini diberikan bukan sekadar dalam waktu-waktu yang tertentu mereka mendapat peruntukan-peruntukan istimewa seperti mana yang terdapat dalam Perbekalan Tambahan ini, tetapi di sepanjang kehidupan untuk menghabiskan sisa-sisa usia yang masih ada pada mereka, seharusnya pihak kerajaan lebih memberikan kemudahan-kemudahan tertentu untuk meringankan bebanan hidup mereka.

Umpamanya yang dapat saya cadangkan di sini ialah mengadakan sistem tambang separuh harga bagi warga tua dan juga khususnya pesara-pesara untuk semua jenis pengangkutan awam. Sekarang kita lihat bahawa ianya hanya tertumpu kepada penerbangan dalam negara iaitu MAS dan juga kereta api. Sedangkan terdapat di kalangan pesara-pesara ini yang tidak mampu naik kapal terbang walaupun dia sudah mencapai umur 55 tahun yang dia boleh tambang separuh harga. Umpamanya buruh-buruh kasar dan sebagainya walaupun dia boleh tambang separuh harga tetapi masih belum ada kemampuan untuk menaiki kapal terbang.

Begitu juga dengan perkhidmatan kereta api, walaupun mungkin ada tawaran-tawaran istimewa yang diberikan oleh KTM tetapi terdapat juga di kalangan masyarakat kampung yang tidak begitu selesa untuk menaiki kereta api kerana berbanding dengan bas yang lebih selesa dan lebih cepat untuk sampai ke destinasi. Oleh sebab itu, saya kira

bahawa adalah wajar untuk suasana yang sebegini bahawa golongan pesara ini diberikan kemudahan-kemudahan seperti ini untuk mereka lebih dapat menjenguk keluarga mereka, anak-anak mereka, cucu-cucu mereka dan sebagainya. Ini semua ke arah untuk memupuk perasaan kekeluargaan, masyarakat penyayang di kalangan masyarakat yang terdapat dalam negara kita.

Begitu juga saya kira bahawa golongan pesara ini yang telah banyak berjasa kepada negara kita juga harus diberikan kemudahan-kemudahan yang lain yang sepatutnya difikirkan boleh diberikan kepada mereka untuk meringankan kos bebanan hidup mereka.

Begitu juga dalam soal perkhidmatan awam ini, bukan sahaja kepada golongan pesara tetapi kepada golongan-golongan yang sedang berkhidmat dalam sektor awam sekarang ini, iaitu golongan-golongan yang masih dan sedang berkhidmat seharusnya mereka bukan sahaja setelah mereka meninggalkan perkhidmatan mereka baru jasa mereka hendak dikenang tetapi sewaktu perkhidmatan mereka, mereka hanya diminta untuk bertugas dan berkhidmat tanpa memberikan sesuatu yang lebih baik ke arah meringankan kos bebanan hidup mereka.

Kita lihat bahawa seolah-olah macam ada satu pendekatan di kalangan Kerajaan Barisan Nasional untuk semacam mewujudkan satu orientasi bahawa golongan pekerja-pekerja, kakitangan perkhidmatan awam merupakan pekerja kepada Barisan Nasional. Sedangkan apa yang harus kita ingat bahawa mereka bukan pekerja kepada parti Barisan Nasional. Mereka merupakan pekerja yang dibayar gaji untuk bertanggungjawab kepada negara dan menjaga kepentingan rakyat. Jadi, oleh sebab itu, seharusnya mereka tidak diberikan tekanan-tekanan sehingga menyebabkan sukar untuk mereka menjalankan tugas-tugas mereka.

Di samping kemudahan-kemudahan yang sepatutnya diberikan kepada mereka juga harus diambil kira oleh kerajaan yang ada sekarang ini. Umpamanya seperti yang pernah disebut oleh rakan saya daripada Kuala Kedah dan Kubang Kerian semalam soal waktu bekerja, iaitu dalam seminggu lima hari. Ini seharusnya diamalkan, dilaksanakan oleh kerajaan di peringkat Persekutuan. Kalau di Kelantan dan di Terengganu boleh melaksanakan sistem bekerja seminggu lima hari, saya rasa tidak ada alasan untuk kerajaan di peringkat Federal untuk tidak melaksanakan amalan ini, kerana ini sudah menjadi amalan-amalan yang diamalkan di kebanyakan negara yang terdapat dalam dunia. Tidak tahulah kalau Malaysia masih hendak meletakkan sebagai sebuah negara yang masih jauh ketinggalan dari sudut mengamalkan sistem bekerja untuk memberikan kemudahan kepada pekerja-pekerja di sektor awam.

Begitu juga dengan soal untuk pekerja-pekerja wanita yang sudah berumah tangga seharusnya mereka diberikan tempoh cuti bersalin yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang. Sekarang ini saya difahamkan bahawa 60 hari, itu pun hanya dihadkan kepada lima orang anak. Oleh sebab itu, kita mencadangkan supaya satu peruntukan cuti dalam lingkungan 90 hari yang tidak dihadkan kepada jumlah anak perlu diberikan kepada golongan pekerja di sektor awam. Ini akan lebih memberikan suatu keselesaan bekerja kepada mereka dan juga akan menjamin produktivi dalam soal kerja-kerja yang akan dilaksanakan oleh mereka. Sebab orang mengandung ini kalau sudah sampai hendak hendak bersalin baru hendak bersalin, waktu sebulan, dua bulan sebelum bersalin memang kerja mereka tidak begitu baik, tidak begitu efisien, tidak begitu cekap dan produktiviti mereka tidak begitu memuaskan, sebab berat badan bertambah dan sebagainya. Ini akan memberikan kesulitan kepada mereka.

Oleh sebab itu, kita mencadangkan supaya cuti bersalin ini diberikan kepada golongan wanita yang bekerja ini selama 90 hari, iaitu 30 hari sebelum daripada mereka bersalin dan 60 hari selepas daripada mereka bersalin supaya mereka boleh datang bekeja balik dalam keadaan yang lebih segar.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Boleh saya minta laluan, Yang Berhormat?

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya tertarik mendengar tadi Yang Berhormat membincangkan soal beranak. Saya tahu Yang Berhormat tidak pernah beranaklah. Yang beranak ini ialah kami wanita. Yang Berhormat tadi ada menyebutkan bahawa seorang wanita yang mengandung dan bekerja sehingga sembilan bulan, mungkin produktivitinya agak rendah dan sebagainya. Apakah dakwaan Yang Berhormat itu disokong dengan pengalaman ataupun disokong dengan kajian. Saya pernah mengandung tiga kali dan saya bekerja. Malahan semasa saya bekerja, saya adalah di antara seorang wanita yang bekerja di kalangan 27 pengurus; saya seorang wanita, 26 lagi lelaki. Ini melalui pengalaman saya tidak nampak semasa itu bahawa tugas saya terjejas kerana saya melahirkan tiga orang anak. *[Tepuk]*

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Memang saya tidak ada pengalaman beranak, saya orang lelaki. Kalau saya orang perempuan tentulah saya beranak lebih awal daripada Yang Berhormat, mungkin lebih banyak. Yang Berhormat setakat tiga sahaja. Ini pun satu masalah juga, saya pun hairan ada juga wanita yang kita perjuang untuk masa depan mereka, mereka tidak mahu. Ini satu perkara yang cukup pelek dalam Barisan Nasional. *[Tepuk]* Sepatutnya mereka lebih memikirkan soal kepentingan wanita.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: *[Bangun]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Kenyataan itu tidak betul. Bukan soalnya kita tidak bersetuju untuk memperjuangkan nasib wanita. Malahan parti pembangkang jangan menyatakan yang mereka adalah juara kepada perjuangan untuk wanita. Kelmarin saya ada dengar ada seorang menyebutkan bahawa minta supaya – mungkin Yang Berhormat atau Yang Berhormat yang lain menyebutkan supaya mereka yang suaminya telah meninggal tetap diberikan pencen walaupun mereka telah berkahwin. Sebenarnya saya berhingus lagi dalam UMNO usul itu telah dibawa. Tetapi nampaknya PAS yang kononnya hendak menjuarai isu yang berkenaan. Apa yang saya sebutkan tadi saya tidak menyatakan bahawa kami tidak memperjuangkan soal wanita, tetapi faktanya itu, adakah wanita yang mengandung tidak produktif. Ini saya rasa satu kenyataan yang menghinakan wanita sebenarnya. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Beri Bachok dahulu.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Terima kasih. Sedikit penjelasan. Pertama, berhubung dengan apa yang telah pun dilaksanakan oleh Kelantan dalam masalah cuti wanita bersalin. Yang keduanya, yang terbaru ialah Kerajaan PAS Terengganu telah memberi 90 hari cuti bersalin, sebulan lebih awal untuk persiapan bersalin dan 60 hari selepas bersalin. Jadi, sehubungan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Arau dan apa yang dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat bagi Pokok Sena ialah ada kelebihan kepada wanita dalam isu ini. Jadi, tidak ada satu isu yang boleh kita tolak untuk kita katakan tidak baik untuk wanita. Jadi, minta Yang Berhormat bagi Pokok Sena dapat diperlebar lagi untuk beri kefahaman lebih-lebih lagi kepada Yang Berhormat wanita daripada kalangan UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, perkara ini perkara hadapan, polisi. Yang kita berbincang ialah di atas perbelanjaan yang telah dibuat dalam tahun 1999. Jadi, jangan..... kurangkan sedikit.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak memperlihatkan bahawa golongan pesara ini sudah tentulah sebelum mereka bersara mereka telah memberikan perkhidmatan. Jasa-jasa mereka harus dikenang daripada sebelum daripada persaraan mereka. Saya akan cuba meringkaskan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua. Cuma apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Arau sebentar tadi dia kata dia berjuang sejak daripada berhingus lagi dalam UMNO, sampai kering hingus itu. Maknanya tidak dapat-dapat duduk dalam UMNO. Sepatutnya tengah-tengah hingus dok meleleh boleh dapat tetapi sampai kering hingus tidak dapat-dapat. [*Tepuk*] Inilah nasib duduk dalam UMNO, berjuang apa pun tidak dapat.

Tadi saya telah pun menyebut bahawa dari sudut produktiviti walaupun saya tidak ada pengalaman sebagai wanita untuk bersalin tetapi saya ada isteri yang juga sedang berkhidmat dalam sektor swasta dan sebagainya yang pernah mengandung dan saya tahu bagaimana saratnya dia hendak bawa perut, susah dan sebagainya. Kadang-kadang sedang bekerja sakit pinggang, lenguh dan sebagainya. Ini semua ke arah menunjukkan bahawa keselesaan bekerja yang akan menyebabkan produktiviti kerja itu akan berkurangan berbanding dengan suasana sebelum daripada orang itu mengandung ataupun sebelum daripada orang itu mengandung sampai peringkat sudah tujuh-lapan bulan. Sebab itu kita mencadangkan supaya satu keselesaan yang lebih baik, kemudahan yang lebih baik diberikan kepada pekerja-pekerja wanita dan ini sudah menjadi amalan kebanyakan negara di dunia ini memberikan cuti bersalin selama 90 hari kepada pekerja-pekerja wanita.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga cuti bersalin untuk bapa. Apabila isterinya bersalin seharusnya seorang suami ini diberikan cuti sebanyak tujuh hari supaya mereka dapat menguruskan hal-hal pengurusan persalinan isteri mereka, menyambut anak baru dan sebagainya. Ini semua ke arah untuk mewujudkan suasana masyarakat penyayang dan keluarga penyayang dalam sebuah keluarga yang dibina sepanjang tahun. Maknanya supaya suami itu juga turut merasai bagaimana kesusahan dan kepayahan seorang isteri yang mengandung, dok bawa perut, kemudian bertarung dalam soal hidup mati waktu hendak beranak dan sebagainya. Inilah yang seharusnya diberikan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara yang berkaitan dengan soal Kementerian Luar Negeri iaitu satu peruntukan berjumlah melebihi daripada RM3 juta telah diperuntukkan bertujuan untuk lawatan ketua-ketua perwakilan ke negara-negara yang ditauliah serentak di bawah sesuatu kedutaan Malaysia di luar negara dan kos bagi kerja-kerja dan persiapan awal pembukaan kedutaan besar di Khartoum, Sudan dan Yaman. Saya tidak membantah peruntukan ini tetapi apa yang harus dilihat di sini ialah yang saya ingin persoalkan daripada pihak Kementerian Luar Negeri iaitu sejauh manakah hasil daripada jalinan dan hubungan dengan negara-negara ini khususnya Sudan dan juga Yaman. Apabila kita membuka pejabat kedutaan, maka sudah tentulah kita hendak melihat wujudnya satu jalinan hubungan yang lebih baik yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat dan rakyat dalam negara ini sebab kita bukan sahaja untuk sekadar menghantar pegawai, duta dan sebagainya tetapi hasil daripada penghantaran pegawai dan duta di negara-negara ini sudah tentulah kita hendak melihat manfaat yang boleh dirasakan oleh masyarakat dan rakyat dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua saya melihat bahawa negara ini merupakan negara yang sangat penting bagi kepentingan umat Islam. Umpamanya seperti mana negara Sudan yang produktiviti banyak terlibat dalam hasil tenusu, apakah dengan wujudnya jalinan hubungan antara Malaysia dan Sudan ini kita telah berjaya untuk mendapat manfaat daripada hasil tenusu yang dilakukan yang begitu banyak di negara Sudan sebab sekarang ini kita lebih banyak bergantung kepada hasil tenusu dari Australia dan New Zealand. Apa salahnya kalau kita berubah arah daripada Australia dan New Zealand kepada negara yang baru kita jalinan hubungan dan ini sudah tentulah akan lebih memberikan keuntungan

kepada negara yang baru membangun untuk Malaysia juga turut membantu negara-negara seperti ini khususnya negara-negara Islam seperti mana di Sudan dan juga Yaman.

Begitu juga soal hubungan dua hala antara Malaysia, Sudan dan Yaman ini, sama ada daripada sudut kebudayaan termasuklah dalam soal kemajuan pendidikan Islam. Saya menyebut perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dua negara ini merupakan negara yang sangat terkenal dengan wujudnya pusat pendidikan ataupun pengajian Islam yang begitu besar yang terdapat dalam dunia umat Islam sebab di Sudan dan Yaman ini lahirnya ramai ulama-ulama intelektual Islam yang sangat terkenal, umpamanya seperti Abdul Majid bin Dani di Yaman, Hasan Turobbi di Sudan, ini merupakan ulama-ulama ataupun intelektual Islam yang sangat dikenali dan dihormati oleh dunia Islam dan dunia umat Islam di seluruh rantau dunia sekarang ini.

Jadi, oleh sebab itu kita ingin melihat bahawa sejauh mana manfaat yang boleh kita perolehi daripada hubungan dengan Sudan dan Yaman dengan kita membuka pejabat kedutaan di kedua-dua negara ini dalam konteks untuk kemajuan pendidikan Islam khususnya untuk pelajar-pelajar ataupun anak-anak bangsa yang ada di Malaysia. Saya difahamkan bahawa di Sudan dan Yaman itu, ramai pelajar yang pergi belajar secara bersendirian tetapi sejauh mana komitmen kerajaan sendiri melalui usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian Luar Negeri melalui kedutaan ini untuk memastikan.....

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Penjelasan.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar:soal kemajuan pendidikan Islam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Tentang universiti-universiti di Sudan dan juga di Yaman, adakah maksud Yang Berhormat bagi Pokok Sena ini universiti-universiti seperti Universiti di Khartoum yang masih belum diiktiraf, Universiti UmDurman di Sudan yang masih belum diiktiraf, Universiti Al-Imam di Sanaa yang masih belum diiktiraf dan juga International Institute of Arabic Studies di Khartoum yang masih belum diiktiraf dan universiti-universiti ini adalah merupakan universiti-universiti milik kerajaan Sudan dan Yaman dibandingkan dengan universiti-universiti swasta di Jordan yang telah begitu banyak diiktiraf seperti Universiti Al Bait, Philadelphia dan sebagainya.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Ya, saya bersetuju dengan apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Yan. Maka itulah universiti-universiti yang sepatutnya diberikan pengiktirafan oleh kerajaan kerana universiti-universiti itu universiti milik kerajaan di Sudan dan juga di Yaman.

Tidak ada manfaat besar yang diperolehi oleh Malaysia khususnya oleh rakyat Malaysia bila kita mengadakan hubungan diplomatik dengan membuka pejabat kedutaan di kedua-dua negara ini tetapi kita masih tidak hendak mengiktiraf pusat-pusat pengajian ataupun universiti-universiti yang terdapat di kedua-dua negara ini, sedangkan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Yan, kerajaan sanggup pula mengiktiraf, sudah tentulah hasil daripada hubungan dan membuka pejabat kedutaan di Jordan dan juga di lain-lain tempat walaupun kepada universiti-universiti yang bukan milik kerajaan.

Jadi, saya rasa bahawa ini satu sikap yang sangat-sangat tidak baik, bahawa universiti yang bukan milik kerajaan, yang kita ada hubungan diplomatik kita boleh iktiraf tetapi universiti milik kerajaan yang kita juga ada hubungan diplomatik tetapi kita tidak boleh mengiktiraf, sedangkan seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kedua-dua negara ini sangat terkenal dengan pusat pendidikan ataupun universiti-universiti Islam yang telah pun melahirkan ulama dan intelektual-intelektual besar dalam dunia umat Islam sebelum ini dan juga waktu kini.

Jadi, sebab itu saya harap bahawa sepatutnyalah dengan kita membuka pejabat kedutaan di kedua-dua negara ini, manfaat yang kita harus lihat di sini ialah untuk kemajuan pendidikan Islam seperti yang saya katakan tadi, bahawa sekarang ini masih terdapat ramai di kalangan pelajar-pelajar Malaysia yang belajar secara persendirian tetapi sudah tentulah bahawa sijil ataupun ijazah mereka tidak akan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia. Sebab itu, usaha yang lebih harus dilakukan oleh pihak Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama pihak Kementerian Pendidikan untuk memastikan manfaat ini diperolehi oleh masyarakat dan rakyat di Malaysia khususnya orang-orang kampung ini, dia hantar anak dia pergi mengaji di Sudan dar Yaman itu, dia tidak bergantung kepada biasiswa ataupun peruntukan bantuan daripada kerajaan. Sepatutnya kerajaan berterima kasih kepada mereka kerana mereka tidak mengharap dan bergantung kepada biasiswa atau bantuan pendidikan daripada kerajaan. Oleh sebab itu dengan cara hendak berterima kasih kepada mereka ini, orang kampung ini, ialah mengiktiraf sijil ataupun ijazah yang diperolehi oleh anak-anak mereka daripada kedua-dua negara ini yang terdapat universiti-universiti yang begitu terkenal di dunia umat Islam sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang telah diperuntukkan sebanyak RM150 juta. Satu peruntukan yang melebihi peruntukan asal yang dibentang di dalam Belanjawan 1999 dan ini satu perkara yang sangat-sangat dipersoalkan oleh kita semua. Bagaimana soal-soal perencanaan dan perancangan yang tidak menampakkan satu kecekapan dari sudut hendak *promote* Malaysia untuk hendak melakukan satu promosi pelancongan kepada dunia luar untuk dunia luar dapat mengenali Malaysia yang sebenarnya untuk mereka dan juga untuk kita rakyat ini memperoleh keuntungan daripada peruntukan seperti ini. Sebab itu ingin saya kemukakan beberapa persoalan di sini bahawa daripada peruntukan yang besar itu apa yang hendak saya bangkitkan di sini ialah, apakah bentuk iklan ataupun promosi yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam memohon peruntukan sebanyak RM150 juta ini dan adakah ianya telah berjaya untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di dalam negara kita.

Saya melihat bahawa umpamanya dalam *Formula One* baru-baru ini, apakah ini menunjukkan satu kejayaan daripada promosi ataupun iklan daripada pihak kementerian ini untuk membawa masuk budaya-budaya yang tidak baik. Umpamanya seperti mana yang disiarkan di dalam akhbar ini. [*Menunjukkan sehelai keratan akhbar*] Kita lihat bahawa di kalangan pelumba-pelumba *Formula One* ini lebih dipamerkan budaya-budaya yang tidak baik, umpamanya dengan minuman kerasnya dan sebagainya. Adakah ini merupakan orientasi ataupun objektif ataupun pendekatan yang dilakukan oleh pihak kementerian tanpa mengira soal-soal yang boleh merosakkan masyarakat dan rakyat, khususnya generasi muda yang terdapat dalam negara kita. Sebab itu saya kira bahawa iklan-iklan yang sepatutnya dilakukan ataupun....

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Penjelasan. Mengenai Litar Formula Satu itu, adalah difahamkan bahawa tempat wartawan menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan di tempat litar itu dibahagikan kepada dua iaitu untuk wartawan tempatan dan wartawan antarabangsa. Kemudahan untuk wartawan tempatan hanya ditempatkan untuk 12 orang sahaja di mana segala kemudahan dan peralatan canggih kebanyakannya digunakan oleh wartawan-wartawan asing. Maka, promosi Malaysia melalui Litar *Formula One* ini digunakan oleh wartawan-wartawan asing bukan wartawan-wartawan tempatan.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Ya, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kemaman. Memanglah Kerajaan Barisan Nasional bersekongkol dengan media-media asing. Sebaliknya dalam pilihan raya dia lebih menuding jari kepada parti-parti alternatif kononnya parti alternatiflah yang menjadi alat kepada media-media asing tetapi ternyata dalam *Formula One*, dia lebih melayani wartawan-wartawan daripada media asing sebagai anak emas daripada wartawan-wartawan daripada media dalam negara

kita yang dianak tirikan. Ini menunjukkan persekongkolan atau persekedudukan secara yang tidak sah yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan pihak media asing yang terdapat dalam dunia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan soal promosi bentuk pengiklanan dalam hendak mempamer dan memperkenalkan Malaysia kepada dunia luar. Kita lihat bahawa hari ini cara pendekatan pengenalan pengiklanan dan promosi itu macam tidak ada satu kelainan yang boleh menjadi daya tarikan kepada pelancong-pelancong untuk datang ke negara kita walaupun saya tidak nafi bahawa ada pelancong-pelancong datang dengan bentuk promosi dan iklan tersebut tetapi apa yang harus dilakukan oleh pihak kerajaan khususnya oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ialah untuk mempamerkan pengiklanan promosi memperkenalkan Malaysia bahawa Malaysia ada suatu kelainan daripada negara lain. Maknanya kita perlu ada sesuatu yang boleh memberikan kepuasan kepada pelancong-pelancong yang datang.

Kalau dia lihat bahawa pengenalan Malaysia ini lebih kurang macam negeri dia sahaja sebab yang dipamerkan, yang diperkenalkan ialah bentuk-bentuk pesta-pesta hiburan, tempat-tempat karaoke - masuk okay keluar tidak okay, tempat-tempat hiburan yang tidak memberikan satu gambaran jelas tentang Malaysia. Sebab bagi saya bahawa kalau promosi Malaysia ini, memperkenalkan Malaysia hanya dengan bentuk pesta hiburan, saya rasa bahawa tidak ada lebih kurangnya, apa kurangnya dengan negara-negara lain, sedangkan kita seharusnya memperkenalkan suatu bentuk pendekatan 'niche market' satu kelainan dan keunikan yang harus dipamerkan kepada orang-orang yang terdapat di luar daripada negara Malaysia supaya apabila mereka datang ke sini mereka akan merasai satu kepuasan bahawa memang Malaysia ini sesuatu yang unik, yang sangat berlainan daripada yang terdapat di negara mereka.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Boleh minta penjelasan, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sana bangun dahulu ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Minta penjelasan Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Sila.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Minta penjelasan. Panjang lagikah ucapan itu, orang lain hendak berucap juga.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua tidak tegur saya pun. Hendak ganti Tuan Yang di-Pertuakah? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, ya.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Penjelasan. Ini mengenai tatacara pengiklanan. Maknanya kalau Kerajaan Malaysia yang diperintah oleh Barisan Nasional tidak menggunakan etika yang betul dalam pengiklanan untuk mengundi mereka semasa menggunakan televisyen baru-baru ini, maka macam mana kita boleh mengharapkan mereka menggunakan etika-etika yang betul dalam mempromosikan Malaysia di luar negara. Kalau kita lihat bahawa baru-baru ini sebagai contohnya dalam etika....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu Yang Berhormat buat ucapan, bukan penjelasan. Minta Yang Berhormat buat penjelasan, ya.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, habis?

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Yang Berhormat sedar ataupun tidak bahawa baru-baru ini etika pengiklanan tidak digunakan ataupun dipatuhi kerana di dalam etika pengiklanan, kita tidak boleh memburuk-burukkan barangan orang lain kalau sekiranya kita hendak *promote* barangan kita tetapi baru-baru ini semasa pilihan raya, Barisan Nasional menggunakan kaedah memburuk-burukkan parti lawan di dalam pengiklanan mereka.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Ya, saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua bahawa itu menunjukkan satu *counter productive*. Satu masa bahawa khususnya dalam peruntukan RM150 juta ini ialah untuk mengiklan dan mempamerkan Malaysia kepada dunia luar tetapi dalam masa yang sama dia cuba.....

Tuan Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Speaker...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, nanti sekejap. Yang Berhormat.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar:....memperkenalkan Malaysia sesuatu yang buruk dari sudut demokrasi dan sebagainya dari segi hak dan....

Tuan Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat, beri laluan.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Nanti, saya tidak habis lagi, saya tidak jawab habis lagi.

Tuan Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Boleh beri laluan atau tidak?

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Duduklah, sekejap lagi saya berilah.

Tuan Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Apa, minta laluan boleh atau tidak?

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Sekejap lagi saya beri, saya hendak habiskan ini dahulu...

Tuan Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak, ini berapa lama hendak bercakap, Tuan Speaker?

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Nampak hendak bodek, hendak jadi inikah?
[Ketawa]

Tuan Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap tidak boleh.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Nanti saya hendak beri dahulu.

Tuan Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Berilah chance bercakap, you sudah berapa lama bercakap dah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila, sila.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi bahawa ini merupakan *counter productive* kepada usaha untuk memperkenalkan Malaysia untuk mempamerkan Malaysia supaya orang datang tetapi dalam masa yang sama Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang sangat tidak demokrasi, bercanggah dengan sistem demokrasi apa yang sepatutnya diamalkan dalam negara kita dan ini mungkin akan menyebabkan soal menjejaskan usaha-usaha untuk memperkenalkan Malaysia kepada dunia luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa satu bentuk iklan yang seharusnya di....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Arau bangun, Yang Berhormat. Arau bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Pembesar suara tidak dihidupkan]*

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Saya boleh tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua boleh beri masa yang panjang tidak menjadi masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita tidak ada masa ini, kita hanya tinggal tiga hari lagi ya. Mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat berucap jangan panjang-panjang sangatlah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:Yang Berhormat tadi, saya*[Pembesar suara tidak dihidupkan]*

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya beri laluan atau tidak itu?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak lagi, Yang Berhormat dia tidak beri jalan lagi, Yang Berhormat.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Lorong pun tidak ada. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan lagi, nanti dahulu. Minta kebenaran daripada dia dahulu ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Terus berucap walaupun pembesar suara tidak dihidupkan]*

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Jalan ada, Menteri Kerja Raya ada. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat teruskan ya. Minta pendekkan sedikit ya.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Ya, ya. Sepatutnya pengiklanan kita bukan hanya pengiklanan seperti mana yang saya katakan tadi dalam bentuk-bentuk hiburan dan sebagainya tetapi apa yang harus kita lihat di sini ialah untuk membangunkan bukan sahaja kepentingan pelancong-pelancong tetapi juga dalam masa yang sama kita harus menjaga soal kepentingan masyarakat dan rakyat dari sudut kebudayaan, akhlak, sahsiah, keperibadian di kalangan masyarakat Malaysia.

Oleh sebab itu, saya sangat bersetuju dengan pendekatan yang dilakukan oleh pihak kerajaan selama ini iaitu satu konsep *ecotourism* iaitu pelancongan yang berasaskan kepada alam semula jadi dan ini sangat-sangat baik untuk menarik mereka dan ini merupakan satu yang unik, berlainan daripada yang terdapat oleh orang-orang di dalam dunia luar, umpamanya di negara Barat mereka tidak ada satu keindahan alam semula jadi, bumi yang hijau, padi yang menguning dan sebagainya. Ini merupakan satu daya tarikan yang sangat baik, dengan sungai-sungai yang baik, cumanya sungai belakang rumah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja yang tidak berapa baik, saya kawasan Pokok Sena sahaja, rumah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini dalam kawasan Pokok Sena, saya dok tengok sungai belakang rumah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini tidak berapa elok sedikitlah, insya-Allah saya balik selepas ini, hendak suruhlah majlis daerah cuci sedikit. Jadi, ini merupakan satu pendekatan yang sangat baik.

Satu cadangan lagi yang saya hendak kemukakan di sini ialah satu konsep *religious tourism* iaitu pelancongan yang berunsurkan kepada agama, maknanya tempat-tempat agama ini yang seharusnya menjadi daya tarikan kepada pelancong-pelancong luar untuk datang ke Malaysia. Saya melihat di sini bahawa pada saya bukan sahaja dalam konteks agama Islam, dalam apa sekali pun yang boleh menarik pelancong dan juga boleh membina masyarakat sama ada pelancong dan juga masyarakat Malaysia dengan budaya agama. Cuba kita lihat di negara India, satu tarikan pelancong daripada luar India untuk pergi ke sana ialah Sungai Ganges, maknanya sungai yang ada kaitan dengan soal kehidupan beragama bagi masyarakat yang beragama Hindu, yang menyebabkan dalam

upacara tertentu ini ramai di kalangan penganut agama Hindu akan pergi ke sana, ini juga saya kira menunjukkan bahawa konsep *religious tourism* iaitu pelancongan yang berunsurkan atau berasaskan kepada agama.

Begitu juga di negara Iran umpamanya, minat orang untuk pergi ke Iran kerana ada unsur-unsur agamanya, masyafnya, khomnya, pusat-pusat pengajian dan pendidikan Islam. Begitu juga di Jordan dan di lain-lain tempat yang merupakan tempat-tempat sejarah tentang Islam, tempat makam ataupun kubur nabi-nabi bila setiap di kalangan orang Islam bila hendak pergi umrah dia akan pergi di samping untuk melawat ziarah tempat-tempat bersejarah, ini semua seharusnya menjadi daya tarikan pelancong untuk datang ke negara mereka.

Begitu juga untuk Malaysia ini, saya mencadangkan supaya konsep *religious tourism* ini perlu diperkenalkan supaya tempat-tempat yang berunsurkan agama umpamanya kalau untuk orang bukan Islam kita sudah ada di Pulau Pinang tokkong ular, ini merupakan satu daya tarikan pelancong yang berunsurkan agama. Begitu juga bagi orang Islam, umpamanya ada Batu Bersurat, ini merupakan satu pengenalan sejarah kemasukan Islam ke dalam negara kita.

Begitu juga di negeri-negeri yang terdapat dalam negara kita ini, umpamanya tempat-tempat pusat pendidikan pengajian Islam yang sangat terkenal umpamanya di Kelantan, di Terengganu, di Kedah, di Perlis, di Perak dan sebagainya, seharusnya ini menjadi satu daya tarikan pelancong untuk datang ke negara kita kerana di sini mereka dapat melihat bahawa ada tempat-tempat pengajian yang boleh di samping mereka melawat dan boleh mereka manfaatkan dengan pembentukan ilmu di kalangan mereka. Ini juga saya kira bahawa konsep *religious tourism* ini bukan sahaja untuk kepentingan pelancong-pelancong luar, tetapi juga untuk pelancong-pelancong dalam negara kita. Kita tidak mahu pelancong-pelancong dalam negara kita ini diperkenalkan seperti yang saya sebut pada awal tadi bahawa dengan budaya hiburan yang tidak memberikan manfaat kepada kehidupan mereka.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah pendekkan ucapan sedikit ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Minta penjelasan sedikit dari Pokok Sena. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa Malaysia juga sebenarnya ada mengadakan *religious tourism* ini, tetapi Yang Berhormat tidak pernah sebut pun, cuma yang disebut adalah promosi untuk hiburan. Tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa Malaysia mengadakan Tilawah al-Quran peringkat antarabangsa, *the only country in the world*, dengan izin. Itu pelancongan juga.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya rasa maklumat Yang Berhormat Sipitang

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, bukan Yang Berhormat yang berucap tadi ya.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tilawah al-Quran itu walaupun ada unsur untuk membawa pelancong datang, tetapi tidak menampakkan kesungguhan, sudah berapa lama dah, sudah berpuluh tahun dok tilawah, dari sudut kesedaran Islam, kehidupan beragama langsung tidak menunjukkan ada satu *improvement* kesungguhan di pihak kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, mintalah pendekkan sedikit, kita tidak ada masa panjang ya.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tilawah, kita yang bawa keluar duit, kita yang sponsor orang dan sebagainya, sedangkan maksud saya dari sudut *religious tourism* ini maknanya kita memperkenalkan mempamerkan tetapi orang datang bawa duit ke dalam negara kita, tetapi tilawah al-Quran ini kita yang bawa keluar duit, menaja, sponsor dan sebagainya, maknanya dari segi keuntungan untuk masyarakat dalam meningkatkan taraf hidup ini tidak dapat dimanfaatkan.

Dato' Wira Abu Seman bin Haji Yusof: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Alor Gajah bangun, hendak beri jalan kepada dia atau tidak?

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua minta saya, sebab saya sudah hendak habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta pendekkan ucapan.

Dato' Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Kalau tidak beri penjelasan Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa dia?

Dato' Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Sepatutnya apabila dia berucap, dia mesti memandang kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta pendekkan.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Ini sahaja kacau. Saya pandang Tuan Yang di-Pertua, saya pandang juga ...

Tuan Yang di-Pertua: Minta pendek-pendekkan sedikit Yang Berhormat.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Ya, ini sahaja budak-budak nakal Tuan Yang di-Pertua. Jangan, Alor Gajah cerdik.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut tentang *religious tourism* ini bahawa juga untuk kepentingan kepada masyarakat generasi muda, maknanya kita hendak membentuk kehidupan mereka ini dengan kehidupan yang berakidah, kehidupan beragama, bukan kita membentuk kehidupan mereka ini berasaskan kepada hiburan yang melampau, yang tidak menguntungkan. Umpamanya, saya difahamkan menjelang millenium baru, alaf baru ini suatu pesta hiburan besar-besaran akan diadakan yang merupakan penaja utamanya *Salem Cool Planet* yang akan diadakan di negara Malaysia yang merupakan satu program serentak di bandar-bandar besar di seluruh dunia dan ini saya kira bahawa tidak memberikan apa-apa manfaat kepada masyarakat dalam konteks pembentukan budaya sahsiah dan keperibadian kepada masyarakat di dalam negara kita.

Jadi, oleh sebab itulah, saya kira bahawa kementerian ini perlu lebih serius dalam membentuk budaya masyarakat dan rakyat yang terdapat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Mintalah gulungkan ucapan.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ya, saya hendak gulung ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya yang saya hendak sebut di sini ialah tentang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu peruntukan sebanyak RM11 juta, yang saya hendak persoalkan di sini ialah peruntukan ini ialah merupakan untuk usaha menarik, menggalakkan lebih ramai pelabur-pelabur untuk datang ke negara kita. Isu yang timbul di sini ialah walaupun saya bersetuju untuk menarik pelabur-pelabur datang ke dalam negara kita, tetapi soalnya masalah yang paling asas, yang menjadi prinsip ini ialah

soal kawalan modal. Antara yang menjadi punca yang menyebabkan pelabur-pelabur enggan untuk datang ke Malaysia ini kerana ada sistem kawalan modal yang menyebabkan sukar untuk mereka dan di samping juga ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan soal ketelusan pengurusan dan pentadbiran yang dilakukan oleh pihak kerajaan sendiri.

Saya juga ingin supaya pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ini untuk memastikan hasil daripada peruntukan RM11 juta ini, mereka berupaya untuk merakyatkan peluang-peluang pelaburan untuk kepentingan masyarakat dan rakyat kebanyakan dalam negara kita, bukan hanya peluang pelaburan itu boleh dimanfaatkan oleh rakyat dalam negara kita ini untuk kepentingan kroni-kroni atau kaum keluarga mereka, sepertimana yang berlaku di bawah kementerian ini, menteri hanya mengagihkan saham untuk anak menantu dia.

Tuan Che Ghani bin Che Ambak: Tuan Yang di-Pertua, hasil lawatan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ini, kita mengharapkan juga supaya pelabur-pelabur itu juga dibawa ke Terengganu dan Kelantan, bukan sekadar ke kawasan-kawasan Barisan Nasional sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat membuat kenyataan itu, sila minta penjelasan ya.

Tuan Che Ghani bin Che Ambak: Penjelasan.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Setiu bahawa sepatutnya peluang-peluang pelaburan, sebab itu saya katakan tadi bahawa merakyatkan peluang pelaburan itu hasil daripada promosi penggalakan untuk membawa pelabur datang ke negara kita, itu merakyatkan, itu termasuklah bahawa di negeri Kelantan dan juga di negeri Terengganu, bukan berlaku satu diskriminasi di kalangan peluang-peluang ini.

Seperti yang saya katakan tadi bahawa sepatutnya dia tidak hanya berlegar peluang-peluang ini kepada kroni-kroni di kalangan pemimpin-pemimpin, saya sangat bimbang bahawa dengan kementerian ini apabila kementerian ini terus dipegang oleh menteri yang sangat dipersoalkan oleh rakyat, sudah diperakui oleh BPR, sudah diperakui oleh Jabatan Peguam Negara bahawa ada pertuduhan untuk dibawa dan diseret ke mahkamah. *[Tepuk]*

Ini menunjukkan bahawa kita tidak mahu, rakyat tidak mahu mempunyai satu keyakinan bahawa peluang-peluang akan diperolehi oleh masyarakat dan rakyat, sebab itu saya bimbang bahawa dengan keadaan menteri ini terus memegang post di kementerian ini bahawa anak menantu dia, suku sakat dialah yang akan memperolehi.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Sebab itu saya harap kepada pihak kerajaan agar lebih serius, begitu juga akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua,

Tan Sri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tan Sri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh: Seorang ahli tidak boleh menimbulkan sangkaan jahat terhadap ahli yang lain. Terima kasih.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya kira bahawa mungkin Ahli Yang Berhormat dari Kangar ini agak ketinggalan bahawa ini bukan soal sangkaan jahat, ini sudah ada satu prove yang dibuktikan dengan dokumen yang dibuat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang dibuat dengan laporan pihak polis, yang didedahkan kepada pihak polis kepada pihak BPR.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Saya akan mengakhiri, penggulungan yang paling akhir Tuan Yang di-Pertua, iaitu dalam soal SPR. Saya kira bahawa SPR, saya membaca bahawa objektif SPR ialah memelihara, mengawasi, mengekalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia menerusi pilihan raya yang adil dan saksama, ini yang menjadi objektif kepada pihak SPR.

Saya melihat bahawa dalam pilihan raya baru-baru ini menunjukkan bahawa tidak adanya satu kecekapan, keseriusan bekerja sama ada dua kemungkinan sama ada kecekapan bekerja ataupun penyelewengan yang disengajakan oleh pihak SPR hasil bersekedudukan secara haram Barisan Nasional dengan SPR. Ini yang berlaku dalam pilihan raya baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat kita tidak boleh menyentuh tindak-tanduk ataupun kerja-kerja SPR Yang Berhormat, melainkan ada Usul yang bersendirian ya.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Ya, sebab itu saya katakan tadi bahawa hendak menunjukkan kepada kita bahawa yang penting pihak SPR seharusnya mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah yang telah pun dilihat, umpamanya nama, daftar pemilih yang bertindih, satu kad pengenalan dengan banyak nama dan sebagainya seharusnya diambil dengan memastikan supaya perjalanan pilihan raya ini akan lebih telus dan akan lebih memberikan keadilan kepada masyarakat dan rakyat dalam negara kita kerana kita mengharapkan bahawa demokrasi bukan hanya sekadar lima tahun sekali, kita harus faham bahawa demokrasi bukan hanya sekadar untuk wujud pada lima tahun sekali, tetapi demokrasi seharusnya berterusan sepanjang masa termasuklah juga dalam urusan perbincangan kita di Parlimen, maknanya demokrasi seharusnya wujud, maknanya kita tidak boleh melanggar perkara-perkara yang diperuntukkan oleh Perlembagaan dan juga Peraturan Mesyuarat dan sebagainya, ini yang seharusnya dilakukan oleh semua pihak termasuklah Kerajaan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sipitang.

10.50 pagi

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengambil bahagian sedikit dan menyokong Anggaran Belanjawan Mengurus Ketiga 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.22 sekali lagi iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di mana peruntukan tambahan sebanyak RM150 juta untuk promosi pelancongan.

Saya menyokong usaha-usaha kerajaan untuk mempromosikan Malaysia untuk mempertingkatkan industri pelancongan di negara ini. Ini kerana industri pelancongan adalah punca pendapatan negara terutama sekali dari segi tukaran asing. Industri pelancongan juga boleh membekalkan peluang-peluang pekerjaan seperti pemandu pelancong, industri-industri kecil yang berasaskan pelancongan dan juga peluang-peluang pekerjaan di tempat-tempat pelancongan seperti pelayan, kerani dan sebagainya. Juga industri pelancongan ini akan menambah pertumbuhan industri pembinaan di negara ini di mana akan terbinanya hotel-hotel, chalet, resort, padang golf, restoran dan sebagainya.

Melalui industri pelancongan ini juga rakyat akan sedar bahawa kecantikan negara itu begitu penting dan ini akan membersihkan negara dari segi kecantikan dan akan menjadi tumpuan pelancong negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pelancongan memang ada kaitan dengan promosi dan iklan, yang penting ialah memberi pendedahan sebanyak mana manusia di dunia ini untuk mengenali negara kita, tetapi yang penting juga apabila mereka terdedah kepada negara Malaysia, mereka akan terpicu dengan iklan-iklan tersebut ataupun promosi tersebut dan akan berkunjung ke Malaysia untuk melihat sendiri dan datang menikmati apa yang mereka lihat.

Saya mohon penjelasan daripada kementerian, berapakah anggaran penduduk dunia yang dapat manfaat daripada hasil promosi tersebut yang mana kita telah belanja RM150 juta dan berapakah peratus ataupun bilangan anggaran yang akan tertarik dengan industri ataupun promosi pelancongan tersebut.

Kita tahu juga bahawa negeri-negeri mempunyai promosi mereka sendiri yang mana kita lihat negeri-negeri tertentu akan membuat promosi pelancongan dan tidak kurang juga negeri-negeri di Malaysia ini yang membuat lawatan ke luar negeri secara sendiri. Apakah ada penyelarasan di antara Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan negeri-negeri ini kerana apabila kita melihat bila negeri-negeri itu mempromosi negeri mereka di luar negara, mereka cuma tertumpu kepada negeri tersebut dan alangkah baiknya jikalau negeri tersebut

Dato' Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit dari Sipitang. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat mengatakan negeri-negeri mempunyai usaha untuk menarik pelancong-pelancong ke negeri masing-masing. Tadi kita dengar daripada Pokok Sena yang mencadangkan supaya ada *religious tourism*. Kita tahu bahawa di Kelantan telah memerintah selama ini masuk kali yang ketiga, sejauh mana pada pandangan Ahli Yang Berhormat, Kelantan telah cuba menonjolkan secara *religious tourism* hingga ke hari ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih pandangan daripada Yang Berhormat. Saya memang bersetuju pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah diperintah tiga penggal oleh PAS tetapi satu bentuk program pun mereka tidak buat, yang mereka cadang ialah Kerajaan Malaysia

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya belum habis lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Minta Penjelasan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya belum habis lagi Yang Berhormat. Tunggu sekejap.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Minta penjelasan, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak beri laluan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, sila duduklah ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Jadi, memang sepatutnya merekalah yang buat dahulu kerana mereka yang memerintah negeri mereka sendiri, jangan mencadangkan kepada orang lain sedangkan mereka tidak buat tetapi suruh orang lain membuat, kita kena melihat juga bahawa tadi dikatakan ada promosi melawat kubur nabi-nabi, itu adalah fakta sejarah, kita tidak mungkin akan ada kubur nabi di Malaysia kerana negara kita pada dasar yang lain.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: [Bangun].

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya banyak lagi hendak bercakap Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat, ya.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Tadi janji hendak beri jalan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya banyak lagi hendak cakap. Saya berucap dahulu Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak boleh tawar menawar di sini. Sila duduklah, dia tidak beri jalan ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tadi, saya menyentuh tentang negeri-negeri yang membuat promosi masing-masing ke luar negara, saya ingin bertanya apakah bentuk penyelarasan di antara negeri-negeri ini dengan kementerian supaya satu promosi yang menyeluruh boleh dibuat, yang mana yang pertama sekali negeri-negeri tersebut juga mengiklankan atau mempromosi negara Malaysia di samping promosi spesifik untuk negeri-negeri tersebut.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian apakah juga bentuk penyelarasan dengan kementerian-kementerian yang lain, yang ada kaitan dengan negara-negara luar misalnya daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang juga ada hubungan dengan kerajaan-kerajaan lain, yang mana apabila mereka ini membuat promosi perdagangan, apakah juga diselitkan tentang pelancongan ini.

Saya pernah mengikuti satu rombongan pedagang ke luar negara, memang kita ada selalunya terdedah dengan pengusaha-pengusaha ataupun ahli-ahli perniagaan, tetapi fokus kita begitu tertumpu kepada pelaburan dan juga perindustrian. Kita ada *video clip* misalnya, tetapi *video clip* ini terhad kepada promosi perdagangan, alangkah baiknya jikalau dalam *video clip* tersebut juga dimasukkan tentang industri pelancongan ataupun tempat-tempat menarik di Malaysia dari segi untuk dilawati ataupun untuk dilihat sendiri oleh pelabur-pelabur luar negeri. Jadi, ini menambah sekali gus di samping kita mempromosikan perdagangan ataupun pelaburan perindustrian di Malaysia juga kita terus mempromosikan negara kita pelancongan melalui kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh kerana ada banyak lagi agensi lain yang patut kita aktifkan dalam mempromosikan Malaysia ini. Misalnya apakah peranan kedutaan kita di luar negara, peranan pelajar-pelajar kita yang belajar di luar negara ataupun melalui program pertukaran pelajar ataupun pelancong-pelancong *individual* sendiri yang boleh mempromosikan negara kita di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang menyedihkan ada orang yang memburuk-burukkan negara kita di luar negara, yang mana negara kita terus dihina dan diburuk-burukkan di luar negara. Mana dia konsep cintakan negara.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sipitang, dia bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya belum beri jalan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Batang Lupar bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Sekejap Yang Berhormat, saya habiskan dahulu. Mana dia perasaan cinta negara ataupun perasaan patriotik kita terhadap negara kita, jikalau kita sendiri sanggup, orang Malaysia sendiri sanggup memburuk-burukkan

negara kita di luar negara dan membenci negara sendiri. Saya beri peluang kepada Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Rakan dari tanah Borneo kena berilah, nanti bujang senang keluar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ha, kalau hendak cakap itu, cakaplah kata terima kasih. Ini ada tertib dalam Dewan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat kerana memberi peluang.

Jadi, orang lama kena berilah orang baru, jangan tepuk sana tepuk sini, berdiri hendak cakap sampuk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat sekali lagi kerana memberi peluang kepada saya. Saya hendak bertanya dengan rakan saya dari Sipitang.

Saya pernah membangkitkan persoalan penyelarasan ini yang pernah juga Yang Berhormat sendiri sebutkan, saya hendak sebut sebelum saya minta penjelasan, saya hendak sebut satu perkara sedikit, saya ialah Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sarawak dan saya sekarang telah mempromosikan satu jambori yang akan kita adakan di Sarawak, di seluruh dunia, saya telah hantar orang ke South Africa, ke Jepun, ke Taiwan, ke Hong Kong, ke Australia, New Zealand dan Central Africa, kita hendak menghantar orang ke India dan ke negara Arab pun, jadi persoalannya

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penjelasan Yang Berhormat. Ya, minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Penjasannya Tuan Yang di-Pertua, ini mukaddimah dahulu, kalau tidak ada, tidak ada latar belakang. Jadi, ini latar belakang, jadi saya mendapat kerjasama yang begitu baik sekali dengan *Tourism Board* atau Lembaga Pelancongan di Sarawak untuk menyediakan *promotion material* daripada pelancongan di Sarawak.

Tetapi persoalannya sama ada Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang bersetuju atau tidak, bukan kita gunakan pengakap-pengakap sahaja, mana-mana badan macam *Jaycees*, *Lion*, *Girl Guide*, *Red Crescent* dan sebagainya kerana mereka ini banyak ke luar negara, mereka ini banyak mengadakan perjumpaan dan konvensyen di luar negara, mereka ini banyak mengadakan perjumpaan dan perkhemahan di luar negara, tetapi masalahnya kementerian tidak menggunakan badan ini untuk mempromosikan Malaysia kerana promosi yang dibuat oleh pihak kementerian ini ada mempunyai *target group*nya sendiri tetapi ada pula *target group* yang lain tidak tahu pun di mana letaknya Malaysia. Pertama.

Inilah maklumat-maklumat yang saya dapat semasa saya menghantar budak-budak saya ke Fujiama, ke Tokyo dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, bagaimana pendapat Yang Berhormat dalam persoalan ini?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya setuju pendapat Yang Berhormat bagi Batang Lupar, sebab itu saya katakan tadi bahawa perlu ada penyelarasan di semua peringkat. Kerana mana-mana badan yang ada kaitan dengan luar negara patut dirancang terlebih dahulu bahawa elemen pelancongan ini perlu diselitkan ke dalam acara-acara tersebut. Ini yang saya maksudkan, tidak kira pengakapkah, kumpulan NGO Lion, Jesus dan sebagainya. Ini perlu kita aturkan.

Tuan Ronald Kiandee: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat di belakang bangun, hendak beri jalan ataupun tidak?

Tuan Ronald Kiandee: Saya hendak minta penjelasan dari Ahli Sipitang, beliau ada menyebut bahawa ada kumpulan-kumpulan masyarakat di Malaysia ini yang memberi

imej negatif kepada Malaysia di luar negara. Saya hendak tahu, kumpulan masyarakat yang mana selalu memberi imej negatif ini kepada Malaysia di luar negara?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Itulah saya katakan tadi, terima kasih Yang Berhormat dari Beluran, sebab itu saya katakan tadi ada golongan manusia, individu-individu tertentu yang memburuk-burukkan negara kita di luar negara dan inilah yang kita katakan bahawa semangat patriotik itu tidak ada. Sepatutnya setiap individu rakyat Malaysia di negara ini sepatutnya mempunyai perasaan cintakan negara dan mempamerkan imej yang baik negara kita di luar negara.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya beri jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi jalan, ya.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat Sipitang. Boleh Yang Berhormat memberikan penjelasan secara spesifik, cara yang khusus, manakah kumpulan ataupun orang perseorangan yang telah memberikan imej buruk di luar negara. Ini satu kenyataan umum yang bertujuan memburukkan pembangkang tetapi secara spesifik Yang Berhormat tidak pernah ataupun dalam Dewan ini boleh memberikan satu contoh.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, semalam Yang Berhormat bagi Batang Lupar kalau tidak silap saya, telah membangkitkan isu yang sama. Pada hemat saya sebenarnya imej yang buruk bagi negara kita ialah hasil daripada tindakan-tindakan kerajaan sendiri terutamanya dalam isu kehakiman, dalam isu Dato' Seri Anwar Ibrahim *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Tuan Haji Husam bin Haji Musa:.....dalam isu kehilangan transparency dalam negara dan Kabinet kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Dia hendak berucap, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih daripada rakan kita daripada.....tidak tahu dari kawasan mana. *[Ketawa]* Yang berucap tadi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Kubang Kerian, terima kasih. Saya mengatakan tadi ada individu, saya ingat saudara dari Kubang Kerian boleh baca surat khabar, tahu sendiri siapa orang itu. Siapa orang itu. Jadi siapa yang makan lada, dia yang terasa pedas. *[Tepuk]*

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Siapa orang itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kubang Kerian, minta jalan dahulu, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Saya mohon maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Jadi siapa yang makan lada, dia rasa pedas. Jadi, saya cuma membuat kenyataan tadi bahawa memang ada orang yang memburukkan negara kita di luar negara. Jadi tujuan ini tidak baik sebenarnya. Sepatutnya saya katakan tadi kita mempunyai perasaan

[Dua orang ahli bangun]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang di belakang bangun dulu.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Itu yang di belakang, Yang Berhormat dulu bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya ada banyak perkara lagi. Ada di belakang.

Tuan Moktar bin Radin: Bolehkah? *[Ketawa]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Okey, dari Kinabatangan. *[Ketawa]*

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan wakil dari Sipitang. Ini penjelasan dan pandangan saya. Mungkin saudara bersetuju dengan saya bahawa yang mengapi-apikan ataupun memburuk-burukkan imej negara kepada negara-negara luar adalah dari kumpulan-kumpulan parti pembangkang. Ini jelas nampak, tetapi pihak pembangkang pura-pura tidak tahu *[Tepuk]* Sedangkan mereka yang menjelajah dari satu negara ke satu negara untuk memburukkan kerajaan yang ada ini.

Yang kedua

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta penjelasan, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Moktar bin Radin: Ya, penjelasan. Saya tanya wakil rakyat ini setuju atau tidak? *[Ketawa]* Itu penjelasan. Yang kedua, saya bertanya kepada Yang Berhormat bagi Sipitang, setuju atau tidak bahawa Kerajaan Kelantan telah gagal untuk menggerakkan negeri mereka, kerana mereka telah tidak boleh mempelopori ataupun menarik pelancong-pelancong luar melawat ke Kelantan. Saya mahu tanya, kenapa pelancong tidak mahu datang ke sana? Adakah orang Kelantan yang jahat ataupun kerajaan dia tidak mampu untuk melaksanakan promosi pelancongan ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Kedah, tolong duduk ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya rasa tidak perlu ulas dengan itu. Jikalau Yang Berhormat tadi tidak setuju dalam soal keadaan dalam negara kita, kita tidak sepatutnya memperjuangkan di luar negara. Kalau boleh datanglah ke negara ini dan berjuanglah dalam negara seperti dalam pilihan raya baru-baru ini kita ada mempunyai negara demokrasi pilihan raya, terpulang kepada rakyat untuk mempunyai pendirian. Dan terbukti juga bahawa kita telah mengadakan demokrasi, banyak rakan kita di sebelah sana pun menentang pilihan raya. Inilah negara kita Malaysia.

Tuan Muhammad bin Mustafa: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak beri jalan, Yang Berhormat, saya ada banyak lagi perkara hendak cakap ini.

Saya ingin ucap tahniah kepada kerajaan di samping usaha promosi luar negara, usaha-usaha promosi dalam negara juga untuk menaikkan imej negara kita telah pun dibuat. Tahniah kepada pucuk pimpinan negara, misalnya negara kita telah membuat Sukan Komanwel dengan berjayanya, kemudian membuat *Formula One* juga dengan berjayanya dan juga kita telah mengadakan golf piala dunia, kita juga telah mengadakan LIMA Langkawi, yang menarik begitu banyak pelancong dan juga telah mengadakan tilawah al-Quran. Tadi Yang Berhormat dari Pokok Sena mengatakan bahawa kita cuma membuat promosi-promosi dalam bentuk hiburan tetapi kita juga membuat promosi yang

seimbang, bukan sahaja promosi hiburan tetapi lain-lain konvensyen, persidangan-persidangan antarabangsa juga dibuat di Malaysia ini bukan sahaja berbentuk hiburan.

Jadi inilah yang kita katakan pendapat yang berat sebelah, sepatutnya kita melihat secara menyeluruh. Dari segi acara-acara yang kita adakan di Malaysia ini, impak langsung telah pun dapat menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita dan industri pelancong dalam negara telah meningkat akibat daripada perkara ini. Secara tidak langsungnya pendedahan akibat daripada acara tersebut, misalnya *Formula One*, saya difahamkan bahawa lebih kurang 600 juta penonton seluruh dunia melihat acara tersebut dan tidak kurang pula piala golf dunia bahawa penduduk-penduduk seluruh dunia juga menonton televisyen dan melihat Malaysia melalui kaca televisyen mereka.

Saya sempat menonton sekejap, mengenai dengan golf piala dunia itu di mana pemain nombor satu dunia Tiger Woods bermain dan salah seorang *commentator*, dengan izin, ataupun pengulas memberi

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Penjelasan. Ini orang lama dengan orang lama, bolehlah. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tidak apalah, kawan, kawanlah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah memberi penjelasan, penonton lebih kurang 600 juta menonton *Formula One* melalui kaca televisyen tetapi sedarkah Yang Berhormat, penonton Malaysia tidak mampu untuk masuk ke dalam *circuit* itu, menonton daripada atas bukit secara jauh, mereka lihat kereta hanya besar mancis api. *[Ketawa]* Jadi apakah kita membuat sukan *Formula One*, rakyat dunia melihat tetapi rakyat Malaysia tidak mampu masuk ke dalam gelanggang. Apakah ulasan Yang Berhormat dalam hal ini?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Ini Yang Berhormat kena fikir sendirilah. Kalau dah tempat itu kecil, memanglah kalau jauh nampak kereta kecil, sama juga orang melihat dalam stadium. Saya lebih suka melihat rancangan bola sepak secara langsung melalui televisyen, bila saya pergi stadium, saya duduk di hujung atas, nampaklah kecil. *[Tepuk]* Kalau hendak nampak besar, Yang Berhormat bawa teropong besar-besar untuk tengok dekat. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Nampaknya yang mencelah tu tidak jelas.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya belum bagi lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak masuk dalam stadium, mereka duduk atas bukit kerana tidak mampu membayar tiket RM300, RM600, ini apa ulasan Yang Berhormat dalam hal ini?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Kita tidak paksa mereka beli, Yang Berhormat, yang mampu sahajalah beli, yang tidak mampu duduk di rumah tengok. Siapa yang hendak pergi sana, tengok dekat bawa teropong besar-besar supaya tengok nampak kereta dekat. Jadi saya ingat pandangan Yang Berhormat.....ini kawan jugalah. *[Ketawa]*

Yang menariknya bahawa pengulas tadi

Tuan Muhammad bin Mustafa: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Ini banyak gangguan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada banyak perkara lagi hendak cakap. Tak apa, beri peluang.

Tuan Muhammad bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian dan minta penjelasan, mengenai dasar promosi dan sebagainya, nampaknya saudara saya tadi dari Sipitang, jadi saya terima kasih di atas ulasan-ulasan yang diberi dari segi positif sahaja. Memang kita akui banyak perkara yang baik yang dilakukan oleh kerajaan dan ini kita hargai tetapi di waktu yang sama kita juga harus adil dalam menilai sesuatu, jangan kita hanya melihat dari sudut kebbaikannya sahaja kerana di waktu yang sama ada juga perkara-perkara yang seharusnya kita sedar iaitu di sebalik promosi-promosi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan ada juga unsur-unsur yang negatif dan unsur-unsur yang boleh menjejaskan kesucian budaya dan pembangunan insan itu sendiri kita harus sedar bahawa harta negara yang paling mahal di dalam negara kita ialah insan itu sendiri. Soalnya, kenapa wakil dari Sipitang tidak menjelaskan sama kepada Dewan perkara-perkara yang tidak baik yang dilakukan dalam gerakan promosi pelancongan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan berucap. Jangan buat ucapan. Mengikut peraturan mesyuarat boleh buat penjelasan, minta penjelasan.

Tuan Muhammad bin Mustafa: Saya minta penjelasan, yang pertama adakah Yang Berhormat sedar tentang kejatuhan nilai-nilai manusia dalam apa yang dilakukan dalam promosi-promosi itu? Yang kedua, soal memburuk-buruk ini, saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat kita sedar bahawa soal memburuk-buruk ini memang bukan sahaja berlaku di mana-mana tetapi yang paling teruk sekali ialah soal memburuk-buruk yang dilakukan oleh pihak kerajaan, khususnya dalam soal isu Anwar Ibrahim. Jadi adakah tidak diambil kira dalam soal ini? *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara sub judice, perkara itu dalam mahkamah.

Tuan Muhammad bin Mustafa: Itu minta penjelasan soal buruk- memburuk itu tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan jawab perkara yang nombor dua, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Ya. Terima kasih rakan saya. Soal elemen-elemen memburuk ini memang rakyat Malaysia ini walaupun tidak ada iklan di Malaysia tetapi elemen-elemen buruk ini kita sentiasa terdedah dalam dunia globalisasi ini orang-orang di seluruh dunia akan terdedah kepada perkara ini. Misalnya sekarang ini ada unsur-unsur dalam tayangan gambar, dalam internet dan sebagainya terpulanglah kepada kita untuk menilai yang mana satu yang baik dan yang mana satu yang buruk. Kita boleh mengambil apa-apa juga daripada Barat tetapi kita mengeluarkan yang buruk dan mengambil cuma yang baik, itulah yang kita perlu ada.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelah sini bangun.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan, nampak daripada pembangkang ini banyak sentuh pasal nilai. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan – hendak minta pendapat Yang Berhormat. Kerajaan Kelantan ini, apa yang kita buat semua dia kata tidak betul. Sebagai contoh, dahulu Kerajaan Kelantan pernah mengumumkan bahawa mana-mana pelancong yang datang ke Kelantan ini, yang mana pakai menjolok mata, dia hendak bagi kain batik. Hendak sediakan kain batik di sempadan- sempadan negeri Kelantan. Jadi.....

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bukan dia yang berucap.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Kerajaan Kelantan tidak ada di sini. Yang Berhormat kena jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang berucap yang itu.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Kerajaan Kelantan tidak ada di sini.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Nanti dahulu, kalau Yang Berhormat berucap pun nanti saya hendak tanya juga. Tunggu nanti Yang Berhormat berucap dahulu. *[Ketawa]* Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa inilah yang menyebabkan kerajaan Kelantan hanya bertentangan. Kita hendak ramaikan pelancong, dia buat promosi-promosi macam itu seolah-olah menakutkan pelancong dan akhirnya dia tidak buat pun perkara ini. Hanya untuk mendapatkan publisiti murah, dia tidak buat, jadi adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Kubang Kerian bukan dia yang berucap tu, dia minta penjelasan. Dia minta penjelasan kepada Sipitang ini.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya bersetujulah dengan Tanjong Karang tadi. Inilah yang dikatakan "Gajah depan mata tidak nampak, kuman di seberang laut nampak", inilah dia.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak bagi, saya ada banyak lagi. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya ingin menyambung, saya mendengar commentator ataupun pengulas di acara golf sedunia itu, melalui acara ini dia mengatakan bahawa dalam slot komen dia, di sinilah tempat bermain golf yang baik dan negara ini adalah negara yang cantik, mempunyai hotel yang baik dengan sambutan, layanan yang istimewa. *[Tepuk]* Jadi inilah yang kita inginkan bahawa bukan sahaja kita menunjukkan golf tetapi dalam masa yang sama juga bahawa negara kita mempunyai gambaran yang baik di seluruh dunia. Apa yang penting di sini, promosi luar negara.....

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak bagi, saya ada banyak perkara lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Apa yang penting di sini adalah bahawa promosi itu ataupun acara itu dengan sekaligus memberi gambaran kepada luar negara bahawa negara kita ini cantik, istimewa dan orang ingin datang ke Malaysia. Bukan seperti ada setengah pihak semasa penduduk dunia menonton ada juga yang demonstrasi, bakar tong sampah dengan tendang, bakar kereta dan bersekongkol dengan media luar dan menunjuk kepada negara kita, negara yang huru hara. Jadi, inilah yang kita tidak mahu. Sepatutnya, saya setuju dengan pandangan Pokok Sena tadi yang kita bersekongkol dengan pemberita luas tetapi kita bersekongkol untuk kebaikan negara, bukan bersekongkol untuk memburukkan negara. *[Tepuk]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Arau bangun ya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya beri peluang kepada dia.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat Sipitang dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa selama 42 tahun kerajaan Barisan Nasional memerintah kita telah pun berjaya mewujudkan satu masyarakat dan juga pembangunan insan yang begitu berjaya sekali, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan dihargai di seluruh dunia

tetapi timbul sekumpulan manusia yang sekarang ini agak agresif, melakukan pembohongan, fitnah yang didalangi oleh sekumpulan pihak di negara kita. Terima kasih

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, “*giant killer*” daripada Perlis [*Ketawa*] Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa negara kita pada hari ini melalui kerajaan Barisan Nasional telah pun mempunyai imej yang begitu baik di dunia tetapi ada kumpulan tertentu yang pula bersikap negatif cuba memburukkan imej negara kita ini di peringkat dunia. Apakah ini “Cintakan negara kita”?

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tak bagi peluang lagi kerana ada banyak perkara lagi yang saya hendak sebutkan. Sekejap, saya habiskan dahulu. Saya bagi nanti.

Saya ingin menyentuh perkara Maksud B.20 iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang memberi peruntukan RM11 juta iaitu promosi perdagangan. Saya ingin mengaitkan balik tadi bahawa melalui promosi perdagangan ini, kita mestilah juga mempromosikan negara kita, di samping menarik minat pelabur asing juga supaya menarik minat pelancong-pelancong datang ke Malaysia. Saya beri peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tidak mahu dah. [*Ketawa*] Tidak apa.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat bagi Sipitang bersetuju dengan pandangan yang dikatakan *giant killer*, Yang Berhormat bagi Arau tentang bahawa wujudnya unsur-unsur fitnah, kononnya ada orang buat fitnah. Saya hendak tanya satu perkara adakah Yang Berhormat setuju bahawa fitnah ini sebenarnya berlaku peringkat dalaman UMNO dan Barisan Nasional. [*Tepuk*] Diakui bahawa ada orang-orang daripada kalangan pemimpin-pemimpin UMNO yang fitnah antara satu sama lain, sehingga wujudnya kononnya ada Setiausaha Politik Perdana Menteri cuba sabotaj borang pencalonan Perdana Menteri. [*Tepuk*] Ini menunjukkan bahawa fitnah menjadi amalan kepada pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional. [*Tepuk*]

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tepuk dada tanya selera, Yang Berhormat - mana yang berlaku.

Saya ingin menyebut Maksud B.52 – Kementerian Kerja Raya iaitu tambahan sebanyak RM18 juta yang dikehendaki sebagai bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri Selangor mengenai dengan masalah krisis air. Saya ingin menyebut perkara ini, saya ingat bukan sahaja negeri Selangor, kalau boleh semua negeri yang mempunyai masalah air mestilah dibantu supaya masalah ini dapat diselesaikan kerana perkara air ini adalah perkara asas iaitu satu keperluan yang paling utama dalam hidup.

Saya baru membaca surat khabar *Utusan Malaysia* hari ini bertarikh 21 hari bulan daripada pembaca iaitu ‘Fobia Alaf Baru Dari Semenyih, Selangor’ yang mana masalah air bila balik kampung, di mana kurang air ataupun air yang dicatu.

Jadi, mana-mana negeri yang mempunyai masalah air ini termasuk seperti yang di dalam surat ini mestilah dibantu termasuk negeri Kelantan. Kalau dia ada masalah air kita bantu tetapi jangan pula bila kita bantu dia kata ini bukan bantuan Federal. Ini bantuan orang lain, kena jujur, yang mana kita bantu daripada Kerajaan Persekutuan, kena beritahu bahawa itu adalah bantuan Kerajaan Persekutuan untuk memberi kesenangan kepada rakyat sama ada di Kelantan atau di Terengganu ataupun di Sabah.....

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak beri peluang, saya hendak habiskan ini, ada lagi orang hendak bercakap Yang Berhormat.

Saya ingin kalau boleh masalah air diselesaikan oleh kementerian kerana terdapat masih banyak kawasan terutama sekali di Sabah dan Sarawak di mana bekalan air ini kurang.

Yang pertama, oleh kerana pertumbuhan penduduk dan juga timbulnya kawasan-kawasan industri yang baru dan juga perumahan-perumahan yang baru yang mana perlukan air. Tetapi loji-loji penapis air masih mempunyai saiz yang sama ataupun kapasitinya masih sama, sedangkan keperluan air lebih daripada yang diperlukan. Oleh itu loji-loji ini perlu diperbesarkan atau perlu ditambah untuk memenuhi permintaan pertumbuhan ini.

Yang kedua, oleh kerana paip-paip air yang ada untuk menyalurkan daripada loji-loji tersebut telah lama, ada yang reput, tersumbat, pecah dan sebagainya perlu diganti secara menyeluruh kawasan-kawasan ini.

Jadi, dengan adanya paip-paip baru ini kita harapkan dapat mengatasi masalah kekurangan bekalan air di kampung. Jadi, saya mohon daripada Kementerian Kerja Raya memberi geran ataupun peruntukan pinjaman khas kepada negeri-negeri yang mempunyai masalah air ini supaya dapat diselesaikan krisis air ini di negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jadi itulah sahaja saya mohon menyokong Anggaran Belanjawan Tambahan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Pendang.

11.24 pagi.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, atas keizinan untuk saya berucap dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini.

Saya ingin menasihatkan Yang Berhormat bagi Sipitang supaya berfikiran luas kerana kenyataannya tadi bahawa kenapa negeri Kelantan tidak bertindak sendiri dalam memajukan pelancongan tanpa mengharapkan bantuan daripada pusat? Saya sangat kesal dengan kenyataan itu kerana Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan adalah kementerian pusat yang juga mesti bertanggungjawab kepada semua dan seluruh negeri yang ada dalam negara kita. Kenapa Yang Berhormat bagi Sipitang begitu sempit fikirannya? Di saat pemimpin-pemimpinnya bercakap tentang globalisasi, dia masih mempunyai fikiran yang mengehadkan dalam skop yang begitu sempit, dalam negeri-negeri yang dikuasai oleh Barisan Nasional semata-mata. *[Tepuk]* Apakah dia tahu dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional tahu tentang kemajuan pelancongan di negeri Kelantan.

Tahun Melawat Kelantan yang telah dibuat dalam beberapa tahun yang lalu telah mencapai tahap lebih daripada sasaran, kunjungan pelancong-pelancong ke negeri Kelantan, sementara Tahun Melawat Negeri Sembilan telah gagal, tidak mencapai matlamat pelancong-pelancong untuk melawat Negeri Sembilan. Satu kemajuan yang dicapai dalam sektor pelancongan di negeri Kelantan yang diakui sendiri oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Ini barangkali yang tidak diketahui oleh Yang Berhormat bagi Sipitang dan juga Yang Berhormat bagi Tanjong Karang yang hanya tersepit di Tanjong Karang sahaja. *[Tepuk]* *[Ketawa]*

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak kepada Tanjong Karang?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tanjong Karang bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong Karang sebelah sini Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Ya, saya boleh berilah.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, saya hendak mendapat penjelasan. Saya baca surat khabar bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan pernah membuat pengumuman di dalam surat khabar bahawa mana-mana pelancong asing yang hendak datang ke negeri Kelantan, yang memakai menjolok mata akan dibekalkan dengan kain batik ataupun kain pelekat. Soalannya hari ini, apakah dasar itu telah pun dilaksanakan di negeri Kelantan? Itu saya hendak minta penjelasan.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan di dalam akhbar tidak boleh digunakan untuk menjadi bahan perbahasan dalam Parlimen. *[Tepuk]*

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sudah cukuplah, saya sudah beri satu jalan kepadanya. Kalau dia hendak lagi jalan, minta pada Sungai Siput

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Itu sebab jangan jolok sarang tebuannya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah. *[Disampuk]* Sila-sila. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Yang Berhormat bagi Tanjong Karangkah? *[Disampuk]*

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, semalam ada sindiran-sindiran mengatakan saya sebagai Ketua Pembangkang tidak berucap semalam, makan gaji buta tetapi hari ini saya tengok ramai menteri yang makan gaji buta. *[Tepuk]* Back Benches yang makan gaji buta, tidak datang ke Parlimen. *[Tepuk]*

Yang Berhormat bagi Rompin pun baru datang hari ini. *[Ketawa]*

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah] mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana telah dipilih menjadi Timbalan Speaker. Sebenarnya,

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, penjelasan daripada Rompin, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Syabas kepada Ketua Pembangkang yang baru dilantik, Yang Berhormat bagi Pendang tetapi orak langkahnya itu biarlah disifatkan sebagai Ketua Pembangkang, *to justify*, dengan izin, nama Ketua Pembangkang.

Kenyataan tadi yang mengatakan bahawa kenyataan akhbar tidak boleh dipakai. Ini saya tidak tahu daripada catatan apa yang boleh dipakai ataupun hanya catatan berita angin ataupun hanya akhbar *Harakah* sahaja yang boleh dipakai ataupun hanya catatan fitnah sahaja yang boleh dipakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, penjelasan.

Seorang Ahli: Dia minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya mintalah sebab apa Yang Berhormat, kitapun bangga juga di

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dia sepatutnya minta penjelasan bukan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:.....duduklah dulu. Duduk-duduk. *[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Kepong, tolong ajar yang baru-baru ini kaedah kita berbahas di Parlimen ini. Tolong Yang Berhormat bagi Kepong ajar sedikit anak buahnya sebab Yang Berhormat bagi Kepong macam mengambil alih sebagai Ketua Pembangkang.

Seorang Ahli: Minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta Yang Berhormat bagi Pendang, jadikan satu contoh yang baik sebagai Ketua Pembangkang,

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Ini bukan penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:.....supaya kalau kenyataan itu kenyataan – kita fikir dahulu. Bagaimana Ketua Pembangkang menyatakan kenyataan akhbar tidak boleh dipakai....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Habis, penjelasan macam mana?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:.....kenyataan *Harakah* sahajakah yang boleh dipakai? *[Ketawa]*

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rang undang-undang yang kita bahas ini telah pun dibahas sebelum Parlimen dibubarkan dan telah pun diluluskan di peringkat Dewan Rakyat. *[Sorak]* Tetapi oleh kerana kerajaan telah mengambil risiko dengan membelakangkan kepentingan rakyat dan mempersia-siakan wang negara disebabkan pembubaran Parlimen yang mengejut dibuat pada 11 November yang lalu, ketika Parlimen sedang membahas Rang Undang-undang Perbekalan dan menjadikan sidang Parlimen yang bermula daripada 18 Oktober sehingga 10 November menjadi sia-sia dan ini sebagai satu tanda bahawa kerajaan tidak begitu berhemat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat hendak menjawab penjelasankah ataupun hendak bercakap

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ingin menjawab penjelasankah? *[Ketawa]* Perkara itu telah dibangkitkan banyak kali. Kalau terus hendak bercakap perkara yang mengenai dengan rang undang-undang terus membawa ke situ.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Ya, saya sebagai mukadimah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya ingat sudah lama sangat.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Jadi, oleh kerana itulah saya ingin menarik perhatian kerajaan supaya berhemat di dalam menggunakan wang rakyat

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: Minta jalan ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sana minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dibenarkan?

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Saya tidak berilah.

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta maaf, Yang Berhormat dia tidak beri. *[Disampuk]* Duduk, duduk. *[Ketawa]*

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Saya juga ingin menyentuh soal Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang telah membuat satu perbelanjaan tambahan melebihi daripada anggaran asal iaitu sebanyak RM150 juta.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan apakah peruntukan ataupun perbelanjaan yang telah pun dibuat ini benar-benar menepati dengan tujuan anggaran ini dipohon atau diminta ataupun ianya merupakan satu pembaziran yang dilakukan oleh kementerian ini di bawah menteri yang baru. Oleh sebab itu, Dewan yang mulia ini perlu diberi maklumat apakah hasil-hasil promosi yang telah dibuat, yang menelan belanja RM150 juta dan apakah pulangan yang diperolehi oleh

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Di sana ada yang berdiri, minta laluan boleh?

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Minta maaflah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri, sila duduk.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor:.....hari ini saya perlu mendapat penjelasan.

Seorang Ahli: *Sit down.*

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Yang keduanya, dalam sudut pelancongan ini, terdapat juga rakyat negara kita yang melancong ke luar negara. Saya ingin mendapatkan penjelasan apakah sikap kerajaan terhadap Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) yang mengenakan tambang yang agak tinggi kepada orang-orang Islam yang hendak menunaikan umrah di Mekah berbanding dengan tambang yang agak rendah kepada rakyat yang menggunakan penerbangan MAS untuk ke London.

Saya dimaklumkan bahawa penerbangan ke London untuk kelas ekonomi dapat dibeli tiketnya sekitar antara RM1,700 hingga RM1,800 pergi dan balik. Sedangkan tambang MAS untuk tujuan umrah ialah melebihi RM2,200 dan ada yang sampai kepada RM2,600 kelas ekonomi. Sedangkan perjalanan ke Jeddah hanya memakan masa selama lapan jam dan perjalanan ke London memakan masa selama 13 jam....

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: Mohon laluan.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor:.....apakah polisi yang digunakan oleh MAS dalam penerbangan ini. Begitu juga

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Sri Gading minta laluan. Boleh? Tidak beri, sila duduk.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Soal penerbangan dalam negeri sekarang ini, penerbangan antara Kota Bharu dan Alor Setar. Sebelum ini MAS menjalankan penerbangan di antara Alor Setar – Kota Bharu dan Kota Bharu – Alor Setar. Kemudian, MAS memberhentikan operasinya dan Pelangi Air mengambil alih. Sekarang ini Pelangi Air juga telah memberhentikan operasi antara Alor Setar ke Kota Bharu, begitu juga dari Kota Bharu ke Alor Setar dan saya fikir dalam musim perayaan yang akan datang ramai rakyat yang memerlukan penerbangan ini diteruskan antara Alor Setar dan Kota Bharu dan

begitu juga sebaliknya. Jadi, saya harap penjelasan perlu dibuat kenapa operasi itu diberhentikan?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai dengan

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading berdiri lagi.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, sudah empat kali. *[Disampuk]*

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Pendang. Terima kasih di atas laluan ini.

Ada dua penjelasan yang saya ingin dapatkan daripada Yang Berhormat bagi Pendang. Sebelum pilihan raya pihak pembangkang amat lantang menuduh kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, takut hendak mengadakan pilihan raya segera. Desakan-desakan begitu lantang disuarakan oleh semua parti pembangkang PAS, DAP, KeADILan, PRM seolah-olah mereka tidak sabar-sabar walaupun masa yang diperuntukkan untuk Perlembagaan kerajaan itu boleh terus memerintah selama lima tahun. Tetapi desakan begitu hebat dan apabila pilihan raya diadakan pada bulan November yang lalu, apakah pihak pembangkang tidak rasa untuk berterima kasih yang sepatutnya kepada kerajaan yang menyegerakan pilihan raya. Tetapi kenapa pula apabila diadakan pilihan raya, seolah-olah Barisan Nasional bersalah pula menyegerakan pilihan raya. Jadi, saya inginkan penjelasan apa sebenarnya pendirian parti pembangkang tentang masa pilihan raya ini, satu.

Yang kedua, Yang Berhormat bagi Pendang menyatakan seolah-olah kerajaan ini memberatkan orang-orang Islam dalam menunaikan fardu haji kerana tambang kapal terbang itu mahal. Boleh tidak Yang Berhormat membuat sedikit penjelasan, tahukah Yang Berhormat bagi Pendang bahawa tambang mengerjakan haji rakyat Islam Malaysia ini lebih murah daripada negara Singapura, Indonesia, Brunei dan Thailand dan banyak lagi negara. Saya inginkan sedikit penjelasan bagaimana sebenarnya kedudukan tambang umat Islam negara ini dengan umat-umat Islam negara-negara lain dalam hendak menunaikan fardu haji. Terima kasih.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut tadi tambang mengerjakan umrah, bukannya tambang mengerjakan haji. Ini Yang Berhormat bagi kawasan mana?

Seorang Ahli: Sri Gading.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Sri Gading, Tidak dengar?

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: Saya mendengar, Tuan Yang di-Pertua. Menunaikan fardu haji.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Saya kata tambang menunaikan umrah, bukan tambang menunaikan fardu haji.

Seorang Ahli: Umrah lain, haji lain.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Haji lain, umrah lain. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pilihan raya, memang kita meminta pilihan raya tetapi kita minta satu penentuan jangka masa yang wajar. Tidak dibuat secara yang terburu-buru dan yang kita tidak begitu puas

hati pengumuman yang mengejut itu ialah kerana ia telah menafikan hak lebih daripada 680,000 rakyat yang layak mengundi daripada mengundi. [Tepuk] Barisan Nasional sengaja untuk menyelamatkan dirinya dengan menafikan hak lebih daripada separuh juta rakyat untuk mengundi. Ini yang kita persoalkan.

Lagipun dalam menyentuh soal pilihan raya, Perdana Menteri telah membuat satu kenyataan mendahului kenyataan Suruhanjaya Pilihan Raya apabila beliau meminta supaya tempoh berkempen dipendekkan, diminimumkan sekarang boleh pula membangkitkan tempoh kempen yang begitu pendek telah tidak membolehkan UMNO menjawab segala isu-isu yang dibangkitkan oleh pembangkang. Jadi yang mana satu yang dikehendaki oleh Perdana Menteri? Mengenai Suruhanjaya Pilihan Raya yang telah memohon peruntukan tambahan sebanyak RM3.5 juta. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri lagi.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Cukuplah, saya dah bagi jalan. Dia tanya pun tak reti saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pendang tidak bagi, sila duduk.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Saya ingin menarik perhatian supaya walaupun Pegerusi SPR telah membuat kenyataan akan mengkaji, akan meneliti lagi, akan membuat perubahan-perubahan lagi untuk lebih memperlihatkan kecekapannya dalam pengurusan pilihan raya pada masa depan, kita mengharap ia akan lebih teratur, lebih berwibawa dengan tidak perlu mengambil masa yang begitu lama bagi mengesahkan pendaftaran pemilih-pemilih bagi membolehkan rakyat yang sudah mempunyai kelayakan untuk memilih, mereka boleh memilih pada masa depan.

Kita juga difahamkan bahawa SPR mempunyai hubungan langsung, *on line* dengan Jabatan Pendaftaran Negara tetapi dalam masa perjalanan pilihan raya yang lalu kita masih dapati, nama dalam senarai nama pemilih-pemilih itu masih ada pemilih-pemilih yang dicatit telah meninggal dunia tetapi mereka 'masih hidup'. Jadi saya berharap supaya SPR akan dapat membuat pembetulan-pembetulan yang terkini dan membuka satu cara baru pendaftaran pemilih yang di mana rakyat yang telah cukup umur 21 tahun akan dapat membuat pendaftaran pada bila-bila masa sahaja untuk melicinkan perjalanan pilihan raya dan untuk membolehkan semua rakyat yang mempunyai hak untuk mengundi dapat mengundi dan dapat merealisasikan hak-hak mereka.

Menyentuh tentang Maksud B.8 Jabatan Perkhidmatan Awam. Peruntukan RM195 juta diperlukan bagi mengesahkan perbelanjaan yang telah dibuat untuk membayar bayaran istimewa penerima pencen sektor awam dan memang kita sebagaimana yang disebutkan oleh beberapa rakan saya tadi, kita menyokong anugerah atau pemberian istimewa kepada penerima-penerima pencen yang sebahagian mereka yang bersara atau berpencen itu berada di tahap yang agak menyedihkan kerana terdapat ramai dari kalangan mereka yang bersara daripada jawatan kerajaan sama ada polis atau tentera tetapi mereka masih tidak mempunyai tempat kediaman yang tetap. Mereka tinggal sebagai penduduk-penduduk setinggan yang sentiasa terdedah untuk diusir pada bila-bila masa dan ini disebabkan oleh kerana pendapatan persaraan mereka agak rendah dan ada yang diantara mereka pula yang tidak dapat lagi membuat usaha-usaha ataupun tambahan bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Jadi saya ingin menarik perhatian kerajaan supaya dibuat satu dasar untuk masa depan bagi kadar pencen yang minimum dan bukan hal yang mengehadkan pada separuh gaji mereka tetapi kadar pencen yang minimum, yang dianggarkan bahawa walaupun

mereka telah berpencen tetapi mereka boleh dapat terus menikmati kehidupan yang agak tidak sangat menyulit dan menyusahkan mereka.

Dua hari sudah, saya telah pergi melawat tempat kebakaran di Kampung Kerinchi di mana melibatkan penduduk-penduduk setinggian di situ. Hampir seratus buah rumah yang telah mengalami kebakaran dan hampir lima ratus isi penduduk, isi rumah yang mengalami kehilangan rumah mereka dan mereka telah menduduki kawasan itu sebahagiannya lebih daripada 30 tahun. Jadi apakah rancangan yang wajar yang difikirkan oleh kerajaan untuk menempatkan mereka. Saya fikir satu langkah yang segera perlu dibuat untuk menyediakan tempat kediaman kepada mereka dan satu usaha juga perlu dibuat supaya mereka akan mendapat tempat kediaman yang tetap. Mereka tidaklah menjadi golongan rakyat yang sentiasa diburu atau menunggu masa mereka diburu di mana-mana.

Jadi perlu ada mengenai pencen ini, pesara-pesara ini satu jaminan bahawa kerajaan mestilah membuat satu dasar baru iaitu mengamalkan sistem pencen minimum yang kira-kira boleh memberi kelapangan hidup kepada mereka yang telah bersara.

Selain daripada itu saya juga ingin menarik perhatian Jabatan Perkhidmatan Awam tentang orang-orang yang bersara yang masih terus diterima khidmat mereka atau disambung khidmat mereka dan saya difahamkan beberapa pegawai di Pusat Islam terlibat menggunakan orang-orang yang sudah bersara terus kekal sebagai pegawai mereka sehingga baru-baru ini telah menimbulkan kekecohan di dalam solat Jumaat di Masjid Negara. Pembaca khutbah itu telah membaca khutbah hanya untuk berpolitik, untuk menyebut segala projek-projek pembangunan yang memang mendapat tentangan dan yang tidak wajar disebut di dalam khutbah Jumaat. Jadi pegawai ini telah menggunakan mimbar Masjid Negara untuk kepentingan politik yang didukungnya kerana beliau seorang yang sudah bersara, jadi sudah tentu ada sebab-sebab yang tertentu bagi beliau untuk berbuat demikian.

Jadi, oleh kerana itulah kerajaan harus meminimumkan penggunaan pegawai-pegawai yang sudah bersara hanya di jabatan-jabatan ataupun dalam sesuatu jawatan yang tidak ada

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanjong Karang bangun.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: ..kepakaran orang lain untuk....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanjong Karang minta penjelasan, boleh?

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Bolehlah.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih banyak, terima kasih banyak Yang Berhormat bagi Pendang. Saya hanya nak mendapatkan penjelasan. Tadi Yang Berhormat sentuh khutbah di Masjid Negara. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat. Saya sendiri di Masjid Parit Sembilan, Sekinchan, telinga saya sendiri mendengar khatib membaca khutbah mengatakan, sesiapa yang tidak menyokong perjuangan PAS ini mati pun jangan disembahyangkan, hendak pergi haji pun, haji tidak diterima, berpuasa, puasa tidak diterima, jadi beranikah Yang Berhormat membuat pengisytiharaan di Dewan yang mulia ini bahawa khutbah yang sedemikian sebenarnya bertentangan dengan Islam ataupun saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah dengan khutbah yang sedemikian boleh kita terima sebagai satu khutbah, mengikut undang-undang Islam?

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan daripada wakil Tanjong Karang itu perlu disiasat apakah benar ataupun tidak.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak beri jalan.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Sudah cukuplah. Saya sudah jawab, cukup.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar:...beri jalan atau.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah sebut tadi...

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Perlu disiasat. Saya tidak boleh terima kenyataan daripada orang seperti itu.

Tuan Mohamed bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Sri Gading pun tutuplah, sudah.

Tuan Mohamed bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri. Yang Berhormat, dia tidak beri.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu meminimalkan khidmat mereka yang sudah bersara di jabatan-jabatan ataupun dalam jawatan-jawatan yang memang tidak ada kepakaran mereka yang masih dalam umur bekerja untuk menjawat jawatan itu supaya ianya tidak terhalang....

Tuan Mohamed bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor:...bagi kepentingan pegawai-pegawai lain untuk menikmati kehidupan.....

Tuan Mohamed bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun lagi.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya ingin mencadangkan supaya kerajaan meningkatkan umur persaraan kepada 60 tahun kerana meskipun pesara-pesara itu bersara pada umur 55 tahun tetapi kadang-kadang mereka dianggap masih perlu untuk berkhidmat. Oleh kerana itu lebih baik diselaraskan dan dijadikan satu dasar yang dapat dimanfaatkan oleh semua rakyat, oleh semua pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, maka wajarlah umur persaraan itu dinaikkan daripada 55 tahun sekarang kepada 60 tahun.

Saya ingin menyentuh tentang Maksud B.19 - Kementerian Pertanian. Peruntukan RM9 juta diperlukan untuk membiayai bayaran balik kepada kerajaan-kerajaan negeri iaitu Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan Pulau Pinang bagi kerja-kerja pemusnahan babi di negeri-negeri tersebut dalam operasi mencegah wabak JE. Nampaknya negeri-negeri ini yang menjadi negeri-negeri yang subur untuk ternakan babi.

Saya ingin mendapat penjelasan....

Tuan Mohamed bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Sri Gading minta penjelasan.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tidak beri, tidak beri. Apakah kerajaan juga telah memberi sugu hati ataupun pampasan kepada mereka yang ditugaskan untuk menembak babi kerana mereka juga menanggung risiko daripada arahan yang dibuat oleh kerajaan kepada mereka. Dalam isu ini kita dapati Kementerian Kesihatan mempunyai kelemahan yang sangat nyata kerana Kementerian Kesihatan tidak mempunyai pusat untuk mengawal jangkitan-jangkitan penyakit. Jadi Kementerian Kesihatan masih di tahap yang sangat rendah mutu perkhidmatannya dan tidak dapat mengenali apakah virus yang sebenarnya yang mengancam binatang ini begitu meluas dalam beberapa bulan atau pun tahun yang lepas.

Saya difahamkan bahawa ubat-ubat suntikan yang dibeli daripada luar negeri dengan belanjanya begitu banyak tetapi tersadai dan tidak dapat digunakan. Sebenarnya apa yang dikatakan virus JE itu kemudiannya ditemui

Tuan Haji Noh bin Haji Omar : *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Tanjong Karang minta penjelasan.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor:.....oleh penyelidikan daripada Hospital Universiti, kemudian....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh?

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: dibantu oleh CDC Atlanta mengatakan itu bukan virus JE tetapi virus Nipah. Jadi, sebab itu saya mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan dapat segera menubuhkan apa yang dipanggil iaitu Centre for Disease Control (CDC) supaya pada masa hadapan jika munculnya sesuatu virus, ianya dapat dikesan dengan lebih cepat dan tidak akan menjadikan ramai mangsa yang terkorban dengan sesuatu virus yang timbul ataupun muncul di negara kita.

Juga, saya ingin mendapat maklumat iaitu kita tahu MCA telah melancarkan kempen besar-besaran memungut derma daripada orang ramai untuk membantu penternak-penternak babi ini. Jadi, kita harus tahu apa yang sudah terjadi dengan wang-wang yang telah dikumpul daripada orang ramai itu dan adakah bantuan-bantuan telah disalurkan kepada mereka yang menjadi mangsa kepada virus itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud B.20 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang telah membelanjakan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana saya nampak Yang Berhormat bagi Sungai Siput ada di sini, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Ketua Pembangkang, sama ada Yang Berhormat Ketua Pembangkang sedar, ada kata-kata di kalangan penternak-penternak babi bahawa oleh kerana usaha Yang Berhormat bagi Sungai Siput, kerajaan telah berjanji akan membayar pampasan sebanyak RM120 kepada mereka sebagai pampasan kepada tiap-tiap seekor babi yang telah

dimusnahkan. Jadi, adakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang sedar kemungkinan kita boleh ambil peluang ini supaya Yang Berhormat bagi Sungai Siput beri satu penjelasan?

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Terima kasih, saya baru mendengar semalam apabila wakil bagi Bukit Mertajam bercakap dalam isu ini dan oleh kerana Perdana Menteri telah mengarahkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional melaksanakan apa yang mereka telah janjikan, jadi wajarlah mereka melaksanakan apa yang mereka telah janjikan bagi membantu mereka yang telah menjadi mangsa itu.

Saya ingin menarik perhatian tentang peruntukan yang diperlukan untuk perbelanjaan RM11 juta yang telah pun dibelanjakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi program promosi perdagangan dan pelaburan MITI dan seterusnya. Saya ingin mendapat penjelasan, semenjak kempen ini dengan menggunakan wang RM11 juta ini dilakukan, berapa banyakkah pelabur-pelabur baru yang datang melabur di negara kita selepas kempen ini dilakukan dan setahu kita bahawa bukan sahaja pelabur-pelabur baru yang tidak datang tetapi pelabur-pelabur yang sedia ada pula telah melarikan diri ke negeri-negeri lain.

Jadi, ini kita perlu mendapat penjelasan, berapa banyak pelabur-pelabur yang sedia ada di negara kita ini yang telah meninggalkan negara kita untuk membuat pelaburan di negara-negara lain dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan mereka bertindak demikian?

Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, bahawa apakah dasar MITI ataupun Kementerian Perdagangan dalam menarik pelancongan ini. Adakah ia mempunyai negeri-negeri tertentu sahaja yang menjadi tumpuan untuk pelabur-pelabur asing datang melabur ke negara kita?

Contohnya, Kelantan telah menyediakan parasana tanah yang cukup luas, tapak industri di kawasan yang berhampiran dengan lapangan terbang tetapi macam ada suatu halangan oleh Kerajaan Pusat, oleh kementerian ini yang tidak membantu.....

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun lagi minta penjelasan.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Saya berilah.

Tuan Mohamed bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Pendang, apakah bahawa dasar sesebuah negeri itu, kerajaan negeri itu boleh menyebabkan pihak pelabur tidak berminat melabur seperti umpamanya negeri Kelantan. Apakah dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan menyebabkan pelabur tidak berminat melabur di Kelantan? Itu pertanyaan saya.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pelabur-pelabur berminat untuk melabur di Kelantan. Saya tahu mereka sangat berminat untuk ke Kelantan kerana bagi pelabur-pelabur, mereka hendak melabur mencari keuntungan. Keuntungan mereka boleh diperolehi hasil daripada tenaga kerja yang murah, kemudahan-kemudahan yang tidak memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Tidak ada bayaran-bayaran sampingan yang perlu mereka buat untuk mendapatkan sesuatu tapak perindustrian umpamanya dan ini semua terdapat di Kelantan. Saya mendapat maklumat bahawa mereka yang menjadi perunding-perunding kepada pelabur-pelabur itu memberi maklumat bahawa mereka memang gemar untuk pergi ke Kelantan kerana pentadbiran yang telus, tidak ada rasuah dan tenaga kerja yang murah dan ini semua menarik minat pelabur-pelabur untuk datang ke Kelantan tetapi ada halangan-halangan tertentu yang mungkin halangan-halangan ini sengaja dibuat kerana kepentingan-kepentingan politik dan Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri ini menjadi satu faktor yang menghalang kemasukan pelabur-pelabur asing ke Kelantan. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan apakah dasar, apakah sikap sebenarnya kementerian yang berkenaan ini tentang pelaburan ke Kelantan dan juga peluang-peluang untuk Kelantan dan sekarang Terengganu bagi mendapat layanan adil dan saksama daripada kementerian ini bagi kepentingan pembangunan perindustrian di negara kita.

Menyentuh mengenai Maksud B.29 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Di sini ada disebutkan tentang RM25 juta yang telah dibelanjakan untuk membiayai sebahagian daripada kos faedah penebusan dana Fasa 1, Syarikat Prasarana Negara Berhad. Saya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut tentang apakah fungsi syarikat prasarana ini?

Mengenai dengan Maksud B.51 - Kementerian Luar Negeri. Saya memang menyokong tentang usaha-usaha untuk menambahkan lagi hubungan diplomatik dengan negara-negara Islam kerana saya mengharapkan daripada hubungan diplomatik ini, kita akan dapat bebas, lebih bebas, membebaskan diri daripada kongkongan negara-negara maju, negara-negara utara dan kita perlu meningkatkan hubungan dengan negara-negara selatan *[Disampuk]*

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Tanjong Karang bagun ya.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan Mesyuarat, ya sila.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 41. Semasa mesyuarat bersidang, seseorang ahli tidak boleh baca surat khabar. Yang Berhormat Kepong ini tidak hormat kepada Ketua Pembangkang, dia baca surat khabar. Ini peraturan mesyuarat ini. Kalaulah Ketua Pembangkang bercakap pun ahli tidak mahu dengar, baca surat khabar melanggar peraturan macam mana hendak layak jadi Ketua Pembangkang. Nampak sangat DAP tidak hormat kepada Ketua Pembangkang ini, jadikan alat sahaja. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Yang Berhormat Kepong jangan baca surat khabar. *[Ketawa]*

Ya, silakan Yang Berhormat Pendang.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya berpengalaman tinggal beberapa tahun di sebuah negara Islam, saya fikir satu langkah bagi menambah erat - kekal lagi hubungan negara kita dengan negara-negara Islam melalui kedutaan yang dibuka. Pegawai-pegawai kita di kedutaan-kedutaan itu perlulah diberi galakan-galakan yang lebih supaya mereka dapat memahami lebih dekat budaya masyarakat dan rakyat di negara-negara yang mereka diwakilkan bertugas di situ.

Kita cuba perhatikan bahawa terdapat pegawai-pegawai kedutaan asing yang lain bila mereka ditempatkan di negara-negara Islam - negara-negara Arab, mereka mengambil langkah-langkah untuk mempelajari bahasa arab supaya lebih mudah mereka berinteraksi dengan rakyat dan juga dengan kakitangan kerajaan. Jadi, saya mengharapkan supaya kedutaan atau Kementerian Luar Negeri akan dapat memberikan galakan-galakan elau seumpamanya supaya pegawai-pegawai kedutaan ini atau di peringkat-peringkat yang tertentu dapat mempelajari bahasa Arab, bahasa rakyat tempatan supaya mereka dapat lebih memahami budaya dan dapat memahami citarasa rakyat tempatan dan dengan itu dapat memanfaatkan untuk pelbagai program bagi mengeratkan hubungan dan juga bagi mendapatkan pulangan kepada negara kita hasil daripada hubungan itu.

Yang akhir, ingin saya sentuh ialah mengenai B.52 - Kementerian Kerja Raya. Saya terperanjat apabila selepas pilihan raya dan selepas Kerajaan Negeri Terengganu mengumumkan beberapa langkah-langkah yang popular seperti menghapuskan bayaran tol jambatan. Menteri Kerja Raya telah membuat kenyataan untuk tidak meneruskan projek lebuhraya ke negeri Terengganu. Apakah ini suatu keputusan ataupun ini satu igauan yang lahir hasil daripada kekecewaannya dengan keputusan pilihan raya di Terengganu. Kalau ini merupakan satu keputusan ianya merupakan suatu yang sangat

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Menteri minta penjelasan, silakan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya tidak memaklumkan kepada pemberita itu, kita tidak menjalankan projek. Saya kata oleh kerana Kerajaan Terengganu telah mengambil keputusan untuk menghapuskan tol, oleh kerana itu pelaksanaan projek lebuhraya tol boleh jadi atau tidak. Jadi, saya telah mengumumkan perkara ini akan dibawa kepada Jemaah Menteri, minta Jemaah Menteri apakah pandangan Jemaah Menteri, selepas itu kita ambil keputusan.

Pagi tadi saya telah jawab kepada pemberita iaitu, jikalau ada juga saya dapat tahu negeri Terengganu boleh juga bersetuju untuk menjalankan projek. Saya kata, jikalau Kerajaan Negeri Terengganu bersetuju untuk menjalankan projek, kita teruskanlah, tidak ada halangan. Itu sahaja pandangan saya, tidak ada apa-apa tinjauan yang lain.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau begitu saya cadangkan supaya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dapat mengadakan perundingan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu untuk mendapat kepastian yang lebih kerana sudah tentulah segala pengambilan tanah dan sebagainya telah dibuat dan sangat tidak wajar kalau projek itu hendak diberhentikan. Walaupun kita tidak bersetuju dengan kenaikan harga tol yang semakin meningkat tetapi saya percaya perkara ini dapat dirundingkan dengan Kerajaan Terengganu dan satu keputusan yang baik dapat dibuat untuk kepentingan rakyat, bukan sahaja rakyat Terengganu dan rakyat seluruh negara kita yang ingin melancong, Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Tumpat minta penjelasan.

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon penjelasan dari Ketua Pembangkang sama ada adakah lebih baik bagi negeri-negeri yang memerlukan kepada jalan dan infrastruktur seperti Terengganu dan Kelantan supaya diberikan suatu dasar Kerajaan Pusat untuk tidak mengenakan tol terhadap jalan-jalan yang ada di negeri-negeri yang memerlukan jalan dengan amat terdesak. Saya teringat semasa Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang menjadi Menteri Kewangan, sebagai seorang pemimpin UMNO yang baik, beliau telah menjalankan dan mengadakan jalan-jalan besar di Kelantan dan sehingga ke hari ini tidak ada tol. Jadi, saya ingin menanya kepada Ketua Pembangkang sama ada itu lebih merupakan dasar yang baik daripada dasar Barisan Nasional sekarang yang memaksa seolah-olah kerajaan dan rakyat Terengganu untuk membayar tol jika mereka inginkan kepada jalan di negeri itu.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tumpat. Memanglah dasar yang dijalankan sebelum ini lebih baik kerana ia tidak membebaskan rakyat. Jadi ini lebih menunjukkan tanggungjawab kerajaan dan kepekaan kerajaan kepada tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat. Kalau dasar ini dapat diteruskan saya fikir ia akan menepati dengan kehendak kita daripada Barisan Alternatif iaitu untuk mengurangkan bebanan rakyat dalam menggunakan kemudahan-kemudahan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena minta penjelasan.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat bagi Pendang yang juga Ketua Pembangkang. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dasar kerajaan yang mengenakan tol sekarang ini sebenarnya di samping untuk menekan rakyat sebenarnya untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kroni-kroni kepada pemimpin Barisan Nasional untuk berpeluang untuk mendapat keuntungan daripada penindasan dikenakan kepada rakyat. *[Tepuk]*

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Terima kasih. Itu memang kita bersetujulah, sebab itu yang kita beritahu kepada rakyat dan kita pun sudah lama menentang tentang kenaikan harga tol ini dan saya fikir bukan sahaja kita dari pembangkang bersetuju supaya bayaran tol ini terutama bagi laluan-laluan yang sudah pun hampir tamat tempoh kontraknya tetapi dengan dia membuat sedikit sebanyak pindaan dia mendapat lanjutan konsesi dan dapat lanjutan lagi untuk mengenakan tol.

Jadi ini memang menekan dan menyusahkan rakyat terumanya di plaza-plaza di tempat lalu-lalang....

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Untuk makluman Yang Berhormat Ketua Pembangkang kerajaan telah menimbang jalan yang saya sebut tadi. Walaupun sudah diluluskan dua tahun dahulu pada masa itu harga-harga telah ditimbul oleh syarikat itu telah timbang dan menimbang beberapa kali. Pada akhirnya kita ambil kos daripada syarikat, jadi Kementerian saya, Unit Perancang Ekonomi telah merujuk beberapa kali untuk memotong dan menurunkan harga. Itu berertinya kerajaan berminat untuk memberikan kemudahan kepada rakyat jelata dengan kos yang munasabah. Ini satu perkara saya suka menimbul kepada Yang Berhormat. Yang kedua syarikat-syarikat yang telah diberi kontrak pada suatu masa yang lalu dan sekarang bukan atas nama kroni, atas nama syarikat. Mereka berminat untuk meminjam, mereka boleh juga menjalankan projek. Oleh kerana itu syarikat-syarikat telah diberi. Hari ini kita boleh cakap ini kroni itu kroni kena tunggu kita juga merujuk kepada sejarah dan mana satu siapa punya kroni pada masa itu, hari ini siapa dia punya kroni. Kita jangan cakap kronilah kita bincang berkenaan dengan macam manakah kita akan memberi kemudahan ini kepada rakyat jelata dengan suatu perkara yang boleh diterima. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Bukan kroni, suku sakat sahaja.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Terima kasih. Kita mahu kemudahan-kemudahan untuk rakyat jelata tetapi jangan sampai kemudahan itu membawa bebanan yang begitu berat kepada rakyat jelata kerana ada penduduk terpaksa berulang alik melalui tol beberapa kali sehari. Jadi berapa kali pula dia kena bayar. Jadi ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada yang hendak minta penjelasan.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Jadi ini perlu dipertimbangkan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Yang Berhormat boleh saya minta laluan.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Duduklah, Arau bukan ada tol tidak payahlah. Duduklah. Dia tidak ada tol dia baru hendak buat.

Lagi satu mengenai dengan peruntukan yang diminta oleh kementerian ini tambahan sebanyak RM17.996 juta bagi bantuan kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi

menangani krisis bekalan air yang berlaku pada tahun 1998. Kita tahu semua krisis ini dan masalah air ini bukan masalah setempat tetapi dia merupakan masalah rakyat seluruhnya dan masalah yang mesti dilihat dari aspek kemanusiaan. Sebab itulah dalam Islam air ini tidak boleh jadi bahan monopoli mana-mana pihak. Ada tiga perkara yang disebut di dalam Islam tiga perkara yang tidak boleh menjadi monopoli sesuatu pihak sehingga dengan monopoli itu dia boleh menyusahkan dan mengenakan tekanan hidup kepada rakyat. Satu daripada tiga perkara itu ialah air dan api.

Oleh kerana itulah kerajaan mestilah melihat masalah air ini bukan masalah dari aspek politik tetapi boleh melihat dari aspek kemanusiaan dan keperluan kepada kemanusiaan. Sebab itulah kita dapati masalah air ini bukan sahaja masalah yang dihadapi oleh Selangor tetapi juga oleh kebanyakan negeri di Semenanjung ini termasuklah di Kedah dan Kelantan. Tetapi dukacita apabila Kerajaan Kelantan hendak membuat satu langkah mengenai dengan bekalan air ini untuk memastikan bekalan air lebih baik dan pembekalannya dapat dimanfaatkan kepada lebih ramai rakyat dan mengikut target yang diletakkan dalam sesekian tahun semua rakyat akan menikmati air bersih. Ini semua mesti dilihat sebagai satu tanggungjawab bagi mana-mana juga kerajaan yang diberi amanah dan tidak boleh diadakan satu langkah diskriminasi dalam langkah dan bantuan ini.

Apa yang saya maklum bahawa Kerajaan Kelantan telah pun membuat permohonan kepada Kerajaan Pusat untuk mendapat pinjaman mudah, 'soft loan' bukan geran. Ini geran pemberian tetapi ini pinjaman yang tertakluk kepada bayaran semula, bayaran balik dengan syarat-syarat yang mudah. Kalau kerajaan boleh memberi pinjaman-pinjaman mudah kepada syarikat-syarikat tertentu untuk menyelamatkan syarikat-syarikat itu kenapa kerajaan tidak boleh memberi pinjaman mudah kepada sebuah negeri yang menjaga kebajikan lebih daripada sejuta rakyat. Bukan untuk mendapat keuntungan benda kepada negeri itu tetapi untuk kepentingan rakyat. Kenapa didiskriminate Kelantan dengan negeri-negeri lain. Dilaung-laungkan kononnya pinjaman mudah akan diberikan kepada Kelantan sebanyak RM600 juta tetapi sehingga semalam saya difahamkan tidak ada satu sen pun pinjaman itu disalurkan kepada Kelantan. Inilah dasar yang dilaungkan oleh Barisan Nasional yang bercakap mengenai globalisasi bercakap tentang masyarakat antarabangsa tetapi dalam negara sendiri dia menjalankan dasar diskriminasi. Tidak melakukan keadilan kepada sebuah unit yang penting dalam negara kita. Jadi saya harap Kementerian Kerja Raya akan mengambil satu langkah...

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya percaya dalam perkara ini ada sedikit salah faham. Manusia apabila sahaja menghadapi salah faham, lebih baik kita berbincang tetapi apa yang berlaku, saya ingin menerangkan sedikit iaitu projek pengswastaaan telah dijalankan oleh negeri Kelantan dengan *Theams Water* daripada United Kingdom. Pada masa itu tidak dirujuk balik kepada Kerajaan Pusat dan juga Unit Perancang Ekonomi (EPU). Aturan-aturan ini telah disediakan oleh Kerajaan Pusat, iaitu mana-mana satu kerajaan yang berminat untuk menjalankan apa-apa projek pengswastaaan kita tidak ada halangan, tetapi perkara itu mesti dirujuk semula kepada Unit Perancang Ekonomi. Selepas itu kita boleh memberi kelulusan berbincang dengan Kerajaan Negeri Kelantan dan pada masa itu tidak ada membuat perbincangan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Kelantan..

Selepas itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan telah memohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan pinjaman. Pinjaman itu sudah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Jemaah Menteri. Jemaah Menteri telah menimbang, pada masa itu sudah ada pilihan raya. Selepas pilihan raya sudah mula 'peperangan' [Ketawa] Peperangan baru selesai. Saya percaya lebih baik Kerajaan Negeri Kelantan memohon semula. jelaslah apakah masalah, bukannya Kerajaan Pusat tidak bersimpati dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Tiap-tiap tahun kita

beri juga untuk jalan, kita bagi itu tetapi rakyat tidak tahu, dia ingat Kerajaan Pusat tidak beri apa-apa.

Ada juga dari kementerian saya beberapa juta kita salurkan kepada negeri Kelantan untuk memperbaiki jalan dan projek-projek yang lain. Saya percaya, lebih baik kita menghapuskan salah faham ini. Jadi saya percaya semua boleh diselesaikan. [Ketawa].....

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Terima kasih sebenarnya....

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bertanya kepada Ketua Pembangkang Yang Berhormat bagi Pendang, apakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang tahu bahawa kenyataan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri sendiri mengenai bantuan sebanyak RM400 juta dikeluarkan setelah kerajaan negeri membeli balik saham *Theams Water*. Syarikat tersebut telah ditukar nama kepada Syarikat Air Kelantan. Apakah Ketua Pembangkang mengetahui hal ini di mana janji itu telah pun diberikan setelah *Theams Water* telah dibayar sahamnya. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soal *Theams Water* ini telah selesai dengan bijaksana oleh Kerajaan Kelantan. Sekarang kuasa untuk menjalankan operasi air di Kelantan telah kembali ke tangan Kerajaan Kelantan. Jadi ini satu langkah bijaksana yang telah dibuat oleh Kerajaan Kelantan bagi menyelesaikan masalah penswastan dengan *Theams Water*.

Saya fikir masalah penswastan ini bukan sahaja melibatkan Kerajaan Kelantan tetapi Kerajaan Pusat sendiri pun terlibat dengan soal-soal penswastan ini yang mengikat mereka sehingga mereka terpaksa akur dengan segala syarat-syarat yang nampaknya lebih memberi keuntungan kepada pihak swasta yang telah mendapat sesuatu projek.

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar: Saya ingin bertanya kepada Ketua Pembangkang bahawa berkaitan dengan air ini kita tahu Kerajaan Barisan Nasional sentiasa dengan mudah, dengan kadar yang murah membekalkan air kepada Singapura. Adakah kerana baru-baru ini Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew mengatakan bahawa Perdana Menteri Malaysia dan Barisan Nasional adalah satu kerajaan sekular yang baik. Adakah ini sebabnya kenapa bekalan air kepada Singapura diberikan dengan begitu mudah.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Terima kasih, saya fikir kalau dengan hanya sepele pujian itu Kerajaan Singapura boleh mendapat kemudahan yang begitu rupa, bagaimana kalau pujian yang mencurah-curah. Tetapi masalah saluran air minuman ke Singapura yang dibuat oleh...

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada yang minta laluan..

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor:....kerajaan Johor ini pun sebenarnya telah menarik...satu masa Perdana Menteri juga pernah membuat teguran tentang hubungan bekalan air Johor kepada Singapura ini.

Tuan Mohamed bin Haji Aziz Ini orang Johor hendak bertanya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Seorang Ahli: Berilah laluan.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Saya tidak beri, sudah banyak kali mengacau ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading, dia tidak beri.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Jadi saya harap penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tadi dan saya harap itu menjadi satu komitmen beliau supaya tidak lagi ..

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dia tidak beri, Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak berikan jalan.

Tuan Mohamed bin Haji Aziz: Sebab air Johor ini, jadi saya hendak bertanya

Seorang Ahli: Berilah laluan.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Sat ni bagi dia peluang, bagi dia bercakap, senang....

Tuan Mohamed bin Haji Aziz: Apa fasal saya hendak bertanya tentang Johor, orang Johor lebih tahu tentang Johor daripada orang Kedah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak berikan jalan, laluan?.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia sudah tahu buat apa dia hendak tanya saya. Saya mengharapkan hubungan baik kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat akan dihormati dan untuk itu saya ingin menarik perhatian menteri yang berkenaan, bahawa saya difahamkan sehingga kelmarin, dua tiga hari yang lepas bahawa Kerajaan Pusat masih lagi belum menjelaskan bayaran wajib yang diperuntukkan melalui Perlembagaan kepada Kerajaan Kelantan untuk tahun ini, tahun 1999 dianggarkan sebanyak RM47 juta lagi Kerajaan Pusat masih belum membayar kepada Kerajaan Kelantan berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang disenaraikan dalam Perlembagaan.

Jadi saya berharap dengan sikap Menteri Kerja Raya yang menyatakan bahawa segala perkara yang berbangkit dapat diselesaikan melalui perundingan, saya berharap menteri yang berkenaan yang sudah ada pengalaman untuk berunding dengan Kerajaan Kelantan dalam masalah Pergau akan dapat menggunakan pengaruhnya kepada Perdana Menteri kerana hubungan baik beliau dengan Perdana Menteri, akan dapat menyegerakan bayaran wang yang tertanggung oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk tahun 1999 ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua dengan beberapa pandangan dan harapan yang saya telah berikan tadi, saya mengakhiri ucapan saya dengan Terima kasih. Assalamualaikum w.b.t

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka, sila berucap.

12.26 tgh.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin dengan semangat demokratik mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional oleh kerana telah menang dalam Pilihanraya Umum Ke-10 dengan majoriti dua pertiga. Sebagai satu parti yang komited kepada sistem demokrasi berparlimen, DAP menerima keputusan yang telah dibuat oleh rakyat melalui undi mereka, walaupun keputusan pilihan raya adalah begitu menyedihkan bagi DAP dan penyokong-penyokong kami.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi satu hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah Pilihanraya Umum ke-10 adalah pilihan raya yang paling kotor sekali dalam sejarah pilihan raya negara kita. *[Diganggu]* Wayang baru bermula jangan kacau dahulu. Politik kewangan, ugutan, pembohongan yang berlaku pada tiap-tiap pilihan raya kali ini telah mencapai tahap serius yang tidak pernah kita lihat dalam pilihan raya-pilihan raya yang lampau.

Syarat *freely given consent by the people*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua yang harus wujud dalam demokrasi tulen telah dirampas. Beberapa bulan sebelum Parlimen dibubarkan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa Pilihanraya Umum ke-10 akan menjadi pilihan raya yang paling kotor sekali. Masa telah membuktikan amaran yang dibuat itu telah menjadi kenyataan. Malangnya

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

Tuan Kerk Kim Hock: Wayang belum mula, sudah tahu ceritanya...

Tuan Mohamed bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah pun mengatakan bahawa pilihan raya yang lalu adalah pilihanraya yang paling kotor, penuh dengan pembohongan, penipuan, sedarkah Yang Berhormat bagi Kota Melaka bahawa pembohongan, penipuan itu dilakukan oleh rakan-rakan parti pembangkang PAS termasuk DAP sendiri yang menjalankan pelbagai kempen pembohongan, fitnah, putar-belit fakta dan berbagai-bagai sepertimana yang dituduh ataupun yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka tadi. Bersetuju atau tidak bahawa pembohongan, fitnah dan putar belit itu digunakan oleh parti pembangkang untuk menipu rakyat bagi mendapat sokongan kepada mereka.

Tuan Kerk Kim Hock: Memangnya saya tidak setuju. Mengapa hendak tanya soalan begitu. Berilah fakta, kalau hendak lawan berilah fakta jangan tanya soalan seperti begitu.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Masa telah membuktikan amaran yang dibuat itu telah menjadi kenyataan malangnya walaupun amaran telah dibuat Suruhanjaya Pilihan Raya yang sepatutnya memainkan peranan pengadil bebas untuk menjalankan pilihan raya yang bebas, adil dan bersih tidak berupaya untuk mengambil langkah-langkah mencegah yang efektif supaya amaran itu tidak akan menjadi kenyataan. SPR yang sepatutnya mempunyai peranan bebas nampaknya adalah harimau yang tidak bertaring dalam sistem demokrasi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional pernah berkata bahawa mereka percaya ke atas kebijaksanaan rakyat untuk membezakan apa itu intan dan apa itu kaca tetapi kepercayaan Barisan Nasional ini adalah omong-omong kosong. Oleh kerana kalau inilah betul-betul kepercayaan mereka maka taktik-taktik kotor dan politik ugutan dan pembohongan tidak perlu digunakan dalam tiap-tiap pilihan raya. Berikanlah maklumat yang cukup dan benar mengenai polisi pentadbiran dan pendirian Barisan Nasional kepada rakyat dan biarlah mereka membuat keputusan tanpa diugut.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pembubaran Parlimen, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa sekiranya Barisan Nasional tidak dapat menang dengan majoriti dua pertiga peristiwa 13 Mei kemungkinan akan berlaku. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi alasan bahawa motifnya ialah untuk memberikan nasihat kepada rakyat untuk mengelakkan peristiwa 13 Mei berulang. DAP tidak boleh menerima alasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana isu 13 Mei telah sentiasa dipertandingkan dalam pilihan raya-pilihan raya yang lampau untuk menakutkan orang Cina.

Saya tidak setuju dengan motif yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sekiranya motif itu benar dan baik, saya suka mengingatkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang selalu mempermainkan isu ini dengan kata-kata ini, dengan izin, *'good motive must be the motivators of good action and not the apologies for bad action'*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Jepun tahun ini beliau telah menyeru negeri China supaya dapat melupakan peperangan China dengan Jepun oleh kerana katanya "Hari esok akan jadi lebih baik sekiranya beban ini boleh dibuang", *"Tomorrow will be the better day if we can take off this burden"*, dengan izin.

Saya tidak boleh berkata apa-apa bagi pihak negara China tetapi saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga pemimpin-pemimpin Barisan Nasional 'boleh bikin serupa cakap' dan mengarahkan supaya peristiwa 13 Mei ini jangan digunakan lagi pada bila-bila masa untuk menakutkan orang Cina dalam negara yang kita cintai. Saya berkata hari esok akan jadi lebih baik untuk Malaysia sekiranya beban 13 Mei ini boleh dibuang.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Ahli Parlimen Kota Melaka menjelaskan bahawa kemenangan UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihan raya baru-baru ini salah satu sebab utama adalah kerana sentimen ataupun permainan politik perkauman yang keterlaluan sehingga menggunakan isu 13 Mei dan sebagainya sehinggakan menakutkan terutamanya orang-orang Cina di Malaysia ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: Ya. Memang itulah yang saya katakan tadi ini adalah isu yang sentiasa digunakan dan kita juga boleh dengar ucapan-ucapan yang dikeluarkan oleh Barisan Nasional yang sentiasa menyentuh perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun SPR telah memberi penjelasan mengapa pemilih-pemilih baru yang telah mendaftar pada tahun ini telah kehilangan hak untuk mengundi, rakyat jelata masih tidak faham apakah sebabnya dalam era IT ini SPR begitu tidak cekap. Keyakinan rakyat terhadap kebebasan SPR memang kurang dan umum mengetahui bahawa sekiranya semua pemilih baru ini mempunyai hak mengundi dalam pilihan raya baru-baru ini keputusan dalam beberapa atau banyak kawasan pilihan raya akan berbeza dari apa yang telah kita lihat.

Tuan Yang di-Pertua, politik ugutan dan pembohongan telah dipertingkatkan dalam tempoh pilihan raya apabila iklan-iklan yang memberi mesej bahawa kemenangan Barisan Alternatif akan membawa huru-hara disiarkan di surat khabar, di TV dan poster-poster yang mempunyai mesej yang sama juga ditampal dengan begitu luas di tiap-tiap kawasan pilihan raya. Satu anggaran telah dibuat.....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Penjelasan. Apakah Yang Berhormat Kota Melaka sedar bahawa inilah julung-julung kali Barisan Nasional dan juga UMNO menggunakan iklan di dalam media-media utama, TV, surat khabar, radio, iklan-iklan yang menakutkan dan iklan-iklan yang memperkecilkan dan iklan-iklan yang memang tidak mengikut etika iklan atau tatacara iklan yang sebenarnya sepertimana yang berlaku dalam pilihan raya baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: Ya. Memang betul, itulah yang telah dilakukan oleh Barisan Nasional dan ini satu bukti [*Menunjukkan keratan akhbar*] seolah-olah pilih Barisan Alternatif menang negara akan menjadi huru-hara, iklan yang tidak bertanggungjawab. Ini satu insiden demonstrasi yang berlaku di Kuala Lumpur, apakah kaitannya dengan pilihan raya. Inilah taktik kotor yang digunakan oleh Barisan Nasional. Sila lihat.

Tuan Ir. Mohd Zin bin Mohamad: Penjelasan. Betulkah peristiwa itu berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada yang hendak minta penjelasan.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya beri Pokok Sena dahulu. Memang kita beri kawan dahulu.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Tadi Yang Berhormat menunjukkan satu bukti daripada akhbar menunjukkan bagaimana iklan-iklan yang menunjukkan bahawa akan berlaku huru-hara menjelang pilihan raya lalu. Adakah itu menunjukkan bahawa inilah sebenarnya amalan politik samseng, gangster yang diamatkan oleh Barisan Nasional? *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading bangun.

Tuan Kerk Kim Hock: Bersetujukah apa yang dikatakan oleh Pokok Sena?

Tuan Mohamed bin Haji Aziz: Saya hendak bertanya Kota Melaka. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sedarkah Yang Berhormat Kota Melaka bahawa iklan itu dibuat oleh rakyat yang peka, yang merasai bahawa keamanan itu penting dan gambaran itu ialah gambaran yang dilakukan oleh parti pembangkang dan rakyat yang peka kepada keamanan itu merasa takut supaya jangan berlaku peristiwa seperti ini maka itu mereka mengharapkan yang mampu menjaga keamanan ialah Barisan Nasional.

Tuan Kerk Kim Hock: Janganlah buat ucapan cuma sendiri akan percaya. Ini perbuatan Barisan Nasionallah. Beranilah mengaku di sini, ini Parlimen, ini bukan ceramah parti. Kalau berani buat mengaku sahaja. Macam menteri itu dia mengaku *[Disampuk]* *At least I respect you for admitting it.* Ini hendak bohong siapa. You kata ini betulkah? *[Ketawa]*

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Point of order. Cakap bohong ini, saya tidak kata begitu, saya kata adakah kejadian itu yang terparap di dalam surat khabar berlaku ataupun tidak?

Tuan Kerk Kim Hock: That is indirect admission. Ini telah mengaku dengan cara indirect. Jangan cuba lari sekarang. *[Disampuk]*

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka sama ada beliau sedar bahawa iklan-iklan yang dipamerkan di dalam surat khabar atau media ini bukan sahaja sebuah surat khabar, rata-rata dan semua surat khabar dan berapa harga satu muka surat penuh. Satu muka surat penuh advertisement seperti ini berapa ribu ringgit, berapa muka surat satu hari ia pamer, berapa buah surat khabar di Malaysia ini khususnya *STAR*, *Straits Times*, berapa duit satu muka surat penuh dan jikalau dikira satu anggaran yang kasar mungkin melebihi lebih kurang satu bilion ringgit, maaf, RM10 juta, termasuk cetakan-cetakan yang disebar di kalangan rakyat, RM10 juta. Adakah ini mampu dibayar oleh rakyat jelata atau individu, ini semua cuma hendak membela diri, ini duit siapa? Tolong ulaskan.

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti, saya akan jawab soalan dari kawan saya dari Bukit Mertajam. To be fair to the minister there. Kalau saya kata ini adalah iklan yang dipaparkan oleh Barisan Nasional, soalnya pertama dari menteri adalah ini bukan perbuatan kita, tetapi Yang Berhormat tidak cakap macam itu. *You comment whether it is true or not, so I say indirectly you admitted it. So don't run away, that is a fact.* Kalau saya tidak buat saya akan nafikan dengan terus sahaja. Menteri tidak nafikan dengan terus dan sekarang cuba hendak putarbelitkan.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang putar belit ini adalah pembangkang. Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah memutar belit, saya telah

mengatakan sama ada hendak buat itu ataupun tidak. Itu persoalannya dan Yang Berhormat belum jawab lagi, saya tidak ke mana.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tidak pusing-pusing. Saya kata kalau Barisan Nasional keluaran iklan ini, saya akan nafikan dengan secara terus sebab ini bukan perbuatan kita. Bagi orang yang membuat ini dia tidak akan menafikan dengan secara terus. Itulah saya katakan indirect admission. Tidak mengapa kalau bukan *direct*.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Okay, *if you like* kalau menyenangkan.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya satu anggaran telah dibuat bahawa Barisan Nasional telah menggunakan wang sebanyak RM50 juta sehari untuk membiayai kempen menakutkan ini. Ini tidak termasuk banyak poster yang ditampal di sana-sini. Sebenarnya begitu banyak poster telah ditampal di sana-sini, muka dalam poster itu ialah Tok Guru Nik Aziz, seolah-olah Nik Aziz yang hendak menjadi Perdana Menteri dalam pilihan raya ini. Ini adalah taktik kotor yang digunakan oleh Barisan Nasional.

DAP ingin mendesak supaya suatu penyiasatan bebas dijalankan untuk menyiasat sumber kewangan kempen semua parti politik supaya rakyat dapat tahu sama ada mana-mana parti politik telah menerima bantuan kewangan dari perwakilan asing atau syarikat-syarikat korup. DAP tidak pernah mendapat bantuan kewangan satu sen pun dari negara asing. *[Disampuk]* Saya tahu menteri itu buat banyak statement dalam surat khabar. Jadi, saya hari ini mendesak supaya satu penyiasatan bebas dibuat. Apakah pandangan Yang Berhormat? Saya beri jalan sebab menteri buat banyak tuduhan dalam surat khabar semasa kempen pilihan raya. Sekarang kita desak satu penyiasatan bebas semua parti politik terutama sekali UMNO.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tiap-tiap kali selepas pilihan raya parti pembangkang akan minta siasatan kerana mereka kalah pilihan raya. *[Disampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Kerajaan tidak pernah hendak menjalankan satu siasatan kerana kerajaan takut. Kita buat desakan kerana kita percaya kita berani kerana benar, satu sen pun kita tidak dapat, tetapi beranilah UMNO. Kerajaan tidak berani. Wang datang daripada mana – syarikat-syarikat korup. Ini rakyat beri, berapa, lima senkah? Ini syarikat besarlah namanya. Kita buat cadangan dia tidak berani terima. Tetapi bila pilihan raya buat macam-macam tuduhan tanpa berasas. Adakah ini kerajaan yang bertanggungjawab? Dia tidak mahu jawab. Saya challenge buat satu siasatan bebas.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak menjawab tiap-tiap tuduhan liar yang dibuat oleh parti pembangkang – tadi dia mula mukadimah dia, saya ingat dia seorang yang demokratik, seorang yang memahami proses demokrasi, dia kata tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional dan kita menerima amalan demokrasi. Amalan demokrasi telah memberikan kita dua pertiga, minta maaf, kita sudah menang.

Tuan Kerk Kim Hock: Yang buat tuduhan siapa, bukan saya. Yang buat tuduhan ialah menteri itu semasa kempen pilihan raya.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kita boleh siasat banyak tuduhan yang dibuat.

Tuan Kerk Kim Hock: Headline news dalam *Utusan Malaysia* hari ini tidak berani menyahut cabaran kita.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Apa kena kita hendak menyahut tiap-tiap perkara yang diminta oleh pembangkang.

Seorang Ahli: Nantilah!

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Penjelasan.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Silakan.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa nampaknya Yang Berhormat bagi Kota Tinggi tidak berani menyahut untuk mengadakan siasatan. Ini menunjukkan bahawa dia tidak boleh menafi kerana memang berlaku kebenaran bahawa berlakunya salahguna yang dilakukan oleh Barisan Nasional dengan mendapat bantuan-bantuan asing yang sudah menjadi amalan kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya seronok dengan Pokok Sena fasal dia pandai kaitkan. Jawapannya dia sudah jawab sendiri, dia sudah buat keputusan sendiri tetapi tidak ada satu kebenaran. Kalau kerajaan semata-mata di atas desakan parti pembangkang kita mengikut, tidak guna kita menjadi kerajaan. Kita berpuas hati dengan keputusan pilihan raya, terpulang kepada SPR untuk menentukan sama ada pilihan raya itu dijalankan dengan betul ataupun tidak, kita berpuas hati. Apa hendak buat siasatan?

Tuan Kerk Kim Hock: Menteri jangan larilah dari fakta, jangan lari dari cabaran kita. Sekarang kita bukan hendak bincang pilihan raya, kita bukan hendak bincang keputusan pilihan raya. Kita berbincang tuduhan liar yang telah dilemparkan terhadap kita oleh Yang Berhormat sendiri. Kita buat desakan supaya satu penyiasatan bebas diadakan, mengapa takut? Jadi, lain kali jangan buat tuduhan yang liar, jangan lemparkan tuduhan terhadap parti kita.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Cakaplah tajuk itu.

Tuan Kerk Kim Hock: Inilah jelas apa yang kita lihat sudah lari dengan ini.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Penjelasan. Yang Berhormat bagi Kota Melaka apakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat dalam majalah *Asia Week*, majalah *News Week* dan juga majalah-majalah antarabangsa yang lain yang menyatakan bahawa pilihan raya yang diadakan baru-baru ini mengikut *Post Watch*, dengan izin, adalah jauh daripada menepati syarat-syarat pilihan raya negara demokrasi yang sebenarnya. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: DAP bercakap dengar orang luar bercakap.

Tuan Kerk Kim Hock: Okay, saya beri Yang Berhormat jawab, hendak. Saya beri peluang kepada Menteri. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, sikap Barisan Nasional melemparkan tuduhan kepada orang dan tidak berani menyahut cabaran yang kita buat dalam Parlimen ini.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat itu sembunyi tangan.

Tuan Kerk Kim Hock: *We are prepared to force the issue here.* Oleh kerana DAP tidak pernah menerima satu sen pun dari perwakilan asing. Tiga puluh tahun kita lawan tidak pernah dapat satu sen pun. Saya masih ingat Yang Berhormat Menteri kata ada proof pembangkang ada menerima, mana buktinya. Hari ini saya cabar. *I will force the issue here, where. Now, you are here and I am here. You answer what is your decision on our challenge.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.....

Tuan Kerk Kim Hock: Saya akan teruskan. Yang ini semua tidak payahlah. Kalau Menteri tidak berani menerima menyahut cabaran yang lain, cuma diam. Yang lain pun tak ada *locus standi*. Saya akan teruskan.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: [*Menyampuk*]

Tuan Kerk Kim Hock: Saya akan teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tidak beri laluan.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini hendak maki hamun bukan caranya. Kalau Menteri tidak berani....

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kita punya siasatan terhadap perkara-perkara, saya tidak sebut mana-mana parti pembangkang....

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menyampuk*] Saya tengok Yang Berhormat nak lari lagi. Tak usah lari lagi, sebut sekarang....

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dahulu, dengar dahulu. Duduklah kalau hendak beri saya jalan. Duduk, *follow the procedure*, dengan izin. Saya hendak memberitahu kalau parti pembangkang, Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengatakan tidak, itu adalah satu penjelasan daripada Kota Melaka, menunjukkan Kota Melaka merasakan bahawa mungkin ini adalah daripada DAP yang dapat menerima segala sogokan daripada luar. Kalau tidak, *okay, we listen to your view*. Buat apa buat pengesahan di sini.

Tuan Kerk Kim Hock: Cara ini hendak lari. Okaylah saya beri peluang, kita hari pertama di sini saya tidak mahu *pressure you* lagi.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Apalah you.

Tuan Kerk Kim Hock: Menteri tidak berani hendak buat apa ini.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Kerk Kim Hock: Okay.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Sebelum ini ada heboh bahawa Yang Berhormat Menteri yang juga Yang Berhormat bagi Kota Tinggi ada melakukan pertemuan dengan rakan sejawat beliau, Menteri Luar dari Israel. Apakah ada kemungkinan bahawa menunjukkan ada kerjasama antara Malaysia dengan Israel sehingga untuk mendapat bantuan sumbangan kewangan bagi pihak Barisan Nasional. [*Tepuk*]

Tuan Kerk Kim Hock: Ini sudah jadi dua orang.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tengok sekarang ini, biar saya jawab kepada Pokok Sena fasal Yang Berhormat bagi Pokok Sena mengembangkan kefahaman Islam tetapi bohong banyak kuat sekali, fitnah, [*Sorak*][*Tepuk*] dan kalau mengatakan kita mendapat duit dari Israel, tolong buktikan kita mendapat duit atau Pokok Sena yang mendapat duit dari Israel.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Saya.... [*Diganggu*]

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dahulu, saya tidak beri jalan, nanti dahulu....

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kota Melaka, apakah ada kemungkinan bahawa satu perkara yang tidak boleh dinafikan bahawa....

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: ...memang berlaku pertemuan antara.....

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dahulu....

Tuan Mahfuz bin Haji Omar:.....Menteri Luar dengan rakan sejawatan dari Israel.

Tuan Kerk Kim Hock: Okay, okay.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan, bila saya berdiri dia tidak boleh bercakap lagi. Duduk dahulu.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua....*[Diganggu]*

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu peraturan....

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Saya minta penjelasan daripada

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti, peraturan!

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Bukan dia perlu menjawab kepada saya tetapi kalau dia hendak menjawab kepada saya, saya perlu menjelaskan bahawa dia tidak boleh menafikan bahawa berlaku pertemuan antara Menteri Luar Malaysia*[Diganggu]*

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Mengikut peraturan, Yang Berhormat bagi Kota Melaka beri kepada saya untuk menjawab Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Jadi, bodohlah kita kalau kita tidak ikut peraturan, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka, saya ingat masa cukup, kalau boleh lanjutkan perbincangan.

Tuan Kerk Kim Hock: Kita akan teruskan.....*[Diganggu]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tetapi tidak boleh nafikan pertemuan antara Menteri Luar Israel dengan Malaysia.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Apa dia cakap lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Okay, saya akan teruskan.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Saya tanya bahawa adakah kemungkinan dalam pertemuan itu bantuan....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk][Bersorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka, Pokok Sena....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti...

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, kalau hendak tanya soalan berkenaan perhubungan dengan negara luar, dia tidak boleh berasaskan *hypothesis* atau kemungkinan. Kalau ada bukti yang jelas tunjukkan bukti yang jelas kita mendapat wang, itu saya cakap, jangan bohong. Selama ini Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena sudah berbohong *all the time*.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Apa, apa...

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Bohong!

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ha, bohong!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka..

Tuan Kerk Kim Hock: Jangan bercakap tanpa bukti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka, sila...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Jangan cakap tanpa bukti dan tidak berani menyahut cabaran. Okay, kita berhenti di sinilah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock:....kita sudah tahu apakah pendirian Barisan Nasional bila dicabar, jangan cakap lagilah, okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka, sila teruskan.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya akan teruskan.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak puas hati lagi? Saya hendak berhenti pun tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila lanjutkan.

Tuan Kerk Kim Hock: Okay, saya teruskan. Ini kita masuk mengenai MCA ya. Walaupun MCA dan Gerakan telah mencapai kemenangan yang cemerlang dalam Pilihan Raya Umum Kesepuluh, saya berkata bahawa politik pembohongan yang digunakan oleh mereka menyebabkan mereka menang kerusi kalah prinsip, menang pilihan raya gadai maruah *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, laporan yang DAP Pusat terima menunjukkan MCA dan Gerakan telah menggalakkan orang-orang upahannya untuk menyebarkan pembohongan bahawa sekiranya DAP menang orang Cina tidak akan dapat makan daging babi. Di kawasan Bukit Bendera salah satu sebab yang menyebabkan kekalahan bekas Ketua Pembangkang, Saudara Lim Kit Siang adalah kempen pembohongan yang telah dijalankan. Di antara pembohongan yang.....

Seorang Ahli: Kalau sudah kalah, kalahlah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Di antara pembohongan yang disebarkan ialah sekiranya Saudara Lim Kim Siang menang, pembohongan yang termasuk, pertama, orang Cina tidak akan dapat makan daging babi atau minum arak, ini dia kata kalau Lim Kit Siang menang, ini bukan kalau ada negara Islam, kalau Lim Kit Siang menang, orang Cina tidak akan dapat makan daging babi...

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [Bangun]

Tuan Kerk Kim Hock: Sekejap, sekejap ya. ...atau minum arak, sekejap. Yang kedua, perempuan cantik tidak akan dapat mencari pekerjaan, ini kalau Lim Kit Siang menang, kita dengar kalau Lim Kit Siang menang, yang ketiga, pemotongan kaki dan tangan akan berlaku, ini mereka merujuk kepada hukum hudud yang tidak wujud dalam negara ini. Saya beri jalan kepada kawan saya dari Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kota Melaka, saya ingin penjelasan. Apakah sikap biadap MCA dan Gerakan ini yang menghina Islam ini adalah kerana diajar oleh UMNO dan Barisan Nasional sendiri?

Tuan Kerk Kim Hock: Ada sesiapa yang mahu menjawab, saya beri seorang menjawab. Itulah Tuan Yang di-Pertua, saya berkata bahawa ini memanglah satu sikap yang tidak bertanggungjawab, parti politik yang cuma mementingkan.....

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: Bia! saya jawablah.

Tuan Kerk Kim Hock: Soalan ini dituju kepada MCA, bukan awak ya...yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka tidak beri jalan.

Tuan Kerk Kim Hock: Begitulah Tuan Yang di-Pertua, sikap yang tidak bertanggungjawab, parti politik yang cuma mementingkan kepentingan dan kemenangan sendiri. Tuan Yang di-Pertua, adalah begitu mengecewakan bahawa bukan sahaja Pilihan Raya Umum Kesepuluh telah menjadi pilihan raya yang paling kotor dalam sejarah pilihan raya.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Hei, berapa kali ulang.

Tuan Kerk Kim Hock: Takut hendak dengar ya. Cara Mesyuarat Pertama Parlimen dipanggil telah menimbulkan soalan yang serius mengenai kesahihan mesyuarat ini oleh kerana perkara-perkara Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan-Peraturan Mesyuarat tidak dipatuhi. Adakah prinsip *majority rules* menjadi jawapan Barisan Nasional kepada pertikaian yang telah timbul oleh pembangkang. Saya terperanjat apabila mendengar seorang Menteri berkata bahawa *principle of majority shall prevail*. Kalau itulah cara dan sikap Barisan Nasional demokrasi kita akan menjadi *tyranny of the majority*, dengan izin. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, prinsip *majority rules* adalah prinsip yang boleh dipakai dalam demokrasi purba.

Dengan perkembangan teori hak asasi dalam abad ke-17 dengan.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka, ada yang minta penjelasan.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia ini sudah banyak kali bangun hari ini, cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri laluan.

Tuan Kerk Kim Hock:dengan izin, *principle of majority rules*....

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: [*Menyampuk*]

Seorang Ahli: *Point of order*.

Tuan Kerk Kim Hock: Peringkat dasar hari ini. Hari ini peringkat dasar, kalau tidak faham duduk, jangan kacau ya, dengan izin *the principle of majority rules has become a necessary but not a sufficient condition for modern democracy*. Dalam demokrasi moden, Tuan Yang di-Pertua, minoriti mempunyai hak asasi yang tidak boleh dipisahkan. Tanpa pegangan kuat ke atas prinsip ini demokrasi yang kita pratikkan cuma adalah demokrasi purba.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Pengerusi SPR Dato' Omar Hashim berkata bahawa SPR akan mengkaji semula proses-proses pilihan raya. Saya mengalu-alukan kesediaan SPR untuk menjalankan satu kajian. Sebenarnya DAP telah pernah kemukakan beberapa cadangan kepada SPR termasuk cadangan supaya SPR menjalankan Kempen Pendaftaran Pemilih sepanjang tahun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka, Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *Point of order*, tidak dengar.

Tuan Kerk Kim Hock: You jangan biadaplah, orang lama, apa itu?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: 36(1)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan...

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tarik balik, tarik balik.

Tuan Kerk Kim Hock: Apa itu?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *Point of order*, perkataan 'biadap'.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya kata 'jangan biadap', bukan saya kata dia biadap.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 36(1).

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Kota Melaka menggunakan perkataan 'biadap', dia tuju kepada Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Tarik balik.

Tuan Lim Hock Seng: [*Menyampuk*]

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Hei, malulah Bagan, awak cakap. Jangan cakaplah, malu! 36(1). Buat ruling, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kena sebutlah.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, teruskan. Peraturan Yang Berhormat Kota Melaka...

Tuan Kerk Kim Hock: Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak mencukupi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka, ada *point of order*.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduklah dahulu, duduklah.

Tuan Kerk Kim Hock: Berapa, berapa? Sebutkan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan, Peraturan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: You duduk dahulu, you duduk dahulu.

Tuan Kerk Kim Hock: Berapa, berapa Peraturan itu?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: 36(1).

Tuan Kerk Kim Hock: Ha.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tidak ganggu kalau dia kata ini salah, semua salah, saya tidak ganggu, Tuan Yang di-Pertua tetapi dia terkeluar sangat daripada tajuk ini. Tajuk kita ialah masalah yang tertentu, dia cerita dasar sana sini, jadi tidak bolehlah.

Seorang Ahli: Hendak jadi Speakerkah? Hendak jadi Speaker kot.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya harap jugalah jangan sebut yang jauh sangat daripada tajuk, sambung.

Tuan Kerk Kim Hock: Sebenarnya saya sudah mahu habis, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak, sudah mahu habis ini. Sebenarnya kita dalam peringkat dasar ini, itu fasal saya ucap dalam dasar. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak mencukupi untuk SPR menjalankan kajian semula ke atas prosedur-pilihan raya sahaja. SPR hendaklah mengkaji dan memperkuatkan peranannya untuk menjadi pengadil atau referee yang adil atau effective yang boleh menyakinkan orang ramai tentang kemampuan kebebasan dan keinginannya untuk menjalankan pilihan raya yang bebas,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Kerk Kim Hock: Satu perenggan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu perenggan ya, satu second.

Tuan Kerk Kim Hock: Okay. SPR bukan sahaja hendaklah meningkatkan keupayaan untuk menjalankan pilihan raya dengan licin dan lancar, ia hendaklah memastikan peranan bebasnya untuk menjalankan pilihan raya yang adil. Dalam kajian semula SPR juga harus memberi perhatian ke atas masalah terhadap kemampuan dan kewibawaannya untuk:

- (i) menghalang politik duit dan membeli undi;
- (ii) mengatasi soalan undi hantu atau phantom vote;
- (iii) menghalang penyalahgunaan dan monopoli mass media;
- (iv) membenarkan tempoh kempen tiga minggu;
- (v) menghentikan sistem undi post yang kurang transparent; dan

- (vi) menghentikan politik menakut-nakutkan dan politik pembohongan yang selalu dijalankan oleh Barisan Nasional.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang dan Timbalan Menteri boleh menjawab.

Beberapa Ahli: Oi, oi, banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada orang.

Beberapa Ahli: Ada, ada. Ramai lagi, banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, jadi Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Dewan ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, sila.

2.30 ptg.

Datuk Yong Teck Lee [Gaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999 dan pada kali ini saya ingin menyentuh hanya dua perkara. Pertama, mengenai Kementerian Luar Negeri di mana diberikan peruntukan tambahan RM3.7 juta dan juga perkara kedua, Suruhanjaya Pilihan Raya yang diberikan peruntukan tambahan sebanyak RM3.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun yang lalu, negara Malaysia kita telah menjadi lebih aktif dalam bidang antarabangsa, mengambil profil yang lebih tinggi dan ini adalah baik bagi sebuah negara seperti Malaysia dan harus disokong oleh Ahli-ahli Parlimen dan juga orang ramai. Maka pada masa yang sama, saya ingin menarik perhatian Kerajaan Pusat terutamanya Kementerian Luar Negeri, mengenai beberapa perkara yang melibatkan hal-hal luar negeri terutamanya mengenai satu isu baru di Asean iaitu Timor Timur (*East Timor*).

Saya berharap bahawa Kerajaan Pusat akan memberikan perhatian yang lebih serius, lebih mendalam dan lebih meluas kepada kawasan Timor Timur kerana pada hari ini Timor Timur ditadbir di bawah *jurisdiction* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*). Dan selepas dua tahun dari sekarang, saya difahamkan sekiranya proses itu adalah licin maka selepas dua tahun dari sekarang, *East Timor* akan menjadi sebuah negara merdeka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap di bawah tajuk berapa itu, Kepala berapa?

Datuk Yong Teck Lee: Kementerian Luar Negeri diberikan peruntukan tambahan RM3.7 juta di mana kita diberitahu bahawa Kerajaan Malaysia ingin membuka kedutaan besar di Sudan dan Yaman dan saya bandingkan dengan keadaan di Asean sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bersangkutan Yang Berhormat dengan Timor Timur itu, hanya yang diberi peruntukan untuk Yaman dan Sudan ya.

Datuk Yong Teck Lee: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya ingin sebutkan, dengan izin, ialah kita telah memberikan perhatian di Afrika, kita sudah ke Sudan dan Yaman dan saya membawa perkara di Timor Timur kerana seolah-olah di pusat ini soal Timor Timur belum lagi diberikan perhatian yang serius, mendalam dan meluas. Maka saya menyokong seperti dalam ucapan permulaan saya tadi, menyokong supaya kita mengambil satu profil yang lebih tinggi dalam bidang antarabangsa, pada masa yang sama apabila kita ke Sudan dan Yaman, kita jangan lupa di Asean sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas, dengan izin, maka kalau Timor Timur menjadi negara yang merdeka dalam dua tahun, kita ada satu *vacuum* di Asean sendiri kerana masa dahulu kalau di bawah Republik Indonesia, Timor Timur adalah dalam Asean, lain hari kalau dia sudah merdeka, dia bukan dalam Asean, dia ada satu *vacuum* dan ini saya berharap negara Malaysia dapat mengambil perhatian serius dalam perkara ini kerana kalau dari negeri Sabah terutamanya, hari ini kita ada juga pekerja-pekerja asing yang berasal dari Timor Timur. Mereka hari ini masih menggunakan dokumen perjalanan Republik Indonesia, maka kalau keadaan itu tidak diselesaikan, dua tahun dari sekarang ini, mereka mungkin memegang dokumen perjalanan yang tidak direstui Kerajaan Pusat dan ini akan membawa masalah kepada pekerja-pekerja asing yang sah hari ini, kemungkinan tidak sah lagi dua tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah berubah kepada perkara lain? Pada fikiran saya itu tidak bersangkutan dengan Maksud B.51 itu ya.

Datuk Yong Teck Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya setiap kali kita daripada negeri Sabah dan Sarawak ini terpaksa membawa perhatian Kerajaan Pusat kepada perkara-perkara yang dianggap tidak penting oleh pihak Pusat. Tetapi bagi kita ini, kita nampak ke Sudan, ke Yaman, pada hal di *East Timor* ada masalah yang dekat, yang banyak implikasi dan kesannya kepada sebuah negeri.

Walau macam manapun, saya menghormati pandangan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua dan saya akan mencari peluang dan saluran yang lain untuk membawa perkara ini disebabkan perkara ini kalau tidak mengenai Sudan dan Yaman tetapi ia ada soal *allocation of resources* kepada Kementerian Luar Negeri diberikan kepada negara-negara di Afrika tetapi saya hanya ingin membangkitkan satu perkara yang penting bagi kita di negeri Sabah ini.

Walau macam manapun, sebenarnya ada juga soal Zamboanga, soal Davao dan Mindanao tetapi saya akan terus ke perkara yang kedua, iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya kita seharusnya mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihan Raya kerana telah menjalankan satu pilihan raya umum seluruh negara dengan licin, dengan lancar, pihak agensi-agensi kerajaan terutamanya pihak polis menjamin keselamatan dan keamanan sewaktu pilihan raya. Ini adalah satu perkara yang membanggakan walaupun pihak pembangkang setiap kali kalau kalah memang ia membawa isu politik ke Parlimen selepas pilihan raya.

Saya rasa kalau RM3.5 juta itu cukup bagi SPR untuk menjalankan pilihan raya umum yang lalu, tetapi saya berharap pihak kerajaan dapat memberikan perhatian yang lebih menyeluruh mengenai soal-soal SPR, di mana satu perkara yang dibangkitkan kebanyakan di negeri Sabah tetapi ada juga kita baca di Kelantan dan di beberapa buah negeri, di mana daftar pengundi di dapati kurang bersih.

Pada keseluruhan ia boleh digunakan bagi pilihan raya tetapi kita juga mendapati bahawa kalau daftar pengundi hanya bagi negeri Sabah, kita dapati bahawa ada 4,000 lebih nombor *I/C* yang *duplicate*, bermakna nombor yang sama itu ada dalam daftar pengundi itu sebanyak dua kali, dengan izin, the same number appearing twice in the same rolls sebanyak 4,000 lebih dan triplicate satu nombor ada tiga kali, 200 lebih dan laporan

lengkap telah diberikan kepada SPR. Oleh sebab pilihan raya umum sudah lalu, maka kita berharap supaya SPR dapat menjalankan tugasnya menyeluruh. Oleh sebab itu pihak SPR memang memerlukan banyak peruntukan termasuk dengan menggunakan teknologi baru untuk menangani masalah seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara, saya tidak bercakap di sini kalau tidak ada contoh sebagai bukti, baru minggu lalu, empat atau lima pengundi yang tidak layak iaitu yang dinamakan oleh orang ramai 'pengundi hantu' telah dibawa ke mahkamah, didapati salah dan dihukum penjara. Ini sudah ada *real case*, kes yang sebenar sudah ada dan saya sebagai Ahli Parlimen memang mengucapkan tahniah kepada SPR, pegawai-pegawai SPR dan juga pihak polis kerana dapat menangkap beberapa orang yang cuba mengundi dengan menggunakan I/C palsu yang dibuat oleh sindiket beberapa tahun yang lalu digunakan oleh pihak-pihak yang tidak layak dari segi undang-undang untuk mendaftar sebagai pengundi dan mereka cuba mengundi, ada yang bercakap di mahkamah bahawa mereka pernah mengundi dahulu tetapi tidak dapat ditangkap. Hari ini mereka dapat ditangkap dan didapati salah dan dihukum penjara.

Maka semua ini perlu dijelaskan oleh pihak SPR di mana saya membaca laporan daripada SPR bahawa SPR ada ketika dahulu menafikan bahawa tidak ada pengundi hantu, pada masa SPR menafikan, pihak polis menangkap orang yang mengundi walaupun I/C palsu dan pada masa SPR menafikan ada hal ini, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Mejistret menghukum orang-orang yang cuba mengundi dengan menggunakan I/C palsu.

Maka semua ini perlu dijelaskan. Daftar pengundi perlu dibersihkan supaya rakyat tidak lagi ragu, supaya pihak pembangkang tidak lagi ada alasan apabila mereka kalah.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini bagi sidang Parlimen yang pertama selepas pilihan raya, adalah sesuai bagi kita membawa perhatian kerajaan kepada perkara-perkara seperti ini. Mudah-mudahan pada pilihan raya yang akan datang sama ada peringkat negeri atau peringkat Persekutuan tidak lagi timbul masalah pengundi-pengundi dalam senarai itu yang tidak sah, termasuk di kawasan saya sendiri ada orang yang cuba mengundi tetapi orang lain sudah mengundi dengan menggunakan nombornya, kes mengikut kajian kita sendiri 4,000 lebih kes *duplicate I/C*, yang bertindih dua kali nombornya.

Jadi, ada yang hilang hak mengundi disebabkan haknya sudah digunakan oleh pihak yang lain, kemungkinan pihak yang tidak layak.

Tuan Yang di-Pertua, dua perkara sahaja yang saya sebutkan, satu mengenai Timor Timur, kedua mengenai Suruhan Pilihan Raya, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang membahaskan dalam dasar ini sudah satu hari suntuk ya, dengan kerana kita tidak ada masa lagi, ada dua lagi rang undang-undang dan kita belum masuk lagi kepada Jawatankuasa. Dengan demikian, saya mintalah supaya saya akan terpaksa memberhentikan perbahasan sekarang dan saya hendak meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, bahkan sebenarnya tadi Timbalan Yang di-Pertua telah pun memberitahu kepada Yang Berhormat sekalian, pada petang ini Timbalan Menteri akan menjawab. Ya, saya mintalah Timbalan Menteri menjawab.

2.43 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999 pada hari ini dan juga kelmarin.

Saya akan menyentuh isu-isu yang telah dibangkitkan. Terdapat 12 Ahli Yang Berhormat telah pun membahaskan rang undang-undang ini. Pertamanya, isu pencen, ramai Ahli Yang Berhormat meminta supaya diteruskan bayaran pencen terbitan kepada balu yang kahwin semula. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, balu yang kahwin adalah isteri orang lain yang bertanggungjawab ke atas nafkahnya, maka kerajaan tidak bercadang meluluskan bayaran pencen terbitan mendiang suami pertama.

Walau bagaimanapun, anak kandung simati yang di bawah jagaan balu yang kahwin semula itu akan terus dibayar pencen terbitan sehingga umur anak itu 21 tahun. Kemungkinan menaikkan kadar pencen hingga ke tahap kemiskinan, ini telah pun dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat, pencen dihitung berasaskan perkhidmatan dan gaji terakhir, maka sekiranya tempoh perkhidmatan seseorang pegawai itu adalah singkat pencennya sememangnya kecil berbanding dengan rakannya yang berkhidmat lebih panjang tempohnya. Walau bagaimanapun, kajian sedang dijalankan untuk meningkatkan pencen minimum bagi tempoh perkhidmatan 25 tahun yang ada sekarang ini.

Kadar pencen yang lebih lumayan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat, kadar pencen untuk anggota awam di Malaysia, adalah skim pencen yang hampir terbaik di dunia, dengan adanya unsur kenaikan kadar setiap kali ada pelarasan gaji untuk anggota yang sedang berkhidmat. Tambahan kepada pencen pesara-pesara juga dibayar ganjaran iaitu bayaran sekali gus ketika bersara atas kadar 7.5% gaji terakhir bagi setiap bulan perkhidmatan. Tambahan kepada pencen juga pesara dan keluarga mereka menerima perkhidmatan perubatan percuma.

Yang Berhormat ada juga membangkitkan kenaikan umur wajib bersara sekarang 55 tahun kakitangan kerajaan di bawah Rang Undang-undang Pencen, perkara ini sedang dikaji oleh kerajaan, walau bagaimanapun, kerajaan hendak berhati-hati supaya dasar melanjutkan umur wajib bersara tidak menjejaskan peluang-peluang anak muda, generasi muda kita yang akan berkhidmat dalam kerajaan kelak.

Mengenai EPF

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan tidak?

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tadi Yang Berhormat menyebut bahawa soal had umur pencen bahawa kerajaan lebih berhati-hati kerana bimbang takut nanti soal peluang kepada anak-anak muda, tetapi saya kira bahawa Perdana Menteri sendiri pun umur 73 tahun pun dia boleh jadi Perdana Menteri sehingga orang yang lebih muda tidak berpeluang. Jadi, kalau itu boleh berlaku, saya rasa tidak menjadi masalah untuk sektor perkhidmatan awam untuk melanjutkan usia pencen daripada 55 tahun kepada 60 tahun.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam analisa dasarnya (*policy analysis*) saya rasa kawan kita pun ada di sana, bahawa satu-satu tindakan kita, kita terpaksa melihat secara global, apakah angkubah-angkubah yang lain, yang akan berturutan daripada itu. Di Malaysia ini, anak masuk sekolah pun tanggungan kerajaan kebanyakannya, lepas sekolah pun tanggungan kerajaan mencari kerja.

Jadi, kita ada misalannya dahulu apabila banyak kita punya graduan yang balik dari luar negara dan juga graduan-graduan tempatan yang pada masa itu tidak ada pekerjaan, kita beri satu skim khas, skim isi penuh iaitu untuk anak-anak kita bekerja RM500 ke atas. Jadi, di sini pun, di negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia ini, kerja untuk dicarikan kepada anak-anak kita juga adalah separuhnya daripada tanggungjawab kerajaan.

Jadi, memandangkan kepada itu, sekiranya perkhidmatan awam ini hendak kita lanjutkan, kita hendaklah mengadakan *policy analysis* ataupun analisa dasar yang teliti, ini jawapannya.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat, minta penjelasan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pencen, saya hendak bertanya, sekarang ini wanita juga mendapat pencen dan apabila wanita itu meninggal suaminya menikmati pencen isterinya. Adakah apabila suami itu berkahwin lain pencennya juga terputus kerana dia jadi suami orang lain? [Ketawa]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, ini satu persoalan yang bagus kerana ramai di antara kita bila kita katakan wanita ataupun suri rumah tangga, stigma kita ramai yang menjadi suri rumah tangga, bukan bekerja. Jadi, kalau seseorang itu mempunyai empat isteri misalnya, isteri yang pertama bekerja, isteri yang kedua pun bekerja, isteri yang ketiga pun bekerja dan isteri yang keempat pun bekerja, jadi kita lihat bahawa ada orang mengatakan apabila dia kahwin pertama, mati isteri, pencen isteri itu dapat kepada suami. Tetapi kita akan balik bahawa pencen itu akan terputus seperti mana kata Datin tadi, ini satu polemik yang sedang dibincangkan.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengemukakan tentang EPF. Mulai 1 Ogos 1998 semua pekerja warganegara asing yang bekerja di Malaysia adalah diwajibkan mencarum kepada KWSP. Kadar caruman yang dikenakan ke atas pekerja warganegara asing ialah sebanyak 11% bagi pekerja dan RM5 bagi majikan.

Dato' Napsiah binti Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Napsiah bin Omar [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbalik meminta penjelasan berkenaan dengan pencen kepada balu yang bernikah semula ini tadi, mereka tidak dapat pencen. Saya ingin mendapat penjelasanlah, sama ada bolehkah kerajaan menimbangkan pencen ini diberi semula kepada waita-wanita ini kerana ini adalah pencen 'work already done', dengan izin. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Apa makna 'work already done' itu? [Ketawa]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Apabila masuk bab pencen ini, kita hendakkan supaya apabila seseorang itu bekerja dan berpencen, hidupnya selesa. Jadi dari segi balu, kalau dia sudah menjadi isteri orang, jadi masuk hukum Islamnya pun nafkah itu ditanggung oleh suami. Tetapi kerajaan memberi di sini bahawa nafkah pencen yang dulu boleh diberi kepada anak suami dulu sehingga 21 tahun. Jadi pencen ini banyak kategori, pencen terbitan dan sebagainya. Saya tidak ada dasar di sini kerana ini di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tentang KWSP tadi, pekerja yang memegang pas penggajian yang dikeluarkan di bawah Peraturan 9, Peraturan-peraturan Imigresen 1993, jadi warganegara asing ini dikecualikan daripada mencarum. Pekerja *expatriate* yang memegang pas lawatan kerja sementara yang dikeluarkan di bawah Peraturan 11, Peraturan-peraturan Imigresen 1993 dan menerima upah tidak kurang daripada RM2,500 sebulan. Ketiganya pekerja warga Thailand yang masuk dan bekerja di Malaysia yang menggunakan pas sempadan misalnya di Chuping dan sebagainya, mereka keluar masuk tidak payah dikenakan EPF. Pelawat warganegara asing yang bekerja dalam kapal dagang yang didaftarkan di bawah Ordinan Perkapalan Dagang 1992.

Sehingga 21 Ogos 1999, seramai 530,136 ahli telah didaftarkan. Berdasarkan Akta KWSP 1991, pekerja warganegara asing yang telah mendaftar sebagai ahli KWSP

adalah setaraf dengan ahli warganegara Malaysia dan mereka layak untuk menikmati semua faedah seperti mengeluarkan caruman untuk membeli rumah, mendapatkan amaun tambahan kematian dan hilang upaya serta faedah evokasi di bawah seksyen 50 (3) Akta KWSP 1991 dan faedah-faedah ini menimbulkan beberapa masalah kepada KWSP sendiri, seperti pengeluaran caruman untuk perumahan. Jika perumahan yang dibeli atau dibina berada di luar Malaysia timbul masalah menentukan kesahihan dokumen sokongan yang di kemukakan oleh pekerja asing berhubung pembelian atau pembinaan rumah berkenaan seperti dokumen surat perjanjian jual beli, surat perjanjian pembinaan rumah, surat hak milik tanah dan surat gadaian.

Dalam keadaan tertentu lawatan ke tapak rumah diperlukan untuk menentukan kesahihannya. Pemeriksaan seperti ini juga dilakukan akan melibatkan kos yang tinggi kepada KWSP, ini masalah yang kita hadapi.

Keduanya, pembayaran kepada ahli di luar negara dan penamaan. Biasanya ahli warganegara asing membuat permohonan pengeluaran dalam tempoh 1 atau 2 hari sebelum tempoh pas kerja tamat dan terus meninggalkan negara sedangkan pemprosesan pengeluaran mengambil masa sekurang-kurangnya satu minggu. Ini menyebabkan waran terpaksa dihantar ke alamat ahli di negara masing-masing melalui bank draft. Bayaran melalui cara ini kerap kali tidak diterima oleh pemohon. Setakat ini wakil kedutaan Bangladesh telah pun memaklumkan kepada KWSP mengenai perkara ini.

KWSP juga menghadapi masalah membayar kepada penama yang dinamakan oleh pekerja warganegara asing kerana penama yang dicatatkan tidak sesuai atau identiti penama sukar untuk dikenal pasti. Ini disebabkan tahap pelajaran pekerja warganegara asing yang datang bekerja di Malaysia seperti dari Bangladesh dan Indonesia adalah sangat rendah.

Yang ketiganya, caruman yang tidak dikenal pasti. Caruman yang tidak dikenal pasti termasuk caruman ahli warganegara Malaysia dan warganegara asing telah meningkat kepada RM264 juta pada bulan Oktober 1999. Caruman tidak dikenal pasti tidak dapat diselesaikan sekiranya ahli yang berkenaan telah meninggalkan Malaysia.

Penguatkuasaan mencarum bagi pekerja asing yang telah meninggalkan negara dan kembali semula bekerja di Malaysia - Ahli warganegara asing yang telah membuat pengeluaran penuh kerana meninggalkan negara tidak diwajibkan untuk mencarum semula. KWSP menghadapi masalah penguatkuasaan perkara ini kerana pengenalan dari warga negara asing yang telah kembali ke negara asal dan datang semula bekerja di Malaysia tidak diberikan nombor pasport atau pas pengenalan yang sama. Ini memungkinkan ahli didaftarkan sekali lagi dengan nombor akaun yang lain walaupun mereka tidak diwajibkan mencarum; dan

Faedah evokasi dan amaun bayaran tambahan untuk kematian dan hilang daya upaya - Di bawah Seksyen 53, KWSP dikehendaki mengkreditkan amaun yang gagal dicarum oleh majikan ke dalam akaun ahli sekiranya KWSP berpuas hati bahawa potongan telah dibuat daripada upah pekerja. Bayaran ini diperolehi daripada pendapatan tahunan KWSP. KWSP juga perlu membayar amaun tambahan kematian dan hilang upaya kepada ahli pekerja warga negara asing dan sumber pembayaran juga daripada pendapatan tahunan KWSP dan keperluan ini meningkatkan kos pengeluaran KWSP walaupun amaun yang terlibat adalah kecil.

Bagi mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan ini beberapa peruntukan khusus akan diadakan di bawah Akta KWSP 1991 bagi meruntukkan penetapan polisi terhadap pekerja warganegara asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun menanyakan justifikasi peruntukan RM150 juta. Ada yang mengatakan bahawa peruntukan

RM150 juta itu lebih daripada peruntukan asal. Peruntukan asal adalah lebih amaunnya, tadi saya check daripada Kementerian Kewangan, amaunnya lebih daripada RM150 juta, bukan amaun asalnya itu rendah dan RM150 juta itu lebih. Pada peringkat awal kita bukannya untuk mengadakan iklan. Tafsiran iklan ini ialah termasuk pengiklanan, promosi, promosi domestik, promosi antarabangsa, perhubungan awam dan penyebaran maklumat. Jadi apa yang diharapkan oleh Kementerian ialah pencapaian sasaran 65 juta pelancong dan perbelanjaan pelancong sejumlah RM12.2 bilion pada tahun 2000.

Seperti yang digariskan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) LPPM sedang mengambil pendekatan pemasaran yang akan menghasilkan pulangan pantas (fast conversion). Ia berasaskan serampang tiga mata iaitu market driven, forces marketing dan consumer approach. Detailnya, Ahli-ahli Yang Berhormat akan diterangkan oleh Kementerian berkenaan semasa peringkat Jawatankuasa nanti.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, salah seorang daripadanya telah pun membangkitkan mengenai International Financial Architecture (IFA). Sejak teretusnya krisis kewangan di Asia Timur, Malaysia telah menyatakan pendiriannya kepada dunia mengenai cara-cara untuk mengatasi krisis tersebut. Pemimpin-pemimpin negara yang hadir di forum-forum antarabangsa seperti Mesyuarat Ketua-Ketua Ekonomi APEC, Mesyuarat-mesyuarat ASEAN, Kumpulan G15, Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Komanwel dan Persidangan Bank Dunia dan IMF telah menggunakan kesempatan tersebut bagi menjelaskan pendirian negara dan usaha-usaha yang diambil oleh Malaysia bagi menangani krisis tersebut.

Malaysia telah menegaskan perlunya sistem kewangan antarabangsa diperbaiki dengan mencadangkan supaya aliran modal jangka pendek dikawal. Di samping itu kegiatan perdagangan mata wang dan dana lindungan nilai juga perlu diawasi dengan lebih rapi kerana kegiatan spekulatif mereka yang keterlaluan telah memusnahkan ekonomi, warganegara yang menjadi mangsa.

Pada mulanya pandangan Malaysia ini mendapat cemuhan terutamanya di negara-negara maju. Alhamdulillah sekarang pandangan masyarakat antarabangsa telah berubah. Keperluan memperkukuhkan sistem kewangan antarabangsa telah menjadi agenda penting di persidangan-persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh G7, APEC, Bank Dunia dan IMF. Beberapa forum khusus bagi membincang permasalahan ini telah ditubuhkan seperti G22, G33, Forum Kestabilan Kewangan, yang terbaru sekali ialah G20.

Walaupun beberapa kemajuan telah dicapai bagi menangani masalah ini Malaysia tidak berpuashati kerana kurangnya komitmen masyarakat antarabangsa untuk melibatkan pelbagai peringkat negara dalam mencari penyelesaian kepada masalah-masalah tersebut. Misalnya Keahlian Forum Kestabilan Kewangan (Financial Stability Forum) dan G20 kurang melibatkan negara-negara membangun dan pasaran baru muncul. Ini bermakna segala perbincangan dan perakuan-perakuan akan lebih tertumpu kepada pandangan serta kepentingan negara-negara maju sahaja.

Pandangan dan kepentingan negara-negara pasaran baru muncul masih kurang diberi perhatian yang sewajarnya. Oleh itu Malaysia akan terus menggesa supaya negara-negara membangun diberikan peranan yang penting dalam usaha-usaha menyusun semula sistem kewangan antarabangsa ini.

Ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun membangkitkan masalah promosi tadi dan masalah Sukan Komanwel dan sebagainya. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk menjayakan Sukan Komanwel yang ke-VI tahun lalu, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2,093 juta iaitu sebanyak RM412 juta untuk perbelanjaan mengurus, sebanyak RM1,106 juta untuk perbelanjaan pembangunan dan

sebanyak RM575 juta dari Akaun Amanah Sukan. Daripada jumlah ini sebanyak RM1,907 juta telah dibelanjakan iaitu sebanyak 91.11 peratus.

Dalam masa yang sama Syarikat Sukom 1998 Sdn. Bhd. sebuah syarikat yang ditubuhkan khusus untuk mengendalikan Sukan Komanwel ini di Kuala Lumpur telah membelanjakan sebanyak RM260 juta dari sumber-sumber mereka sendiri. Sukan Komanwel tahun lalu telah menempatkan Malaysia di peta dunia sebagai venue sukan antarabangsa. Malaysia kini mempunyai venue-venue kemudahan sukan bertaraf dunia yang telah menarik pertandingan sukan dunia untuk diadakan di Malaysia. Di samping itu, latihan di bidang sukan di Malaysia telah berjaya dibangunkan serta berjaya melatih atlet negara ke peringkat antarabangsa. Ini jelas dari kejayaan-kejayaan Malaysia di Sukan SEA ke-20 di Brunei baru-baru ini.

Selain daripada itu Malaysia telah juga dapat melatih dan membangunkan kepakaran, kemahiran dibidang coaching. Di bidang teknikal pula dengan adanya acara Sukan Komanwel, Malaysia telah juga dapat membangunkan kepakaran RTM Kementerian Penerangan sebagai salah sebuah host penyiaran. Negara-negara jiran telah mula memohon bantuan kepakaran RTM Kementerian Penerangan untuk menjayakan acara-acara sukan di negara masing-masing.

Dari segi faedah tidak langsung pula, Sukan Komanwel telah menarik ramai pelancong asing ke negara ini dan menggalakkan pelancongan domestik. Perkhidmatan-perkhidmatan perhotelan, restoran, pusat-pusat membeli belah, pengangkutan dan sebagainya, semuanya menikmati peningkatan hasil sepanjang musim sukan tersebut.

Walau apapun yang paling penting ialah acara-acara sukan seperti Sukan Komanwel 1998 telah berjaya menyatukan rakyat Malaysia. Bermula

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Penjelasan. Dengan perbelanjaanminta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Tunggu dia beri jalan. Minta penjelasan. Sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dengan perbelanjaan sebanyak hampir RM2,000 juta untuk Sukan Komanwel di samping menaikkan taraf sukan negara ke status antarabangsa dan juga untuk memperkenalkan Malaysia kepada negara luar, apakah kesannya kepada sektor pelancongan terutamanya perhotelan dan lawatan-lawatan pelancong luar ke Malaysia selepas itu kerana pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang mengakui kemerosotan yang paling besar terhadap industri pelancongan negara di mana kapal-kapal, dengan izin, *loading of aeroplane is at the worst time*, walaupun kita telah berbelanja hampir RM2,000 juta untuk sukan Komanwel. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Sukan Komanwel ini dilakukan selepas kegawatan, maknanya bila kegawatan timbul kita telahpun membuat beberapa aktiviti untuk memajukan Sukan Komanwel kita. Saya akan pergi satu persatu.

Walau apapun yang paling penting ialah acara-acara sukan seperti Sukan Komanwel 1998 telah berjaya menyatukan rakyat Malaysia bermula dengan Sukan Komanwel dalam tahun 1998. Pada 18 hingga 21 November 1999 pula Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada *World Cup Golf*, satu lagi pertandingan yang *prestiges*. Kerajaan hanya menyumbang RM2 juta sahaja kepada RTM untuk menjadi host penyiar dalam acara ini. Pada tahun 2000 pula pertandingan *table tennis* dunia akan diadakan lagi di Malaysia. Dan dalam tahun 2001 Malaysia akan menjadi tuan rumah sukan SEA. Malaysia juga akan menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah kepada Sukan Asia 2006.

Tadi telah diperkatakan mengenai Formula One. Formula One di bawa ke Malaysia di bawah tajaan Petronas dan MAB sebagai penganjur dan pengelola. Bagi mengisi keperluan pengiklanan, MAB menamakan sudut-sudut litar dan nama-nama tempat pelancongan di Malaysia. Oleh kerana memerlukan wang yang banyak penamaan sudut ditaja oleh syarikat-syarikat seperti berikut:

- Sudut Pangkur Laut ditaja oleh YTL;
- Sudut Langkawi ditaja oleh Lada;
- Sudut Genting ditaja oleh Genting;
- Sudut KLIA ditaja oleh MAB;
- Sudut Berjaya ditaja oleh Berjaya;
- Sudut Lake Kenyir ditaja oleh DRB;
- Sudut Sunway ditaja oleh Sungai Way;
- Sudut Penang Street ditaja oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang; dan
- Sudut Kuala Lumpur ditaja oleh Perbadanan Pelancongan Malaysia.

Setiap sudut dikenakan bayaran sebanyak RM380,000, keseluruhannya berjumlah sebanyak RM4 juta. Kesan sampingan secara langsung kepada ekonomi Lembah Klang dan tempat-tempat peranginan di Malaysia adalah seperti berikut:

- Dapat meningkatkan khidmat pelancongan secara terus di mana khidmat perhotelan dapat banyak tempahan daripada pelancong-pelancong luar negeri di mana seramai 25,000 orang asing telah datang menginap di hotel-hotel bertaraf 4 bintang dan 5 bintang.
- Syarikat Penerbangan Malaysia juga telah digunakan bagi membawa pelancong ke Malaysia secara direct. Selain dari itu khidmat pengangkutan juga sama ada pengangkutan darat seperti limousine dan teksi juga mendapat tempahan yang tinggi. Begitu juga dengan tempahan pengangkutan udara seperti helikopter telah digunakan dengan begitu pesat dalam jangka masa satu minggu Formula One diadakan.

Dari tinjauan yang dibuat oleh Universiti Malaya, Fakulti Ekonomi, purata pelancongan yang datang tinggal sepanjang Formula One ialah selama 8 malam. Ada di antara mereka yang tinggal 12 malam hingga 2 minggu. Ini menunjukkan Formula One telah dapat menarik ramai pelancong untuk melancong ke tempat-tempat peranginan di Malaysia dan juga untuk membeli belah. Misalnya di Bukit Bintang telah dipenuhi oleh pengunjung-pengunjung luar negeri yang membeli-belah di restoran-restoran dan café pada waktu malam. Ini menunjukkan bahawa dengan berlangsungnya Formula One, Malaysia telah mendapat faedah secara in situ dengan pelancong-pelancong yang datang dan juga liputan meluas 750 stesen televisyen dan radio yang membuat liputan terus ke 26 buah negara. Dengan demikian Formula One telah berjaya meletakkan Malaysia di mata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, ramai telah membangkitkan mengenai SPR. SPR mengambil masa yang panjang untuk mengesahkan daftar pemilih dan SPR perlu mengambil masa untuk menyiapkan daftar pemilih bagi satu-satu tahun. Ini disebabkan SPR perlu mematuhi sepenuhnya peruntukan undang-undang yang berkaitan iaitu Peraturan-peraturan Pendaftaran Pemilih Pilihanraya 1971.

Mengikut undang-undang tersebut, ada beberapa peringkat yang perlu diambil tindakan. Di antaranya ialah urusan pendaftaran, menerima borang pendaftaran selama 42 hari, urusan pameran daftar pemilih 14 hari dan siasatan awam. Siasatan awam ini bergantung kepada besar manakah tuntutan dan bantahan yang diterima. Untuk makluman Yang Berhormat, ketika urusan pendaftaran pemilih tahun 1999, SPR telah menerima sebanyak 12,272 tuntutan dan 38,308 bantahan. Untuk menyelesaikan tuntutan bantahan tersebut, SPR memerlukan kira-kira 2 hingga 3 bulan untuk mengadakan siasatan awam.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan nama-nama orang yang telah meninggal dunia masih ada terdapat dalam daftar pemilih, satu kad pengenalan yang telah dikongsi lebih daripada seorang dan ada juga yang membangkitkan seorang didaftarkan di dua tempat yang berlainan. Mengenai dengan nama-nama orang yang telah meninggal dunia tetapi masih terdapat dalam daftar pemilih, SPR tidak menafikan bahawa perkara ini memang wujud. Walau bagaimanapun, ianya tidak menjejaskan perjalanan pilihan raya kerana orang yang telah meninggal dunia tidak akan keluar untuk mengundi. Untuk makluman Yang Berhormat, SPR sentiasa memotong nama orang yang telah meninggal dunia dari daftar pemilih. Ketika pilihan raya umum

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Saya inginkan penjelasan adakah Yang Berhormat benar-benar pasti bahawa orang-orang yang telah meninggal dunia yang adal dalam daftar pemilih telah tidak digunakan oleh pihak tertentu untuk mengundi dalam pilihan raya yang lalu. Saya rasa kalau ada kesempatan kami boleh bagi pihak pembangkang menunjukkan beberapa contoh di mana adanya orang yang telah didaftarkan meninggal dunia masih lagi kelihatan mengundi di tempat-tempat tertentu.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana proses ini proses yang berpanjangan, kita akan cuba membersihkan nama-nama yang demikian dan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi di Sabah juga beberapa kes sedang berjalan.

Perkongsian nombor kad pengenalan oleh lebih daripada seorang dalam daftar pemilih bukanlah merupakan satu gejala penipuan. Ianya berlaku disebabkan oleh kesilapan ketika memasukkan butir-butir. Ini ada juga masalah teknikal yang berlaku.

Mengenai dengan dakwaan adanya orang mendaftar dua tempat yang berlainan, SPR akan menyiasat perkara tersebut. Ini akan dapat dilakukan dengan adanya data-data Jabatan Pendaftaran Negara yang telah diperolehi oleh SPR sejak awal tahun 1999.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu mengenai sama ada kajian telah dibuat sebelum pengundian sehari dijalankan di negeri Sarawak ketika pilihan raya umum negara kali yang kesembilan. Beliau mendakwa disebabkan pengundian sehari, peratus pengundian telah menurun. SPR telah menjalankan kajian sebelum melaksanakan pengundian sehari di Sarawak. Hasil daripada kajian tersebut adalah didapati dari segi logistik dan perhubungan sudah sampai masanya pengundian sehari dijalankan di Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, ketika pilihan raya umum pada tahun 1974, pengundian di Sarawak telah dijalankan selama 18 hari. Jumlah hari pengundian ini telah menurun kepada dua hari sejak pilihan raya umum tahun 1986. Berikutan dengan pembangunan yang pesat di negeri Sarawak, pertama dari segi perhubungan dan infrastruktur sudah sampai masanya bahawa pengundian sehari dijalankan di negeri itu. Peratus pengundian yang rendah ketika pilihan raya umum yang lalu, bukanlah disebabkan oleh pengundian sehari yang baru diperkenalkan. Banyak lagi faktor-faktor lain yang mempengaruhi peratus pengundian seperti faktor cuaca dan lain-lain. Begitu juga pilihan

raya umum Dewan Rakyat di Sarawak tidaklah semeriah pilihan raya umum di Dewan-dewan Undangan Negeri.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai SPR berhubung dengan undi pos. Beberapa hari sebelum hari mengundi kita dihidangkan di kaca televisyen dengan liputan anggota keselamatan mengundi dan temuramah dengan pegawai yang berkata anggota keselamatan tidak menerima tekanan ketika mengundi. Ini bukan isunya. Isu yang saya mahukan penjelasan adalah tidak ada pemerhati bebas dari mana-mana parti politik yang bertanding berada dan memerhati segala perjalanan dan kemudian simpanan tong-tong undi pos ini. Oleh kerana SPR di bawah Jabatan Perdana Menteri kita perlu satu badan bebas untuk memastikan undi-undi pos ini betul-betul sah.

Satu perkara lagi yang saya mahukan penjelasan daripada SPR mengapa *polling clerk* yang bertugas memberikan kertas undi, menulis nombor siri kertas undi di atas potongan stok yang tinggal. Ini adalah satu bentuk penipuan dan juga tekanan kepada para pengundi untuk mengundi Barisan Nasional kerana undi kita tidak lagi rahsia. SPR dengan senang boleh mengetahui seseorang itu mengundi parti mana dengan sistem yang tidak adil yang dipergunakan sekarang. Saya inginkan penjelasan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Mengenai SPN, kita merekrut ramai pegawai di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah, termasuk juga pegawai daerah dan juga kerani-kerani seperti Yang Berhormat katakan tadi.

Jadi, perkara ini ada dua belah pihak. Boleh dikatakan ini memihak kepada undi Barisan Nasional. Ramai pula orang Barisan Nasional yang mengatakan bahawa pegawai-pegawai itu memihak kepada sebelah pihak. Jadi, perkara ini akan disiasat dan kita akan mengambil tindakan sewajarnya.

Banyak diperkatakan oleh

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Yang Berhormat, undi pos?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Mengenai undi pos, saya tidak tahu tetapi di kawasan saya, saya dapati bahawa di kem tentera, di kem askar dan juga di tempat polis bahawa kita ada pegawai SPR yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang dilantik di daerah itu datang bersama.

Jadi, kita tidak mahu masuk campur kerana perkara undi pos ini telah pun dibincangkan dengan panjang lebar di dalam sesi yang lepas di mana peruntukan ini telah pun diluluskan dan tindakan-tindakan sedang diambil. Di tempat saya, saya tahu bahawa semasa pengundi kem tentera mengundi di UKM, ada pegawai-pegawai daripada SPR datang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dalam jawapan yang sedemikian, Yang Berhormat saya rasa patut memberikan gambaran global keseluruhan, bukan hanya menyentuh kawasan Kuala Langat sahaja sebab kita hendakkan jawapan yang lebih menjawab kepada soalan yang dibentangkan. Sebab itu saya lebih berminat kalau misalnya, ada menteri yang bertanggungjawab dalam hal ini untuk mengemukakan pendapat mereka.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih atas pandangan itu, Yang Berhormat. Kita ada peringkat Jawatankuasa. Jadi, di peringkat Jawatankuasa akan memberi secara detail, sekarang ini saya beri dengan cara menyentuh secara dasar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, Yang Berhormat bagi Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato'. Saya walaupun bangkit untuk persoalan mengundi dalam satu hari. Saya memang menyelidiki dan melihat dan saya pernah terlibat juga semasa saya bekerja polis dahulu, pengundian 14 hari di Sarawak dan saya melihat pengundian dua hari dan seterusnya satu hari. Tetapi oleh kerana berlaku di kawasan saya pada pilihan raya yang lepas, daripada kampung yang bernama Kampung Ladong. Ia dijangka membawa peti undi berangkat dari kampung itu pukul 3.00 petang tetapi oleh kerana air itu bukan air pasang, jadi menunggu sampai bot itu boleh turun ke laut. Bila turun ke laut, masa itu gelombang sudah besar dan air pun sudah tinggi dan semasa sebelum mereka sampai ke Kampung Sebang, perahu karam dan nasiblah buaya di Batang Sadong itu tidak begitu ganas macam di Batang Lupar. Jadi, alhamdulillah, tidak ada yang mati dan peti undi pun terselamat

Jadi, apa yang saya bimbang kalau perkara ini tidak diselidiki itulah saya sebutkan helikopter kerana pengangkutan di Sarawak itu memang susah. Jadi, mereka menggunakan – tidak ada dari Sebangan pergi ke Sibuyau itu, tidak ada pengangkutan yang khusus ataupun sistem pengangkutan yang ada – jalan belum baik. Jadi, mereka gunakan lori. Lori ini pun tidak ada plank di atas sebab ianya lori balak. Jadi, duduk di atas sana dan kalaulah terjatuh ke bawah, saya pun tidak tahulah apa yang hendak dicakapkan malam itu. Jadi, kita tertunggu-tunggu peti undi itu sampai pukul 10.00 malam baru sampai ke tempat penghitungan undi.

Jadi, orang kata apa berlaku di Batang Lupar yang sepatutnya pengundian dan pengiraan undi sepatutnya habis pada pukul 8.30 malam tetapi tidak habis. Sebabnya orang karam, lepas itu naik lori yang menggunakan lori kayu balak. Jadi, inilah sebabnya, kalaulah perkara macam ini tidak berlaku tidak mungkin saya bangkitkan perkara ini. Bukan di tempat saya sahaja, di tempat-tempat lain mungkin juga berlaku perkara yang sama. Tetapi, alhamdulillah, tidak ada karam, kalau karam di Batang Lupar, nauzubillah – saya pun tidak tahulah, dengan peti undi sekalipun masuk ke dalam perut bujang senang. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pandangan itu akan kita ambil perhatian dan di masa yang akan datang peruntukan yang kita lihat dari segi struktur supaya banyak kita menggunakan helikopter untuk mengangkut peti-peti undi.

Ramai yang memperkatakan mengenai JE. Semasa kerajaan dapat sama ada kerajaan

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat bagi Permatang Pauh ada membangkitkan soalan bahawa nombor siri telah dicatatkan di kertas undi itu dan sebab apa ianya perlu dan mengapa tidak boleh dibatalkan proses ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Yang Berhormat bagi Bagan, saya minta perkara ini akan dijawab dalam peringkat Jawatankuasa nanti.

Sama ada kerajaan dapat menambah kadar bayaran ehsan daripada RM50 seekor kepada RM120 seekor babi yang dimusnahkan dalam operasi mencegah wabak JE.

Kerajaan pada awalnya bersetuju membuat bayaran ehsan daripada peruntukan pada penternak babi yang babinya dimusnahkan dalam operasi JE, *compulsory culling* iaitu pada kadar RM50 seekor. Manakala bayaran RM10 seekor pula diberi kepada penternak yang memusnahkan babi-babinya secara sukarela.

Berikutan daripada rayuan para penternak, kerajaan telah bersetuju untuk menambah bayaran ehsan bagi babi yang dimusnahkan secara *compulsory culling* daripada RM50 kepada RM120 seperti mana Yang Berhormat bagi Bagan bangkitkan tempoh hari. Namun begitu, bayaran sebanyak RM120 seekor itu diberikan kepada 2,000 ekor pertama milik setiap penternak. Bayaran ehsan ini dijelaskan dari akaun amanah wabak JE, di mana danaya terdiri daripada sumbangan-sumbangan institusi kewangan, syarikat-syarikat dan lain-lain lagi. Setakat ini dana amanah akaun amanah ini berjumlah RM75.1 juta manakala bayaran kepada penternak-penternak babi telah dibuat ialah RM37.2 juta.

Jadi, ada lagi peruntukan dan sedang diproses permohonan-permohonan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan mengenai kesan daripada penyakit JE yang dibawa terutama sekali kawasan di Negeri Sembilan di mana pihak kerajaan bersetuju membayar pampasan kepada penternak-penternak babi ini. Saya inginkan penjelasan ialah adakah kawasan penternakan itu bukan sahaja melibatkan penternak-penternak babi tetapi terdapat juga golongan orang-orang Melayu yang tidak menternak babi tetapi menerima kesan daripada penyakit JE ini. Di mana kita lihat kebanyakan daripada mereka merayu kepada pihak kerajaan supaya semasa penyakit JE melanda terutama sekali di Bukit Pelanduk baru-baru ini, terdapat penternak-penternak yang telah keluar daripada kawasan masing-masing dan akhirnya mendapat imbuhan tetapi yang jelas orang-orang ataupun masyarakat yang tidak menjadi penternak tetapi yang tinggal di dalam kawasan tersebut masih mengharapkan bantuan kerajaan. Itu saya minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, oleh kerana JE ini bayarannya bukan sahaja dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, ia juga dibuat oleh kerajaan negeri. Saya akan cuba tengok balik data-data mengenai sumbangan kerajaan negeri kepada penduduk-penduduk tempatan yang berkenaan.

Setahu saya seperti di Bukit Pelanduk itu seperti mana Yang Berhormat kata, betul orang yang menternak babi itu telah pun keluar berpindah, orang kampung mungkin agak jauh daripada tempat penternakan babi itu tinggal dan mungkin agaknya bahawa tempat itu selamat. Ini saya akan beri secara bertulis nanti, insya-Allah.

Ramai daripada Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai Skim Penstabilan Harga Minyak Masak. Ramai yang ingin tahu berapakah jumlah bayaran yang telah dibuat bagi skim penstabilan harga minyak masak ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, selain daripada pampasan ehsan, apakah lain-lain bantuan yang akan diberi kepada penternak-penternak babi supaya mereka boleh memulakan kerja-kerja penternakan mereka ataupun sekarang mereka menghadapi desakan masalah kewangan dan mereka mungkin menghadapi *bankruptcy*. Adakah apa-apa bantuan yang akan diberi oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat. Setakat ini seperti mana yang saya katakan tadi, kita hanya memberi bantuan kepada wang amanah yang ada dan lain-lain bantuan termasuk kepada sistem-sistem yang ada. Misalnya, katakan kita ada pinjaman kredit daripada bank untuk memulakan perniagaan semula dan sebagainya ada sistem-sistemnya yang tersendiri. Tetapi direct impact, daripada duit ini kepada penternak babi hanya kepada RM120 itu tadi seekor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tentang Skim Penstabilan Harga Minyak Masak, skim ini telah dilaksanakan bagi tempoh 16 Disember 1997 hingga 31 Mei 1999. Skim ini bertujuan untuk membantu menstabilkan harga minyak masak di pasaran tempatan berikutan kenaikan harga minyak sawit pada tempoh hari tersebut. Di bawah skim ini, kilang-kilang penapis minyak sawit dikehendaki menjual RDB Olein, bahan bagi membuat minyak masak pada harga subsidi yang ditetapkan oleh kerajaan kepada pengilang ataupun pembungkus minyak sawit itu. Manakala pengilang, pembungkus minyak sawit pula dikehendaki menjual minyak masak di pasaran tempatan pada harga tidak melebihi harga bumbung atau ceiling price yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama dengan PORLA akan mengawasi harga minyak ini tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong semalam, bahawa separuh daripada minyak-minyak ini secara tidak sah telah diseludup kepada negara-negara jiran. Kita akan membuat pemerhatian, kita hendakkan kastam, PORLA, polis dan banyak agensi lain untuk mengambil tindakan yang sekeras mungkin terutamanya menjelang hari perayaan ini nanti.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ini telah berlaku selama dua tahun dan di dalam tempoh dua tahun ini mengapa kita tidak mengambil tindakan – termasuk Yang Berhormat bagi Beruas, memang dia sibuk dengan perkara yang lain. [Ketawa] Masalah minyak ini tidak diambil perhatian. [Ketawa]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya beri laluan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Izinkan saya menjawab perkara ini, bukan berlangsung dua tahun dan pihak pembungkus atau peniaga-peniaga yang membekalkan minyak masak kepada pasaran, mereka sentiasa memainkan pasaran itu dan meng'effect'kan satu *shortage* di mana-mana. Selalu pihak pembangkang kacau dan cakap tidak cukup minyak masak. Banyak minyak masak ini diseludup melalui sempadan di Utara atau di Selatan. Mereka yang memainkan peranan, tidak tahu sekarang dia cakap kita pula tidak tahu. [Ketawa] Diamlah, sebab dia orang cakap saya dengar di surat khabar ramai orang pembangkang yang bercakap, di Kedah tidak cukup minyak masak, di Kelantan tidak cukup minyak masak. Ini semuanya di negara yang bersempadan, saya tahu. Yang mana banyak dan berapa mereka boleh menjual

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: [Bangun]

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Duduk sekejap, saya belum habis. Tengok dia bukan orang Kelantan, apa dia *excited about* Kelantan. [Disampuk] Pendang, Kedah – saya cakap Kelantan, bukan Kedah. [Ketawa] Nantilah.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Kalau dia tahu, kenapa dia tidak ambil tindakan?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Nanti, nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Sebab itu pada sesuatu masa penggunaan minyak masak telah melebihi dan apa yang kita ramalkan ialah 35,000 tan sebulan, tidak bermakna ada orang pergi menggoreng dengan lebih pada masa itu, yang sudah naik kepada 45,000 tan sebulan. Sebab itu kita kurangkan dan hadkan dengan kuota yang dibekalkan kepada kilang pembungkus dan kilang-kilang yang buat minyak masak. Dengan itu pasarannya sudah steady sedikit dan kemudian pihak pembangkang pun tidak berani kacau lagi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, sila sambung.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ramai juga Ahli Yang Berhormat yang menanyakan tentang dasar Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, pelaburan di Kelantan dan juga di Terengganu dan juga peluang untuk mendapatkan layanan yang adil dan saksama bagi kepentingan perindustrian negara.

Kementerian berusaha menarik pelabur asing yang melabur dalam negara ini dan tidak ada dasar kementerian untuk menghalang pelabur asing melabur di negeri-negeri tertentu. Keputusan untuk melabur dibuat oleh pelabur sendiri setelah menimbang banyak faktor yang berkenaan.

Semasa Malaysia mengadakan misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara, kerajaan negeri dijemput untuk turut serta bagi mempromosikan negeri masing-masing. Oleh itu dicadangkan supaya Kerajaan-kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu akan turut serta di dalam misi di masa akan datang. Berapa banyakkah pelabur baru melabur di negara kita selepas kempen promosi, projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 1999 iaitu pada bulan Januari hingga Oktober, bilangan projek baru ialah sebanyak 283 projek. Jumlah pelaburan ialah sebanyak RM6015.7 juta.

Bilangan projek pembesaran atau kepelbagaianya ialah sebanyak 276 projek, jumlah pelaburannya ialah sebanyak RM7,218.1 juta. Bilangan projek keseluruhan yang diluluskan ialah sebanyak 599 projek dan jumlah yang diluluskan ialah sebanyak RM13,233.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jeli bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya ingin minta penjelasan. Seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, angka yang dikeluarkan ialah lebih kurang RM6,000 juta ialah untuk projek baru dan lebih kurang RM7,000 juta untuk projek pembesaran. Apakah ini dalam tahap janji ataupun sudah dilaksana kerana banyak kes tertentu mengikut rekod-rekod yang lepas dengan izin, the actual work is very much less than the promise amount. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Ini ialah bilangan projek perkilangan yang telah diluluskan. Betul kata Yang Berhormat, apabila diluluskan, bukan bermakna esok dibuat, ia ada feasibility study dan sebagainya. Kalau kita tahu projek planning, kita tahu stage di mana benda itu boleh take off dan sebagainya. Program promosi yang dijalankan pada tahun 1999. Program promosi yang telah dijalankan iaitu pertama, mengadakan misi pelaburan ke luar negara, sebanyak 5 misi pelaburan telah dihantar ke luar negara seperti di Amerika Syarikat - 2 misi, Jepun, Taiwan, Australia dan Eropah. Penerbitan risalah-risalah pelaburan yang telah pun dibahagikan kepada pelabur-pelabur yang ingin melabur di negara kita, pengiklanan di media-media di negara asing dan mengadakan misi projek spesifik, special project mission bagi menarik industri spesifik yang telah dikenal pasti seperti industri berteknologi tinggi.

Di manakah tempat promosi yang akan diadakan pada tahun 1999, Amerika, Phoenix, St. Louis dan San Francisco, Atlanta, Jepun, Brussle, Eropah, Frankfurt dan Leon. Ada juga Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang daya saing dengan

pelaksanaan AFTA selepas 2003. Buat masa ini Malaysia telah mengurangkan duti ke atas hampir 90% barangan yang ditawarkan di bawah skim keberkesanan keutamaan tarif sama rata ataupun CEPT bagi Kawasan Perdagangan Bebas Asian (AFTA) pada kadar 0 hingga 5%. Tarif akan dikurangkan ke atas baki barangan sebelum 2003. Tidak juga dinafikan bahawa dengan pelaksanaan AFTA, industri tempatan akan menghadapi saingan dari negara-negara jiran, pengusaha tempatan telah dimaklumkan mengenai implikasi pengurangan duti di bawah skim CEPT mulai tahun 1993.

Beberapa sesi penerangan dan perbincangan juga telah diadakan dengan pengusaha-pengusaha mengenai AFTA dan industri-industri tempatan telah menyedari bahawa mereka perlu meningkatkan daya produktiviti serta mengubahsuaikan atau re-engineer method pengilangan termasuk langkah mengautomasikan bagi mengurangkan kos pengeluaran supaya dapat bersaing dengan pengeluar-pengeluar dari negara jiran. Beberapa industri tempatan kita telah bersedia dan mampu bersaing dengan industri-industri negara jiran. Industri-industri sensitif di mana tarif masih belum dikurangkan juga telahpun di maklumkan supaya mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya dapat bersaing apabila duti dikurangkan dalam dua tahun yang akan datang ini.

Industri-industri ini juga telah menyedari dan mengambil langkah-langkah termasuk mengadakan kerjasama melalui strategik alliances dengan rakan-rakan serantau supaya aktiviti perniagaan mereka tidak akan terjejas. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ulasan saya kepada pokok-pokok perbincangan yang telah pun dibahaskan..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah : Saya minta satu penjelasan, mengenai dengan AFTA tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyentuh tentang daya saing pengusaha kita di pasaran tempatan. Kita juga harus melihat dari segi daya saing pengusaha tempatan di dalam negara-negara lain dalam ASEAN. Ada 350 juta penduduk keseluruhannya. Adakah kita telah membuat satu kajian komperetif dari segi daya saing produk kita apabila dieksport ke negara-negara tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. MPC telah pun mengeluarkan tahun lepas tentang produktiviti di antara kita di negara ASEAN ini dan diharapkan nanti Yang Berhormat akan melihat kajian yang mutakhir yang telah pun dilancarkan tahun lepas. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ulasan saya tentang perbahasan-perbahasan dan jika ada apa-apa yang tidak disebut di sini, pegawai-pegawai dan juga kementerian-kementerian berkenaan akan mengambil ingatan tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi, saya mahu mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM600,812,500 bagi maksud-maksud bekalan B4, B8, B18 hingga B20, B22, B29, B31, B51 dan B52 untuk Kementerian-kementerian Jabatan berkenaan dijadikan jadual. Tuan Pengerusi, saya telah menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam anggaran Mengurus tahun 1999 kelmarin. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai

cadangan-cadangan anggaran tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17A tahun 1999 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga oleh itu saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B.4 dan B.8 [Jadual] -

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sebagai lazim yang kita lakukan pada masa yang lepas-lepas dalam masa jawatankuasa ini kita hadkan ahli-ahli berucap hanya dalam 10 minit sahaja sebagaimana kita lakukan pada masa yang lepas. Ahli Yang Berhormat, kepala bekalan B.4 dan B.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Ya, Bagan.

3.39 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, seperti yang saya bangkit tadi berkenaan dengan nombor siri kertas surat undi yang dicatit di keratan kertas undi itu dan juga dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, saya meminta Yang Berhormat tolong huraikan sebab-sebab ia perlu dan ini betul juga disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh bahawa ini sudah jadi satu tanda tanya orang ramai mengapa ia perlu dan ini mungkin akan membangkitkan soalan kesulitan tentang pengundi

Tuan Pengerusi, ramai mengadu bahawa walaupun mereka tidak meminta supaya mereka dipindah ke kawasan yang lain untuk mengundi, orang tempatan seperti misalnya di kawasan saya, mereka sepatutnya mengundi di tempat saya tetapi tanpa pengetahuan mereka, apabila semak pusat mengundi mereka diarahkan supaya mengundi di tempat yang lain. Mengapa ia boleh berlaku seperti ini? Alamatnya tidak ditukar tetapi tempat undi mereka dipinda ke satu kawasan pilihan raya yang lain. Mengapa ia boleh terjadi begitu?

Tuan Pengerusi, saya merumuskan bahawa dalam pilihan raya ia sudah menjadi makin susah untuk parti lawan untuk memenangi satu-satu kawasan baik pun susah untuk pembangkang dan juga susah Barisan Nasional untuk memenangi dalam satu pilihan raya kerana ada banyak pemindahan pengundi-pengundi yang bukan orang-orang yang bermastautin di tempat itu. Misalannya mungkin ada orang-orang dari Butterworth mengundi di Pulau Pinang atau orang-orang di satu tempat tertentu pergi mengundi di satu tempat yang lain. Ini sudah menjadi satu keadaan di mana, ia mungkin tidak baik kepada Barisan Nasional dan juga kepada pihak Pembangkang. Bolehkah satu rumusan

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Nanti saya habiskan dahulu. Bolehkah ia menjadi satu rumusan yang baru di mana semua pengundi di dalam sesuatu kawasan itu di semak semula supaya dibersihkan? Orang-orang luar tidak mengundi di tempat yang sepatutnya mereka mengundi, ia telah menjadi satu masalah yang sangat serius pada masa ini kerana kita sudah melalui

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Jikalau dikatakan satu tahun....

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Hock Seng: Nanti, nanti saya habiskan perkara ini. Afterwards I finish my word ...

Tuan Pengerusi: Cakap Bahasa Kebangsaan.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, ya, dengan izin. Jikalau satu tahun seseorang itu memindah mungkin 100 orang – 200 orang dalam lima tahun sudah 100,000 orang dipindah.

Tuan Pengerusi, jadi, saya minta Yang Berhormat boleh memberi....

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Hock Seng: Okay.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Bagan. Tidakkah saudara sendiri amat sedar bahawa masalah pemindahan pengundi daripada luar kawasan ke satu kawasan lain adalah perbuatan pembangkang, bukannya perbuatan parti Barisan Nasional. Ini satu hakikat dan saya minta adakah sekarang ini bermakna saudara sendiri membangkang tindakan setengah-setengah Parti Pembangkang dalam pakatan alternatif. Memang telah jelas. Jadi, saya minta penjelasan daripada saudara, betul atau tidak – pertamanya bahawa kegiatan memindahkan pengundi dari luar kawasan ke kawasan lain adalah kegiatan kelaziman pihak pembangkang?

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, tadi saya sudah cakap. Saya kata bukan ada faedah kepada pembangkang atau kepada pemerintah. Sama-sama menuduh antara satu dengan yang lain. Mengapa tidak mahu merumuskan semula?

Tuan Pengerusi, saya hendak membuktikan sesuatu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta penjelasan. Soalan saya bukan memberi faedah kepada Barisan atau tidak. Soalan saya, adakah saudara mahu mengakui bahawa perbuatan memindahkan pengundi dari luar kawasan ke kawasan lain adalah perbuatan kelaziman pihak Pembangkang? Itu sahaja soalan saya.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, saya tidak menafikan. Siapa yang buat perkara itu? Saya tidak menafikan siapa yang buat perkara itu. Jikalau hendak menuduh siapa yang buat, lebih baik kita minta SPR supaya merumuskan semula.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Tuan Lim Hock Seng: Ya.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, adakah Ahli Yang Berhormat bagi Bagan sedar, bahawa di kawasan Tanjong Bunga sekurang-kurangnya 3,000 pengundi yang bukan bermastautin di sana. Ini mengikut kajian, ada kajian mengatakan dan juga di rumah Ahli Parlimen Bukit Bendera ada 12 orang pengundi tetapi di rumahnya hanya dua orang sahaja yang tinggal di sana. Di rumah Yang Berhormat Ting Hock Nan ada 24 orang pengundi yang sebenarnya hanya ada Yang Berhormat Ting Hock Nan dan isterinya sahaja yang tinggal di situ.

Bukankah ini jelas siapakah yang meminda?

Tuan Lim Hock Seng: Tadi, saya kata, saya mahu membuktikan sesuatu. Jadi, sebelum saya habis Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam sudah membangkitkan bukti ini. Ini memang benar, kawasan Tanjong Bunga adalah kawasan Ketua Menteri Pulau Pinang Dr. Koh Tsu Koon dan selama ini kerana pada tahun 1995 apabila kami katakan, kami hendak melancarkan Tanjong 3 di mana.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Tuan Lim Hock Seng: Tadi, dia tanya sekarang saya jawab. Kalau tidak mahu jawab tidak apa, saya boleh pergi ke tempat yang lain. Dia tanya, saya mahu jawab, apa you mahu campur.

Tuan Pengerusi, jadi, memang wujudlah perkara ini. Jadi, saya pun boleh menuduh – kata di kawasan Barisan Nasional telah meminda, banyak masuk ke kawasan saya. Saya boleh menuduh – dia menuduh kita.

Tuan Pengerusi: Ya, minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, minta penjelasan sama ada dia ada sedar atau tidak sedar. Dia pun tak jawab, kalau sedar ada berlaku begini di Tanjong Bunga, di Kebun Bungakah dan di mana-mana bunga. Adakah mereka melaporkan kepada SPR untuk mengambil tindakan, jangan bangkitkan di sini yang tidak ada bukti, jangan datang sini. Yang Berhormat dari Bagan sedar atau tidak?

Tuan Pengerusi: Ya, cukuplah.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Minta dia sedar. Dia tidak jawab, dia pergi pusing, pusing serupa DAP selalu pusing sahaja.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, memang saya sedar tetapi apa gunanya jikalau lapor perkara ini sekarang kepada SPR. Apa SPR akan jawab?

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, mengapa tidak ada buat bantahan semasa menyemak nama-nama dalam pendaftaran, mengapa tidak ada buat ini, mengapa tidak buat itu, apa mahu. Jikalau Yang Berhormat

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Lim Hock Seng: Ada sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Lim Hock Seng: Jikalau Yang Berhormat tidak mahu mengaku saya boleh memberi bukti-bukti nama pengundi dari Butterworth yang mengundi di Pulau Pinang. Saya ada nama-nama itu tapi apa gunanya.....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah..

Tuan Lim Hock Seng: Belum habis, ada perkara yang baru lagi..

Tuan Pengerusi: Cukuplah, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Lim Hock Seng: Satu lagi perkara...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita telah membuat ruling, jika sekiranya kita telah membuat ruling kita kena ikut.

Tuan Lim Hock Seng: Banyak kacau Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi dia orang kacau. *[Ketawa]* Kepong.

3.51 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya pun gembira hari ini kerana ada tujuh orang menteri orang yang hadir. Biasanya pada waktu petang susah hendak tengok wajah menteri. *[Ketawa]*. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam kawan lama saya dan saya nasihatkan, kita mesti hadir tiap-tiap hari kalau boleh jangan ikut contoh yang tidak baik, yang tidak adil.

Tuan Pengerusi:.....bawah apa itu Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Pengerusi, Point of Order, 36(1) Yang Berhormat Kepong ini tumpu kepada perkara inilah. Yang melarat berpusing ini mengapa, buang masa sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Rompin.... *[Disampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hendak jadi Ketua Pembangkangkah ini?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rompin, sudahlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu bukan hak Yang Berhormat Rompin.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Rompin ini memang begitu

Tuan Pengerusi: Ya, masa Yang Berhormat berjalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah jalan, dah. Saya bercadang supaya pihak SPR membuat suatu siasatan ke atas kawasan-kawasan seperti Beruas. *[Ketawa]*. Oleh kerana calon-calon Barisan Nasional seperti Yang Berhormat bagi Beruas memang membelanja lebih daripada peruntukan di dalam undang-undang pilihan raya kerana setiap calon memang tidak boleh belanja lebih daripada RM30,000. di dalam satu tempoh kempen pilihan raya. RM20,000.?

Seorang Ahli: RM50,000.

Dr. Tan Seng Giaw: RM50,000.00. Macam mana tidak tahu pula. Untuk kawasan negeri - RM30,000, Parlimen - RM50,000. Walau bagaimanapun, kita mesti siasat. Saya percaya Yang Berhormat bagi Beruas bila ia ada bahan-bahan poster dan sebagainya sudah lebih daripada RM50,000 dah. Tidak kira dia upah orang - ada RM70 seorang atau RM100 seorang setiap hari untuk pekerja. Kenduri pun tidak masuk lagi. Itu masalah dan memang SPR mesti siasat.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada masa. Saya tidak beri laluan lagi.

Tuan Pengerusi: Minta

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Adakah Ahli Yang Berhormat bagi Kepong sedar yang DAP di Beruas membelanjakan empat kali makan percuma untuk pengundi dan setiap hari untuk 2000 orang. *[Ketawa]* *[Tepuk]* Adakah Ahli Parlimen bagi 'Kebong' sedar*[Disampuk]*

Seorang Ahli: Kepong.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: 'Kebong' kah Keponggah, serupalah *[Ketawa]*. Kita akan bungkus dia *[Ketawa]*. Adakah Ahli Yang Berhormat bagi Kepong sedar bahawa saya sebagai calon Barisan Nasional hanya beri RM10 kepada pekerja. Calon beliau beri RM100, sedarkah atau tidak sedar, jangan cakap kalau tidak sedar. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, yang penting sekali pihak SPR mesti siasat siapa yang benar dan siapa yang tidak kerana pihak Yang Berhormat bagi Beruas pun sentiasa cakap yang tidak benar.

Beberapa Ahli: Ya.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Lebih cakap, lebih tidak benar.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, dia kata

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau sekiranya kita bercakap berkenaan dengan pilihan raya yang lepas ini, apa faedahnya?

Dr. Tan Seng Giaw: Faedahnya kita mahu SPR memperkemas cara-cara

Tuan Pengerusi: Yalah, yalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Misalnya, Tuan Pengerusi, media massa. Kalau media massa itu dikongkong oleh Barisan Nasional sahaja dan SPR tidak ada kuasa untuk memberi peluang kepada pihak pembangkang - Barisan Alternatif tidak ada peluang untuk mengambil bahagian di dalam media massa yang dikongkong oleh pihak Barisan Nasional. Yang Berhormat bagi Beruas memang seronok kerana dia kongkong semua dan kenyataan yang palsu dikeluarkan, iklan-iklan dikeluarkan, dan dia seronok dan gembira kerana kita ditidakkkan daripada mengambil bahagian. Itulah masalah SPR memang mesti mengambil perhatian, mesti menyiasat setakat mana kita boleh jadikan media massa lebih bebas, lebih adil untuk semua pihak semasa pilihan raya.

Selain daripada pengundi baru lebih 680,000 tidak dibenarkan mengundi, undi pos - memang ada masalah, 'undi hantu'.

Tuan Pengerusi, jentera-jentera seperti van-van penerangan digunakan untuk pihak Barisan Nasional yang kurang rasional sentiasanya.

Tuan Pengerusi, memang saya mempunyai banyak bukti [*Disampuk*] Bukan lakonan [*Ketawa*] Yang Berhormat bagi Kota Tinggi sekarang ia hadir, seronoklah juga saya menghadapi Yang Berhormat bagi Kota Tinggi. Hanya kota yang tinggi, orang tidak tinggi [*Ketawa*].

Tuan Pengerusi, sebenarnya saya mempunyai banyak perkara lagi hendak dibangkitkan tetapi kerana masa yang suntuk, saya cuma berharaplah pihak SPR dapat memainkan peranan dalam erti kata yang sebenarnya kerana SPR sentiasa menekankan bahawa badan itu bebas, adil dan berkesan. Tetapi apabila berlaku pilihan raya, kita tidak nampak begitu keadilannya - tidak nampak sangat dan Yang Berhormat bagi Kota Tinggi pun tahu, sengaja ia hendak putarbelitkan di Kota Tinggi. Baik kita tukar kepada 'Kota Rendah' sahaja.

Tuan Pengerusi... [*Disampuk*] Memang ada banyak lagi saya hendak cakap kerana perbelanjaan ini bagi persiapan awal melaksanakan Pilihanraya Umum Kesepuluh, memang relevan sekarang... tidak buang masa.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, akhir sekali mengenai pendaftaran pengundi. Memandangkan begitu banyak rungutan mengenai pendaftarannya, saya berharap SPR dapat mengemaskinikan komputer-komputer yang baru sahaja dibeli tahun ini. Komputer bukanlah komputer biasa, komputer canggih sekarang ini. Tetapi semakin canggih, semakin timbul aduan dan rungutan. Saya pun hairan jugalah mengapa tidak boleh mengendalikan komputer dengan baik dan mungkin kita perlu mengambil lebih banyak kakitangan yang profesional yang terlatih di dalam komputer dan cara-cara yang lain dan saya percaya kalau Barisan Nasional benar-benar bertanggungjawab memang mereka setuju dengan saya untuk memperbaiki keadaan dan cara-cara menjalankan SPR dengan lebih adil untuk semua rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rompin.

3.54 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong ini macam mengambil alih tugas Ketua Pembangkang - tidak hormat Ketua Pembangkang.

Tuan Pengerusi, saya akan teruskan juga tentang isu SPR. Kalau tuduhan Yang Berhormat Kepong tadi mengatakan bahawa SPR tidak bebas, tidak adil, bagaimana kita ada pihak pembangkang itu, sepatutnya Barisan Nasionallah semua sekali kalau hendak menuduhkan bahawa SPR itu berat kepada kerajaan. Yang Berhormat Kepong ini kita sudah kenallah helah politiknya.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan, Yang Berhormat Kepong bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:.....kerana sekarang ini oleh kerana tidak ada Yang Berhormat bagi Tanjong itu, dia macam gila talak, hendak membuktikan bahawa DAP itu masih kuat dan kukuh tetapi yang sebenarnya dikuasai oleh pembangkang dari PAS.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduk dulu.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita pun ada yang tidak puas hati dengan SPR. Saya sendiri saya tidak puas hati. Saya setuju kalau saya sebagai wakil Rompin kita bersetuju, kita semak semula peraturan-peraturan SPR dan kalau ada perkara-perkara itu tidak sesuai dan kita ketepikan. Kalau ada perkara-perkara yang perlu kita baiki, kita baiki. Ini satu perkara yang biasa. Saya hendak beri satu contoh tentang satu peti undi saya. Saya sampai sana pada pukul 10.00 pagi hari membuang undi. Tidak ada wakil Barisan Nasional di dalam peti undi itu. Ia ada dua saluran sepatut ada empat. Wakil BN dua-dua tidak ada. Yang ada PAS - dua, dua-dua PAS, wakil BN tidak ada. Ada dua orang – satu saluran PAS dan satu lagi ada dua orang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagi saya habis beri penjelasan.Tetapi Barisan Nasional tidak ada.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Boleh saya

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak habiskan ulasan saya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kawan lama, kawan lama.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Nanti saya bagi, saya hendak mengatakan bahawa

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Nanti....bagilah saya habis dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat dia tidak beri laluan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bagi ya, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukan... kawan saya bagi. Insya-Allah kita berkawan, tidak ada masalah.

Seorang Ahli: Kenapa.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini saya tidak tahulah Yang Berhormat diminta kembali ke Kedah ataupun PAS Kelantan hantar - export balik Kedah saya tidak tahulah tetapi kita berkawan. Walaupun Yang Berhormat daripada Kelantan atau sekarang mewakili Kedah. Tadi katanya Kelantan PAS export Yang Berhormat ke Kedah kembali, itu saya tidak tahulah. Ini yang dikatanya oleh PAS, tidak faham PAS Kelantan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Nasib baik tidak ke Pahang. Boleh bagi tidak?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi saya hendak balik kepada ulasan saya tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Rompin tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi saya hendak balik kepada ulasan saya tadi. Saya hendak balik kepada ulasan saya, bahawa ada juga perkara yang kita tidak puas hati, saya sendiri tidak puas hati. Mengundi di peti undi di Keratong 8, tidak ada wakil Barisan Nasional. Sampai pukul 5.30 petang bila peti undi hendak dibuka, itu pun tidak ada wakil kita juga, betul! Ini saya hendak mengatakan bahawa bukan semuanya SPR itu memihak kepada pemerintah, tidak. Yang sebenar SPR itu adil.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Pokok Sena minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Itu adalah kerana tugas dan tanggungjawabnya.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Pokok Sena.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Nanti saya tidak habis lagi. Ini 10 minit sahaja.

Seorang Ahli:

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Itu pasal saya

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagilah saya. saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dia tidak bagi. Duduk, duduk.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Ada dua orang petugas itu kelemahan Barisan Nasional, bukan kelemahan SPR.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Pokok Sena, duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak perlulah. Kalau kita kata....

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: kita ini mengikut aturan dan peraturan tetapi kita sendiri tidak mengikut peraturan-peraturan, apa ini model

kita? *[Tepuk]* Kita kata kita menghormati demokrasi. Apa itu demokrasi jika peraturan kata kita sendiri tidak mengikutinya.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak mahu kata begitu, ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya ikut peraturan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagi saya habis dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Kuala Kedah minta penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak mengatakan Yang Berhormat tidak mengikut peraturan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya ikut peraturan, tidak pernah

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak mengatakan Yang Berhormat tidak mengikut peraturan tetapi yang lain itu....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Rompin tidak bagi, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bermakna saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kepong SPR ini independent dan bebas. Dia melaksanakan tugasnya dengan sebaik yang boleh. Tetapi ada juga perkara-perkara yang kami sendiri tidak bersetuju. Sebagai contoh diri saya sendiri sebagai calon Parlimen. Oleh itu kita minta...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kepong berdiri.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagilah saya habis dulu Kepong. Maksudnya peraturan yang perlu dibaiki yang kita nampak cacat dan kita nampak tidak begitu baik, kita syorkan SPR kaji sebab kita sendiri menghadapi masalah macam saya sendiri. Yang kedua, maksudnya sekarang ini berlaku..... - tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua daripada Pahang negeri saya sendiri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak pernah lagi orang tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua saya yang baru ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. *[Ketawa]*.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kepong baik tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua, dia tidak bagi peluang Kepong bercakap dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong, dia tidak bagi nampaknya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini isu tentang ejen. Ini kerana peraturan yang amat ketat kadang-kadang diimplementasikan kepada pegawai pilihan raya di peti undi itu. Ada pegawai-pegawai pilihan raya di mana ejennya melaporkan diri selepas pukul 8.00 pagi, 8.30 pagi dibiarkan juga menunggu pertimbangan dia. Majoriti dari peti-peti undi di Rompin tidak ada masalah kecuali dua. Tetapi yang dua ini kita nampak mungkin pegawai pilihan raya di peti undi ini mungkin ada undang di sebalik batu. Mengimplementasikan syarat ini terlalu ketat sehingga tidak dibenarkan wakil

Barisan Nasional duduk di situ dan sebagai election officer di situ bukan sahaja tidak ada wakil untuk memangkah, tidak ada wakil untuk mengira undi. Apakah ini demokrasi?

Bila wakil kerajaan sendiri tidak ada semasa peti undi itu dibuka dan tidak ada wakil kerajaan semasa membilang undi. Saya sendiri buat laporan polis oleh kerana itu pegawai pilihan raya membenarkan saya sendiri menunggu di hadapan apabila peti undi dibuka dan dibilang depan saya. Dan saya mengatakan bahawa tidak benarlah menuduh SPR ini di bawah telunjuk kerajaan. Kita juga ada perkara-perkara yang kita rasa tidak puas hati.

Perkara yang kedua ini tentang bilang semula ini. Kita minta supaya di malam itu di mana keputusannya....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena berdiri.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...keputusannya

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: *Gentlemanlah* sikit.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak habis lagi....

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Takkan dari tadi tidak habis-habis. *Gentlemanlah*. Janganlah kerana krisis dalaman di UMNO Rompin di bawa ke sini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bawa ke mari supaya saya berhujah.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Jangan kerana masalah krisis UMNO di Rompin hendak dibawa ke sini. Ini bukan persidangan UMNO.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak. Saya bukan...

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Jangan krisis dengan Yang Berhormat Hassan Ariffin hendak bawa ke sini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:.....mengikut peraturan UMNO. Saya mengikut peraturan Dewan. Ini floor saya. Kalau Yang Berhormat hendak bercakap selepas ini Yang Berhormat bangun, Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan Yang Berhormat bercakap. Betul. Biarlah saya habiskan. Kalau ada masa saya bagi Yang Berhormat. Jangan bimbang, saya ada sepuluh minit sahaja, hak saya. Saya boleh suruh Yang Berhormat duduk tetapi Yang Berhormat tidak boleh bagi saya duduk.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Duduklah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Bilang semula. Yang Amat Berhormat sendiri ada buat kenyataan dalam akhbar satu tempat di Kedah minta dibilang semula, pegawai pilihan raya kata tidak boleh dibilang semula. Kita juga tidak puas hati. Saya hendak bertanya juga di bilang di peti-peti undi. Tempat yang malam itu kita semua berkumpul bukan tempat mengira tetapi mencampur undi. Ini silapnya.

Ada satu tempat saya hendakkan peti undi dibawa ke pusat itu supaya dibilang. Tidak boleh dibilang kerana tempat yang kita berkumpul malam itu hanya tempat mencampur undi, campur bukan bilang. Sebab itu malam itu tidak boleh dibilang semula. Ini bagi mereka yang menang 80 macam di DUN Chini Pekan, menang lima undi tetapi yang rosaknya 250. Yang menang lima undi, yang rosak 250. Yang banyak peti-peti undi itu tidak ada wakil-wakil Barisan Nasional semasa membilang undinya.

Seorang Ahli: Hassan Ariffin sabotaj.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini saya hendak memberikan contoh ...

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Terengganu berdiri.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Boleh bagi orang baru sekali. Orang lama tidak bagi, orang baru boleh bagi tak?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Itu hak Yang Berhormat untuk meminta. Tapi saya minta maaf kerana masa tidak ada.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta maaf kerana masa tidak ada. Kerana Yang Berhormat cara yang baik, saya jawab cara yang baik. Bermakna tuduhan sebelah sana mengatakan SPR ini memihak kepada kerajaan tidak benar. SPR ini ada badan yang tersendiri. Kalau tidak adil, tidak bebas tidak semestinya ada kawan-kawan sebelah sana. Ini satu kenyataan. Oleh itu saya katakan tadi tidak benar bahawa kononnya pembangkang mengatakan bahawa SPR ini di bawah telunjuk kerajaan....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena berdiri, Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...tidak benar. Biar saya habislah Yang Berhormat.

Tuan Mahfuz bin Omar: Saya hendak tanya berapa...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hanya sepuluh minit. Kalau Yang Berhormat hendak berhujah, Yang Berhormat bangun selepas ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Pokok Sena duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat sudah angkat sumpah, Yang Berhormat berhak bercakap selepas ini Yang Berhormat bangunlah. Bagilah peluang saya sepuluh minit ini mengutarakan pandangan saya sebagai hak saya mewakili Rompin. Terima kasih Yang Berhormat.

Dari segi kita tidak benarlah mengatakan bahawa SPR ini di bawah telunjuk kerajaan, ikut arahan kerajaan. Tidak benar. Kita semua Yang Berhormat sendiri ada perkara-perkara yang hendak diperbaiki. Kita bersetuju ada perkara yang hendak diperbaiki seperti tadi tentang bilang semula. Tidak boleh bilang semula sebenarnya. Mengapa tidak dibenarkan dibilang semula tempat kita berkumpul malam itu.

Yang keduanya tentang ejen-ejen, kenapa ketat sangat selepas pukul 8.00 pagi tidak dibenarkan masuk sehinggakan satu proses demokrasi berlaku di mana tuduhan boleh dikatakan tidak adil.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Oleh kerana itulah ada juga kita dengar mengatakan pihak SPR ini semuanya wakil kerajaan tetapi kita tahu ada pihak SPR membenarkan pihak pembangkang memakai lencana PAS dan ADIL sebagai

polling agent. Janganlah tuduh. Tuduh satu ini kepada diri kita sendiri. Dengan itu saya mohon menyokong.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

4.08 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita sudah ada satu pakatan oleh kerana kita parti pemerintah dan saya harap rakan-rakan di sana dia tahu apa perkataan 'budi dan bahasa' dan apa perkataan 'tahu bahasa'. Apabila orang bercakap kalau tidak bagi peluang janganlah tunjuk sebagai samseng kerana mulai semalam kita telah melihat seolah-olah kemunculan bibit-bibit budaya samseng dalam Dewan Rakyat yang mulia ini. *[Tepuk]* Tuan Pengerusi, saya tidak mengata kepada sesiapa tetapi ini satu general observation yang saya buat sehingga kepada hari ini.

Saya juga ingin merujuk kepada Maksud B4 Suruhanjaya Pilihanraya. Tuan Pengerusi, sudah dua pilihan raya berturut-turut saya berhadapan dengan calon daripada PAS. Pada tahun 1995 saya berhadapan dengan Pesuruhjaya PAS Negeri Johor. Pada tahun ini saya berhadapan dengan seorang peguam muda yang juga daripada PAS dan kami telah dapat mengesan ekstremisme ataupun sikap pelampau yang dibawa oleh PAS di dalam berkempen. Adakah ini patut dikaji oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya? Bagaimanakah etika-etika kempen yang perlu untuk memelihara keharmonian masyarakat supaya tidak terdetus kebencian, tidak terdetus permusuhan di dalam negara selepas pilihanraya. Adakah munasabah surah Yassin digunakan sebagai alat berkempen. Ini dilakukan oleh PAS di atas billboard 'Undilah PAS'. Selepas itu dia berkata 'tangan kamu akan menjadi saksi di akhirat', bermakna itu maksudnya surah Yassin kalau tidak mengundi PAS kamu akan terlingkup di dalam neraka, adakah itu ertinya kepada orang Islam.

Saya minta Tuan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya mengkaji soal-soal etika pilihan raya berkempen supaya keharmonian masyarakat akan terus wujud walaupun setelah pilihan raya berlaku, itu harapan kami. Kita tidak mahu khususnya sekarang kita melihat satu perpecahan yang sangat telus (apparent) di kalangan orang Melayu khususnya. Bagaimanakah perkara ini berlaku.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Penjelasan

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya masih lagi bercakap, saya kata kalau tahu bahasa duduklah dahulu..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya minta penjelasan dengan baik tadi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak beri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Kuala Terengganu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Adakah kita mahu Suruhanjaya Pilihan Raya mengizinkan supaya seluruh masyarakat di dalam negara ini berpecah selepas pilihan raya. Adakah mahu satu pilihan raya itu dijadikan proses memperhebatkan lagi soal perpecahan di kalangan masyarakat di dalam satu negara. Ini pokok yang paling asas yang harus diperbincangkan. Semalam ada seorang muka baru mencadangkan tidak payah lagi didaftarkan pengundi supaya bila dia cukup umur pergi sahaja mengundi. We don't live in jungle civilization Tuan Pengerusi, dengan izin...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Kedah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ini sahabat lama nanti dulu, pokoknya

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kawan apa macam ini, kawan lama [Ketawa]...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tadi Rompin kata you kena exsport, tetapi bahasa saya you kena deport [Ketawa].. dengan izin, nanti dulu, nanti dulu ini pun kawan lama, satu penggal dia absent [Ketawa]. Saya minta supaya di dalam kita mengkaji satu proses perjalanan pilihan raya kita juga mengkaji kesan-kesan mental, kesan-kesan kemasyarakatan yang negatif yang akan wujud selepas pilihan raya.

Saya dapat melihat sekarang di negeri Johor soal ekstremisme PAS semakin menjadi selepas tahun 1990, naik tahun 1995, naik tahun 1999 ekstremisme ini setiap kali semakin berganda. Ini puncanya oleh kerana soal-soal etika kempen bagaimana perkara yang ditulis di atas billboard tidak menjadi pandangan kepada SPR, yang dipentingkan hanya technicality, orang datang terlewat dua minit tidak boleh masuk. Perkara ini juga berlaku di dalam kawasan saya. Bagaimana kami mengalami soal pegawai yang menjaga kawasan mengundi tidak mahu bertolak ansur dengan orang Barisan Nasional berlaku di kawasan kita.

Jadi bermakna ada tuduhan SPR hanya memihak kepada kerajaan, itu tidak betul. Pokoknya SPR harus bersikap adil kepada semua pihak. Tetapi yang mahu saya menitikberatkan adalah impak masyarakat selepas pilihan raya. Kesannya bagaimanakah kedudukan keharmonian di suatu kampung selepas pilihan raya. Bagaimanakah corak orang Melayu dalam satu kampung selepas pilihan raya. Apabila dua parti, yang satu wakil Melayu, yang satu wakil Islam maka berpecah belahlah orang Melayu. Mahukah kita mewariskan kepada anak-anak kita pada masa yang akan datang.

Seorang Ahli: [Bangun]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak beri jalan. Mahukah kita mewariskan kepada anak-anak kita di masa akan datang satu masyarakat yang amat fragile yang amat rapuh, yang boleh lingkup pada setiap masa, tidak mempunyai ketahanan diri yang amat jitu. Kita tidak mahu. Saya harap dan saya mendesak suruhanjaya pilihan raya mengkaji supaya masalah technicality dijaga, masalah kemasyarakatan dijaga, masalah keharmonian kaum dijaga, masalah ketahanan nasional dipertahankan. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih dan menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Kedah.

4.16 ptg

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih Tuan Pengerusi. Parit Sulong nampaknya berucap dengan penuh emosi. Saya harap dia dapat memperlahankan suara, sabar walaupun tidak naik pangkat, bulan-bulan puasa ini sabarlah. Saya tahu perasaan kawan daripada Johor yang belum ketua bahagian sudah jadi Timbalan Menteri, sabarlah.

Tuan Pengerusi, begitu juga saya lihat Tanjung Karang begitu gelisah, sebab Tanjung Karang selalu berucap, bila dia tidak boleh berucap nampak kegelisahan yang amat sangat, selalu dia minta jalan. Jadi moga-moga dia dapat balik ke Backbencher pada pilihan raya yang akan datang. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan kepada maksud Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi RM3.5 juta membiayai perbelanjaan bagi persiapan awal menjalankan pilihan raya. Sudah tentulah perkara ini ditumpukan kepada peralatan-peralatan pilihan raya. Walaupun tadi saudara kita daripada Kepong mengatakan bahawa sudah ada komputer yang canggih, tetapi banyak di negeri-

negeri yang lain setengah-setengah tempat itu masih lagi peralatan yang lama. Mereka tidak dapat membuat kerja yang begitu sempurna. Perkara yang lain yang menyebabkan SPR ini kadangkala menjadi lemah kerana ia terlalu bergantung kepada pekerja sambilan.

Boleh atau tidak pihak Jabatan Perdana Menteri memberi pegawai-pegawai yang cukup supaya pekerja sambilan ini hanya diperlukan masa pilihan raya sahaja bukan masa-masa yang lain. Terlalu banyak pekerja sambilan menyebabkan SPR itu tidak cekap. Begitulah juga dalam perjalanan pilihan raya pada pandangan saya menjadi kelam-kabut kerana pilihan raya itu berlaku dalam keadaan masa yang begitu pendek. Bayangkan, pukul 8.30-9.00 kita mula hantar borang penamaan calon, kemudian pukul 11.00-1200 bantahan, selepas itu pengisytiharan. Selepas itu pihak SPR kena membuat kerja-kerja yang begitu cepat dan mesti cekap untuk menghantar nama-nama itu ke ibu pejabat menjalankan pencetakan dan sebagainya, melawat tempat mengundi. Perkara itu berlaku dalam sembilan hari sudah tentu pegawai cukup strained, muka mereka pun jadi masam, malam pun tidak boleh tidur.

Mengapa kerajaan menyeksa mereka, sepatutnya berilah 20 hari daripada hari penamaan calon hingga hari mengundi supaya pegawai SPR dapat bekerja dengan lebih tenang, menyusun kerja-kerja mereka dengan baik, maka tidaklah berlaku kekurangan di sana-sini. Tetapi oleh kerana hendak terlalu memendekkan kempen itu dalam masa sembilan hari menyebabkan pegawai SPR terpaksa bekerja lebih menyebabkan berlakunya strained dan sebagainya.

Oleh itu kita janganlah menyeksa pegawai-pegawai SPR dalam masa sembilan hari itu dan barulah mereka dapat bertindak dengan lebih adil pada masa yang akan datang. Kemudian etika kempen pilihan raya bolehlah kita pertikaikan dalam ucapan dasar bulan dua atau bulan tiga nanti. Tetapi perpecahan bukan berlaku kerana pilihan raya. Saya nampak selepas pilihan raya ini yang teruk menghadapi masalah disiplin ialah di kalangan UMNO. Misalnya Pengerusi Perhubungan UMNO Wilayah mengatakan ada lima ratus pembelot yang akan diambil tindakan. Tan Sri Aishah Ghani mengatakan bahawa seluruh jentera perlu disiasat. Ertinya perpecahan berlaku di dalam parti itu, bukan hanya antara parti-parti politik. Saya masuk balik Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sebelum saya tegur elok masuk balik. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya, saya tahu, saya tengok mata Tuan Pengerusi tadi. *[Ketawa]*.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya bagaimana undi pos itu dikawal. Sebab tahun ini macam-macam kita dengar kompelin daripada pihak BN atau pihak BA, tetapi tentulah yang banyak kompelin ini parti pembangkang atau pihak Barisan Nasional. Ada pegawai-pegawai SPR menunggu di tempat kem-kem tentera sehingga habis selesai mengundi. Ada yang tidak menunggu, hanya menghantar borang undi dan kemudian mereka tidak menunggu di situ. Kenapa ada perbezaan, ada tempat yang ditunggu dan ada tempat yang tidak ditunggu.

Kita juga mendapat laporan bahawa ada kertas undi dikeluarkan lebih daripada jumlah tentera yang patut boleh mengundi di situ. Ada juga tentera yang telah bersara tiga-empat tahun masih lagi dia mengundi pos dan juga mengundi secara tidak pos. Ertinya, walaupun dia sudah dapat mengundi di kampung sendiri, undi posnya itu belum lagi dipotong namanya. Ini bererti dia dapat mengundi dua kali.

Tuan Pengerusi, bagaimana pula kertas undi itu dibawa ke tempat pengiraan undi, kita dapat laporan di kawasan Peringat misalnya bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar mengatakan kertas undi beribu tercicir di jalan. Kalaulah pihak SPR begitu lalai

sehingga kertas undi boleh tercicir ini suatu perkara yang besar. Yang saya bimbang ia sengaja dicicirkan untuk membolehkan jikalau menteri itu kalah ada harapan untuk pilihan raya semula. Ini yang lebih membimbangkan.

Walau bagaimanapun, kalau andaian yang pertama tadi betul maka kelalaian begitu dahsyat menyebabkan kertas undi bertaburan di jalan dan jikalau itu tidak betul ertinya, kalau sengaja dicicirkan itu lebih merbahaya iaitu undi pos dijadikan satu perangkap untuk membuat laporan dan sebagainya supaya pilihan raya diadakan semula selepas itu dan kita tahu bahawa bantahan-bantahan begitu banyak dan banyak kita lihat pilihan raya kali ini menteri-menteri selamat dengan undi pos di antaranya wakil pos yang duduk di dalam Parlimen ini ialah wakil rakyat Pekan, itu wakil pos sebab undi rakyat floor dia memang kalah. Jadi undi pos kadangkala menyelamatkan seseorang pemimpin atau seseorang itu yang bertanding.

Kita masih lagi tidak puas hati walaupun tahun ini ada sedikit improvement, sedikit peningkatan kebaikan berlaku kepada undi pos adalah bila SPR sendiri, pegawai SPR ada di tempat mengundi dan menunggu di tempat mengundi, penyelewengannya dapat diminimumkan. Kita harap undi pos ini kalaulah tidak mahu dihapuskan terus, kerajaan, SPR mesti memperbaikinya sehabis-habis supaya kita tidak mahu bila kita menang kerana ada monopoli dalam undi pos, misalnya kalau ada wakil rakyat Pekan, orang Pekan kata ini wakil pos, bukan wakil rakyat, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, misalnya.

Tuan Pengerusi, perkara ketidaktelusan ini amat serius dan kita harap dapat dibaiki....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri. Minta jalan. Sila.

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan. Apakah wakil dari Kuala Kedah tidak mengiktiraf undi daripada undi pos. Undi pos setahu saya adalah daripada rakyat negara ini yang kerana sebab-sebab tertentu seperti berada di seberang laut dan sebagainya. Jadi mereka juga berhak seperti rakyat yang lain.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Cukup. Fahamlah itu, saya fahamlah. Terima kasih di atas peringatan itu, siapa yang tidak mengiktiraf undi pos? Yang kita persoalkan di sini ialah perjalanan undi pos sebab ada tentera yang mengaku bahawa dia pangkah bagi pihak kawan-kawannya.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Sri Gading.

Tuan Mohamad bin Haji Aziz: Saya minta laluan.....kerana Yang Berhormat tadi mempertikaikan kemenangan seorang calon daripada undi pos seolah-olah Yang Berhormat tidak mengiktiraf pengundi daripada pengundi pos.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup, Sri Gading.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Baik, terima kasih. Saya iktiraf, semua wakil rakyat yang menang kita iktiraf walaupun majoriti lima undi, kita iktiraf, cuma yang kita sebut di sini biarlah siapa yang menang itu tidak menjadi bahan perli, bahan cakap ataupun ada tentera mengatakan bagaimana tidak menang, saya pangkah bagi pihak lima orang kawan saya, misalnya begitu. Perkara inilah yang kita hendak perbetulkan, bukan soal mengiktiraf undi pos atau tidak, kita memang iktiraf undi pos itu. Yang kita mahu SPR memperbaiki.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of Order 36(6). "Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli yang lain". Saya hendak beri ulasan sedikit, adakah Yang Berhormat ada bukti mengatakan yang Pekan menang atas undi pos?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak, saya tidak menyangka jahat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini sangkaan jahat mengatakan itu 'wakil rakyat pos' dengan andaian-andaian tertentu, tidak begitu baik Yang Berhormat, ini bulan puasa Yang Berhormat, kita semua berpuasa.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih atas ingatan. [Ketawa]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:mintalah Yang Berhormat tarik balik, hujah yang lain terpulanglah kepada Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ia tidak *unparliamentary*. Saya akan tarik balik kalau ia *unparliamentary*, saya tidak niat buruk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat, sebab kita sesama Islam.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih. Nanti sekali lagi saya pergi Pahang. [Ketawa]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Orang Kedah baru menang di Kedah, orang Kedah sudah tidak terima pula? Hendak hantar ke Pahang pula?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Insya-Allah. Sekali lagi boleh pergi Pahang, Rompin pun tidak apa. [Ketawa]

Tuan Pengerusi,.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Kuala Kedah, sila gulung.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya harap sungguh-sungguh supaya.... saya hendak gulung tadi, iaitu pegawai-pegawai pilihan raya jangan kita beri mereka strain, biarlah mereka itu bertugas dalam keadaan selesa iaitu kita beri sekurang-kurangnya dua puluh hari daripada penamaan calon sampai kepada hari mengundi untuk mereka bekerja dan tempat undi pos hendaklah diperbaiki dari masa ke semasa. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Terima kasih. Seputeh.

4.25 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Setiap kali selepas pilihan raya SPR ini selalu dijadikan sasaran kritikan oleh semua pihak. Di sini saya mengumpul beberapa laporan dan juga kajian yang sedang dijalankan terhadap 'hanky panky' yang diadakan. Kita tahu yang 680,000 pengundi baru yang telah didaftar itu mereka dinafikan hak untuk membuang undi tetapi terdapat laporan yang menunjukkan di antara 680,000 pengundi yang dinafikan hak untuk mengundi ini bila mereka memakai t-shirts BN dan topi BN mereka dibenarkan mengundi. Saya harap SPR dapat menjalankan siasatan atas perkara ini.

Selain daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan tadi....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, minta penjelasan dari Parit Sulong.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hanya ada sepuluh minit, tidak ada masa untuk penjelasan. Orang baru bagi jalan dahulu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:....tetapi dia buat allegation, kata kalau pengundi yang tidak dapat dalam senarai pakai topi BN, baju BN boleh mengundi, saya hendak minta penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya menyeru SPR membuat siasatan.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: You don't make a wild allegation, ada buktikah?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya ingin mendesak SPR menjalankan siasatan.....

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: You at the back there, you shut up!

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Parit Sulong, dia tidak beri jalan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:yang duduk itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri penjelasan. Sila teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini sikap yang sangat disappointed bagi saya sebagai orang baru.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya suka menyebut supaya membincang perkara yang berkaitan khusus dalam Maksud P.4 ini, sebab sini menyatakan ialah untuk membiayai perbelanjaan bagi persiapan awal menjalankan pilihan raya umum negara kesepuluh. Jadi kalau boleh Yang Berhormat tolonglah sentuh, bertanya apakah perkara-perkara yang dijalankan mengenai persiapan awal, jangan menyentuh perkara yang lain seelok-eloknya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sebab saya membangkitkan kesemua perkara ini adalah kerana kalau kita hendak membincangkan, memberikan peruntukan yang lebih kepada SPR kita harus juga kaji apa yang mereka telah lakukan dan peranan mereka dalam pilihan raya ini dan satu laporan menunjukkan dalam database SPR, disk yang diberi itu dengan kad pengenalan bernombor 1600001 sehingga 1602000 itu mereka mengundi di kawasan calon dalam pusat pengundian yang sama dan saluran yang sama. Macam mana ini boleh berlaku iaitu di kawasan Kubang Pasu.

Selain itu, mereka yang mempunyai nombor kad pengenalan 1602001 sehingga 1604000 mereka semua ini membuang undi di kawasan Padang Terap. Kenapa I.C yang sama ini, yang berturutan ini boleh membuang undi di kawasan sehingga saluran yang sama. Ini adalah perkara yang harus disiasat oleh SPR.

Kita tahu di negara New Zealand yang telah mengadakan pilihan raya tidak lama dahulu, yang pengundi di negara itu mereka boleh mendaftar diri sehari sebelum hari pengundian dan semua mereka inidibenarkan membuang undi. Kenapa kerajaan yang telah banyak menggalakkan penggunaan IT ini tetapi malangnya SPR tidak menggunakan teknologi maklumat dengan sepenuhnya.

Di kawasan saya ini semasa pilihan raya, pengundi yang datang menyemak nama mereka itu, kami dapati nama mereka ini tidak ada dalam disk yang diberikan oleh SPR tetapi apabila kami cari nama mereka dalam Internet, kami dapati nama mereka ada dalam Internet di homepage SPR. Kenapa ini boleh berlaku? Jadi ini adalah kesemua perkara yang harus dijelaskan oleh SPR.

Selain daripada itu, mengapa calon-calon Barisan Nasional boleh menggunakan jentera (*machinery*) kerajaan dan mass media sewenang-wenangnya. Yang kita tahu dalam masa pilihan raya sama ada Barisan Nasional ataupun parti-parti pembangkang atau

Alternatif, kita semua berada dalam taraf yang sama dan Barisan Nasional hanya *caretaker government*, kenapa mereka boleh menyalahgunakan *machinery* kerajaan sehingga begitu?

Tuan Pengerusi, saya juga berharap SPR dapat menjalankan siasatan tentang pembelian undi bagi pihak calon Barisan Nasional. Beberapa laporan polis telah dibuat oleh ahli-ahli Barisan Alternatif mengenai perkara ini. Jadi perkara seperti ini harus disiasat. Selain itu, terdapat calon Barisan Alternatif ini memberitahu bahawa sebelum ejen mereka hadir di pusat pengundian itu, kotak undi itu telah dibuka, kenapa ini boleh berlaku?

Tuan Pengerusi, saya rasa tiap-tiap kali selepas pilihan raya perkara-perkara dan taktik-taktik kotor Barisan Nasional dan juga perkara yang tidak sepatutnya diadakan itu berlaku semasa pilihan raya. Jadi semasa kita membincangkan peruntukan untuk SPR ini kita berharap SPR juga boleh memainkan peranan mereka secara berkesan dan *effective* untuk menjalankan pilihan raya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada lagi hendak bercakap?

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, daripada mana itu?

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Bachok.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

4.33 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sudah tujuh kali saya bangun.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, itu saya berilah itu.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Terima kasih sekali lagi. Saya mengalu-alukan SPR di bawah Maksud B.4 ini menjadi satu badan yang sebebaskan-bebasnya dalam mengendalikan urusan pilihan raya. Sebagaimana yang telah pun dibincang di dalam Perbekalan ini, RM3.5 juta yang diperuntukkan untuk persiapan awal saya ingat masih belum mencukupi dalam beberapa isu yang menyentuh pengurusan kebebasan dalam mengendalikan pilihan raya. Oleh kerana itu, kita melihat bahawa JPM yang bertanggungjawab, sebagaimana telah pun disebut sebelum ini, yang mengendali beberapa perkara berkaitan dengan SPR ini seharusnya memberi kebebasan sebebaskan-bebasnya dalam semua urusan supaya segala isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya tadi tidak berbangkit lagi untuk tempoh lima tahun akan datang.

Yang keduanya ialah beberapa isu secara spesifik. Saya ingin sentuhkan di sini, daripada pengalaman kali pertama saya menyertai Pilihan Raya Umum baru-baru ini dalam kawasan Parlimen saya Parlimen P.025 Bachok, satu kes yang di luar jangka bagi kita yang melihat SPR yang mempunyai kewibawaan begitu tinggi sanggup mengadakan tempat atau pusat mengundi di dalam kontena yang bagi saya ini satu perkara yang mengejutkan untuk kita laporkan tetapi terpaksa saya sebutkan – dalam kontena yang tidak semestinya diadakan untuk keselesaan pengundi-pengundi menjalankan pengundian.

Jadi, kesan daripada itu, kesnya ialah undi rosaknya begitu besar untuk undi Parlimen. Ini kerana ada beberapa perkara daripada sudut pemantauannya kita lihat ada kelemahan. Kelemahan dari sudut pengendalian kerana undi rosak di satu daerah mengundi yang terlibat dalam kawasan Parlimen saya bertanding – daerah mengundi Teluk Masira, undi rosak bagi calon Parlimennya ialah 128 undi, kemudiannya juga di peringkat undi negeri, DUN 11 undi sahaja. Apabila penyiasatan dibuat, maka perkara yang dapat saya buktikan daripada laporan pihak *counting agent* yang bertugas pada malam itu didapati

bahawa kertas undi rosak itu berpunca daripada karenah kerani di tempat pembuangan undi.

Buktinya apabila dilihat bahawa kertas-kertas undi yang rosak itu ada satu tanda yang bukan kerana kecuaiannya pengundi ataupun bukan juga kerana karenah atau tingkahlaku pengundi itu sendiri yang sengaja merosakkan kertas undi tersebut. Ini dapat dibuktikan lagi apabila ada ditulis angka, semacam nombor siri pengundi pada kertas undi secara berturutan secara terpilih pada kertas-kertas undi. Secara terpilih bermaksud di sini saya melihat kerani itu telah pun dipengaruhi oleh pihak calon Barisan Nasional. Bukti ini dapat diperkukuhkan lagi apabila pihak Ketua Tempat Mengundi tidak menerima rungutan ataupun bantahan daripada counting agent PAS supaya menerima kertas undi itu yang dipangkah dengan baik tetapi disebabkan oleh ada tandaan angka, maka ia dianggap undi rosak. Ini satu perkara yang bagi saya tidak praktikal dari sudut amalan kebebasan kepada pihak pengundi itu sendiri untuk membuang undi mengikut hak masing-masing.

Berikutnya kita dapati juga apa yang kita lihat kesan daripada pengurusan yang semacam telah dipengaruhi oleh unsur luar dalam pengendalian pengurusan pilihan raya ini. Pengisytiharan keputusan pilihan raya bagi Kelantan dan Terengganu sengaja dilewatkan. Ini satu perkara yang bagi saya dari sudut *emotional* pengundi dan juga dari sudut sentimen orang ramai ataupun rakyat yang hendak mengetahuinya sendiri menyebabkan tertangguh-tangguh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, apa ada kaitannya dengan persiapan awal pilihan raya?

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Persiapan awalnya ialah bermaksud kebebasan dari sudut untuk menyiapkan peralatan-peralatan bagi menjalankan pengurusan pilihan raya yang berkesan sehingga keputusan itu diisytiharkan. Jadi, bila keputusan itu sengaja dilewatkan bermakna di sini persiapan awal itu tidak cukup ataupun tidak memuaskan dan ini satu kelemahan yang perlu diperbetulkan oleh pihak SPR dalam tempoh pilihan raya yang akan datang. Jadi, perkara ini telah pun berlalu tetapi pengajaran yang lalu ini seharusnya dijadikan satu pengalaman untuk mempertingkatkan pengurusan yang standard SPRnya mesti diiktiraf sebagai badan yang bebas.

Kemudian lagi ialah berhubung dengan pengundi pos. Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelum ini pun telah pun membangkitkannya, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah khususnya. Dalam pengundian pos sekali lagi saya melihat persiapan SPR tidak sebagaimana yang sepatutnya dibuat. Walaupun peruntukannya ada tetapi pengundi pos yang dikendalikan itu telah pun dipengaruhi oleh satu unsur yang semacam SPR melepas diri daripada persiapan yang sepatutnya dibuat.

Pengumuman pihak SPR sendiri betapa pengundi pos dalam Pilihan Raya Umum Kesepuluh baru-baru ini dibuat secara lebih terurus dan secara lebih menyakinkan pihak parti-parti yang bertanding khususnya pihak Barisan Alternatif. Yang penting untuk kita fahami daripada maksud saya ini ialah ada pengurusan pengundi pos itu yang SPR tidak menghadirkan wakilnya untuk memerhati.

Di tempat saya di Parlimen Bachok, daripada pengurusan pengundi pos 363 lebih pengundi pos yang keluar mengundi, yang mengundi Barisan Nasional ialah 203, yang mengundi calon Parlimen PASnya ialah 77 undi, yang rosaknya dan yang tidak dikembalikan adalah yang selebihnya. Daripada keputusan ini, bila saya buat penyiasatan selepas daripada keputusan, didapati punca kenapa tinggi undi yang diperolehi oleh Barisan Nasional ialah kerana telah ada satu campur tangan kepada pihak pengundi pos itu sendiri memaksa mereka mengundi Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, tidak boleh buat tuduhan, jangan buat tuduhan.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Saya boleh mengemukakan perkara begini berdasarkan kepada saya menemu bual beberapa orang yang mengundi pos itu sendiri. Perkara ini tidak lebih daripada itulah dakwaan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Oleh kerana itu saya ingin membuat rumusan di atas kenyataan saya ini iaitu untuk pilihan raya yang berikutnya pihak SPR seharusnya memandang berat beberapa perkara yang dibangkitkan. Di antaranya ialah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat abang kepada sayalah dari Rompin tadi, masalah penyertaan counting agent kedua-dua belah parti seharusnya flexible – tidak mengehend satu masa yang lebih rigid untuk membolehkan pengurusan pihak parti-parti mengendalikan kepentingan parti masing-masing sebagaimana yang disebutkan bahawa SPR seharusnya memberi satu kebebasan untuk parti-parti mengendalikan urusan kepentingan parti masing-masing pada hari mengundi dan pada malam pengiraan undi.

Oleh kerana itu, pihak SPR untuk tempoh akan datang seharusnya disusun semula daripada beberapa perkara teknikal yang tidak mendatangkan kepuasan kepada pihak parti yang bertanding. Antaranya masalah-masalah berkaitan dengan pengurusan borang, masalah berkaitan dengan pelantikan *polling agent* atau *counting agent* yang terlalu terhad masanya dan semua urusan yang berkait secara teknikal itu saya anggap SPR boleh membuat sesuatu perkara yang lebih kemas untuk tempoh yang akan datang.

Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada? Sila jawab.

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, Yang Berhormat boleh bercakap perkara lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada Menterikah?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah ini, tetapi tidak bangun.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha? Eh, bangun. Bangun, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada perkara-perkara yang dibangkitkan mungkin dia tidak tahu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada, jangan buat tuduhan, Kepong.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Dengar dahulu, sebelum kita jawab dengar dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, jangan buat tuduhan Kepong, sila, sila.

4.40 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tahu bahawa wakil rakyat dari Kepong ini adalah wakil rakyat yang telah pun lama dalam Dewan ini dan saya rasa masanya sudah sampai untuk Yang Berhormat bagi Kepong juga keluar daripada Dewan ini kerana input yang saya dengar daripada dia, walaupun lama di dalam Dewan ini tidak begitu baik.

Tuan Pengerusi, saya memerhatikan perbahasan daripada kelmarin sampai sekarang. Komen saya ialah semua hujah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat seluruh Malaysia ini adalah semua bernas belaka tetapi malangnya walaupun hujah-hujah itu bernas belaka tetapi ada hujah-hujah dan tuduhan-tuduhan yang tidak dapat diputuskan oleh Dewan yang mulia ini oleh kerana Dewan ini bukan memutuskan perkara-perkara yang dibangkitkan iaitu umpamanya perkara-perkara yang dibangkitkan dalam perbahasan Jawatankuasa ini mengenai soal-soal pilihan raya yang di bawah Maksud B.4. Sememangnya pilihan raya baru sahaja berakhir baru-baru ini dan keputusan-keputusan itu sudah diterima tetapi apa yang dilupai oleh wakil-wakil rakyat yang rata-rata saya nampak berpengalaman ini ialah pilihan raya baru-baru ini adalah merupakan pilihan raya yang kesepuluh, bermakna kita ini telah mengadakan sepuluh kali pilihan raya dan undang-undang pilihan raya ini adalah menurut undang-undang yang Parlimen ini gubal iaitu Peraturan-Peraturan Pilihan Raya, Peraturan Cara-Cara Mengundi Pos dan sebagainya.

Dr. Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 36(1) Tuan Pengerusi. Sebagai seorang Senator beliau tidak pernah menyertai pilihan raya. Macam mana dia tahu? Dan tidak patutlah hendak buat komen ke atas wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat...

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak patut. Tuan Pengerusi mesti memberi nasihat kepadanya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk. Pilihan raya ini orang terlibat atau tidak terlibat semua tahu.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Pengerusi, inilah satu contoh yang dia pura-pura tahu semua hal dalam Malaysia ini. Saya beberapa kali menghadapi pilihan raya, mungkin bukan Parlimen tetapi State. [Tepuk] Saya banyak kali kalah dalam pilihan raya dan ada kala juga menang, pernah juga saya jadi pembangkang dan pernah juga saya dalam kerajaan. Semua yang disebut itu pernah saya rasai semuanya. Sabarlah dahulu. [Ketawa]

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Yang kita persoalkan di sini, Tuan Pengerusi, ialah mengenai dengan apa yang telah berlaku sewaktu pilihan raya. Sememangnya yang kalah itu rasa tidak puas hati. Ada yang menang juga rasa tidak puas hati kerana mahu majoriti yang lebih dan ada pula yang menang dengan majoriti kecil tidak juga puas hati tetapi selama kita menghadapi sepuluh kali pilihan raya, negara ini dapat ditadbir dengan baik dan peruntukan-peruntukan tertentu umpamanya telah kita gubal dan kalau ada di antara wakil-wakil rakyat termasuk Barisan Nasional sendiri yang tidak puas hati dengan keputusan-keputusan pilihan raya, sudi apa kiranya membawa petisyen kepada mahkamah kerana mahkamah yang menentukan sama ada keputusan pilihan raya di sesuatu tempat itu, sama ada DUN atau Parlimen sah atau tidak.

Saya dapati bahawa di sebelah pembangkang sana hampir setengah adalah peguam. Jadi, kalau pada mulanya sudah takut untuk ditipu umpamanya, buatlah persediaan untuk mengumpul segala fakta, *evidence* dan sedemikianya untuk dibawa ke petisyen nanti kerana kalau kita berbahas sampai tiga bulan pun mengenai soal ini tidak akan habis kerana tidak ada bukti. Kalau umpamanya Akta Pilihan Raya mengenai soal-soal undi pos ini tidak betul, yang juga Ahli-ahli Yang Berhormat ada di antaranya yang lama di sini telah turut menggubal akta dan peraturan tersebut, maka kita buat kajian, kita ubah peraturan dan undang-undang.

Umpamanya, ramai Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai soal-soal tidak puas hati dengan cara-cara pengundian pos tetapi menurut peraturan-peraturan, saya

ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang pandai-pandai dalam Dewan yang mulia ini terutama sekali dari Kepong yang lama bertugas iaitu untuk soal-soal pengundian pos ini - saya ini menteri baru, saya pun terpaksa bacalah Yang Berhormat bagi Kepong, kita pun mahu tahu juga supaya dapat kita menjawab dengan baik dan kalau saya tidak dapat menjawab dengan baik, saya mohon maaf. Nanti lain kali di persidangan-persidangan yang akan datang kita jawab dengan baik dan kalau umpamanya yang saya tidak tahu, saya tidak akan berbohong di dalam Dewan ini dan saya akan terangkan saya tidak tahu dan saya akan jawab secara bertulis.

Umpamanya, Peraturan-Peraturan Mengundi Pos. Ianya telah ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftar Pilihan Raya) 1971 bagi negeri-negeri di Semenanjung, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftar Pemilih) 1971 bagi negeri Sarawak, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftar Pemilih) 1971 bagi negeri Sabah dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Secara Pos) 1959 bagi negeri-negeri Semenanjung dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Secara Pos) 1998 bagi Sabah dan Sarawak.

Pengundian Secara Pos mempunyai ciri-ciri tersendiri sebagaimana yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Di antara ciri utama ialah pengundi-pengundi tidak perlu hadir di tempat mengundi dan mereka boleh memangkah kertas undi di mana-mana tempat tanpa disaksikan oleh sama ada pegawai-pegawai SPR atau ejen yang mewakili calon atau parti politik. Mereka yang boleh mengundi melalui pos ini dalam peraturan-peraturan yang kita gubal dalam negara ini setelah menghadapi sepuluh kali pilihan raya ialah:

- (i) anggota tentera dan isteri/suami;
- (ii) anggota polis biasa;
- (iii) anggota polis hutan dan isteri/suami;
- (iv) pegawai-pegawai kerajaan termasuk isteri/suami yang bertugas di luar negara;
- (v) penuntut-penuntut termasuk isteri/suami yang belajar di luar negara;
- (vi) pegawai kerajaan dan isteri/suami yang bertugas di luar Semenanjung, Sabah dan Sarawak;
- (vii) penuntut-penuntut dan isteri/suami yang menuntut di luar Semenanjung, Sabah dan Sarawak; dan
- (viii) petugas-petugas pilihan raya.

Bagi pengundi, umpamanya di kem askar, tentera dan sebagainya peraturan pilihan raya tidak mengatakan bahawa seharusnya ada pegawai SPR di sana tetapi saya telah difahamkan oleh pegawai-pegawai daripada SPR, untuk pilihan raya yang lalu ini walaupun mereka tidak dikehendaki oleh undang-undang untuk menghadiri diri di tempat tersebut, mereka juga datang tetapi tadi saya dengar ada Yang Berhormat yang mempersoalkan, kenapa menghantar sahaja kertas undi di sana tetapi tidak menunggu. Dia tidak diperlukan oleh undang-undang untuk menunggu.

Dan apa yang saya perhatikan walaupun Yang Berhormat bagi Kepong mengatakan bahawa saya belum pernah menyertai pilihan raya, dalam proses pilihan raya terutama sekali yang berpengalaman dalam pilihan raya dan parti-parti yang terlibat dalam Dewan yang mulia ini adalah parti-parti yang berumur berpuluh tahun. Parti saya yang sepuluh tahun pun tahu dengan prosedur pilihan raya, sewaktu hantar calon, lepas itu mesti memilih siapa wakil calon, lepas itu pegawai pilihan raya tempat tersebut memberi taklimat siapa wakil calon, lepas itu diberitahu bila, apa yang harus dibuat sedemikianya, semuanya ada,

wakil *counting agent* waktu pengundian. Jadi kalau ada perkara-perkara yang melanggar peraturan-peraturan pilihan raya, kumpul semua bukti ini dan bawa di mahkamah dan terbukti di negara kita Malaysia ini umpamanya beberapa tahun yang lalu, di Sarawak ada wakil dari DAP yang membuat petition mahkamah dan secara kebetulan bukti tersebut diterima di mahkamah sebagai konkrit maka ianya diterima.

Jadi, mengenai dengan soal-soal yang saya anggap sebagai remeh iaitu ada kawasan yang menuduh bahawa itu tidak betul, ini tidak betul, itu semua kita harus ambil sebagai pengajaran bahawa kita sendiri pemimpin-pemimpin yang menimbulkan perkara-perkara ini. Umpamanya pengalaman saya dalam pilihan raya Parlimen baru-baru ini, saya berada di suatu peti undi di kawasan saya, pakcik saya sendiri datang di depan saya mengamuk, dia kata: "Sejak you jadi menteri Barisan Nasional beberapa bulan, nama saya tidak ada di dalam senarai pengundi." [Ketawa]

Dia kata: "Dahulu sewaktu you dalam pembangkang, nama saya sebagai pengundi, sekarang ini tidak ada, kenapa?" Ini semuanya jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan ialah human factor, soal human, kerana dalam pilihan raya, Suruhanjaya Pilihan Raya memilih pegawai-pegawai yang ada di kawasan setempat, biasanya tuan pegawai daerah sebagai pengurus pengundian kawasan itu dan dia ini adalah pegawai dan pegawai tersebut adalah juga manusia biasa, dia mungkin ada inclination menyokong satu-satu parti. Kalau secara kebetulan pegawai tersebut menyokong PAS, maka condonglah dia kepada PAS, tetapi ada kadang-kadang pegawai yang ketara dan ada yang tidak. Kalau pegawai itu umpamanya di Kelantan, Barisan Nasional beranggapan bahawa segala pegawai tersebut begitu, tetapi kita tidak membuat tanggapan begitu.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Ini point of order ataupun penjelasan, kerana kalau penjelasan saya rasa sudah seronok untuk berucap, ini dia sengaja beri laluan kerana Kepong ini biasa membangkitkan isu-isu yang tidak relevan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, menteri tidak beri laluan.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Adakah ini standing order, kalau standing order tidak mengapa, kalau tidak sorrylah Kepong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila sambung Yang Berhormat Menteri.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: penjelasan.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Sorrylah, tidak beri laluan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Orang baru pun tidak beri?

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Orang baru, orang lama sama jugalah. [Ketawa]

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tuan Pengerusi, itu latar belakang sebelum saya menjawab secara terperinci kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu pilihan raya telah diadakan sepuluh kali, ada peraturan-peraturan yang tertentu. Tetapi malangnya apa yang saya dapati setelah mendengar hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada daripada pembangkang ataupun Barisan Nasional ialah tuduhan-tuduhan politik, cerita-cerita kedai kopi yang tidak diterima oleh mahkamah yang boleh sama ada mengesahkan sesuatu keputusan pilihan raya.

Kalau itu kita bincangkan dalam Dewan yang mulia ini, kita tidak pandai buat keputusan tetapi kalau juga kita bincangkan di sini maka itulah demokrasi majority prevail.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Penjelasan, saya minta sekali lagi, kalau diizinkan.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tidak ada Tuan Pengerusi, saya tegas dengan perkara ini, kali ini pula mereka terpaksa mendengar apa yang menteri cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila sambung.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Menteri lebih terbuka sikap untuk mendengar apa penjelasan yang hendak diminta, itu sikap menteri. Kalau menteri[*Pembesar suara tidak berfungsi*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri tidak beri laluan.

Datuk Pandikar Amin Haji Mulia: Tuan Pengerusi, kalau menteri-menteri Barisan Nasional tidak bersikap terbuka ini, daripada kelmarin kita mendengar tuduhan-tuduhan liar, kita pun diam juga, terbuka apa lagi yang mahu dikehendaki ini? [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Yang Berhormat sambung.

Datuk Pandikar Amin Mulia: Tuan Pengerusi, bagi Barisan Nasional, walaupun kita kalah di Terengganu umpamanya dan kita tidak dapat tawan Kelantan umpamanya, yang sebelum pilihan raya kita berfikir kita dapat tawan, kita secara gentleman kita terima keputusan – kita terima. Sememangnya dalam pilihan raya, kita dalam kerajaan mengakui bahawa ada yang kalah, ada yang menang, dua sahaja tidak seri. Seri tidak ada dalam pilihan sama ada you win or you lose, dalam pilihan raya ini untunglah PAS oleh kerana dia dapat Terengganu, tetapi Barisan Nasional akan bekerja untuk menawan kawasan itu dan pada pilihan raya ini pula sorrylah Kepong, oleh kerana boss dia kalah dua, itu terpaksa kita terima oleh kerana Bairsan Nasional berpuas hati dengan sikap Suruhanjaya Pilihan Raya yang begitu terbuka. Kita tidak ada nampak sama sekali secara rasional bahawa SPR ini berpihak sebelah sebelum seperti yang saya terangkan tadi.

Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk masuk kepada soal-soal terperinci, umpamanya Ahli Yang Berhormat bagi Bagan, dia mengatakan bahawa ada terdapat pemilih ditukar kawasan mengundi sedangkan pemilih tidak membuat permohonan. Juga ini satu tuduhan yang liar kerana menurut proses undang-undang kita, seseorang itu cuma boleh dipindahkan undinya setelah ia mengisi borang. Itu peraturan. Jadi, kalaulah Ahli Yang Berhormat bagi Bagan mengatakan bahawa yang sipemilih ini ditukarkan tanpa pengetahuan dia, tidaklah betul. Tetapi kalaulah pula ada orang yang bertanggungjawab sama ada waktu tadi dalam jabatan-jabatan tertentu yang menukarkan orang ini tanpa pengetahuannya, itu bukan oleh kerana Suruhanjaya Pilihan Raya ini tidak adil, itu adalah human factor seperti pakcik saya tadi, yang dia kata “waktu you dalam pembangkang nama saya ada, sudah you jadi menteri nama saya tiada.” [*Ketawa*]

Jadi, kita mohonlah semua bahawa orang-orang yang tidak bertanggungjawab seperti yang meminda undi tanpa pengetahuan ini, berhentilah perkara-perkara ini. Jadi, kalau pula ini kita persoalkan bahawa pengundi tidak boleh berpindah kawasan, sedangkan kita wakil-wakil rakyat umpamanya Yang Berhormat bagi Kuala Kedah sebelum ini bukan dia dari Kuala Kedah, kalau wakil rakyat perlu dipindah-pindah kawasan, apalah salahnya pengundi juga mahu pindah kawasan untuk cari mana satu yang dia mahu undi?

Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita cakap tetapi kita tidak sedar, tadi saya dengar dia mahu pindah lagi sebelah Rompin sana, di Pahang. [*Ketawa*] Jadi, apalah salahnya pengundi juga pindah.

Jadi mengenai dengan soal memindah undi ada peraturan tertentu, pemohon itu terpaksa mengisi satu borang khas dan diproses dan Suruhanjaya Pilihan Raya mempunyai

peraturan juga iaitu dalam hal-hal serupa ini ada juga bantahan-bantahan, notis diberi, bantah siapa yang tidak mahu, bantahlah, semua ini ada.

Ini telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, walaupun tidak dibangkitkan dalam peringkat Jawatankuasa, tetapi telah dibawa oleh Bagan iaitu mengenai dengan soal meminta penjelasan mengapa tidak ada wakil dari badan bebas menyaksikan pengagihan sampul undi pos di kem-kem tentera. Ini saya amat terperanjat kenapa perlu kita ada badan-badan bebas ini yang sedangkan kita merdeka, sebuah negara yang begitu muda berbanding dengan negara-negara lain telah mencapai pencapaian yang begitu tinggi, perlu lagi untuk diawasi oleh badan-badan bebas. Badan bebas dari mana yang dimaksudkan ini? Adakah bebas dari negara luar seperti negara Amerika ataupun negara-negara yang kita semua tahu bahawa menekan dengan negara-negara seperti kita yang baru membangun ini, ataupun yang dimaksudkan di sini adalah bebas, orang-orang yang simpati kepada pembangkang sahaja?

Tuan Pengerusi, Undang-undang Pilihanraya, tidak ada memperuntukkan mana-mana pihak untuk menyaksikan pengagihan sampul undi pos di kementerian kem tentera ataupun di mana-mana, itu undang-undang kita. Itulah tadi sebelum saya menjawab secara terperinci, saya telah mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan undang-undang apa yang ada, kenapa kita dalam Dewan yang mulia ini, ada undang-undang itu. Tetapi saya nampak pembangkang berpuas hati dengan undang-undang ini, dia menang di Terengganu, dia gembira dengan undang-undang yang sedia ada, jadi perlulah lagi digubal undang-undang itu.

Perkara-perkara kecil, remeh yang kalau kita membazir kewangan yang berjuta-juta, buat apa kita beri perhatian. Perkara-perkara serius sahaja yang kita nampak boleh memudaratkan negara ini, barulah kita ambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, beliau mencadangkan SPR menjalankan beberapa kajian seperti berikut, bahawa calon BN telah membelanjakan lebih daripada jumlah yang diperuntukkan oleh undang-undang. Dalam akta pilihan raya kita, peraturan-peraturan pilihan raya, parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya kalau tidak berpuas hati, itu yang harus dikemukakan petition. Kalau umpamanya tidak berpuas hati dengan wakil daripada Beruas umpamanya, make sure siapa nanti yang bertanding di Beruas itu pasang belakang Beruas di mana sahaja dia pergi, intai dia, apa dia makan, apa dia belanja, kemudian bring him to the court. Jangan cakap dalam Dewan yang mulia ini, kalaulah ada. Saya tidak bermaksud ada, umpamanya contoh, oleh kerana Kepong sentiasa menyentuh tentang Beruas ini. Tetapi bila Beruas berdiri tadi, dia kata, sedarkah bahawa di kawasan saya calon DAP dia belanja begini banyak. Jadi bermakna tuduhan seperti ini akan berpanjangan dalam Dewan yang mulia ini, dalam masa yang suntuk ini. Dan dia juga ada mencadangkan SPR diberi kuasa untuk memastikan bahawa parti-parti pembangkang diberi peluang dalam media massa. Media massa apa lagi yang dikehendaki ini? Setahu saya, Tuan Pengerusi, sudah ada media massa-media massa yakni surat-surat khabar yang dimiliki oleh parti-parti. Okey, kalau umpamanya DAP, dia ada itu *Roket*.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Penjelasan, Tuan Pengerusi.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri laluan. Saya

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Boleh beri peluang, orang baru, kali ketiga sudah saya minta. *Gentleman* sikit.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Kali keempat, kali kelima, kali kesepuluhkah, saya tidak beri laluan oleh kerana ini adalah *floor* saya. [*Ketawa*] [*Tepuk*]

Seorang ahli: Menteri tidak beri jalan.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor [Pendang]: Tuan Pengerusi, saya fikir lebih baik seorang Menteri mendengar pandangan rakyat, ini tidak baik, sikap yang macam ini, sikap yang beku macam ini, tidak baik. *[Tepuk]* Ini menandakan Menteri itu tidak sanggup berdepan dengan rakyat.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Pengerusi, yang saya bercakap ini pun bagi pihak rakyat yang secara kebetulan Barisan Nasional majoriti. *[Tepuk]* Sudah kita dengar daripada kelmarin.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sambung.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Oleh itu saya minta laluan untuk penjelasan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak beri laluan, *[Disampuk]* saya tidak beri laluan. Ada lagi kita 5 tahun dalam Dewan yang mulia ini, saya boleh beri laluan, 5 tahun akan datang. *[Menyampuk]*

Seorang ahli: [Menyampuk]

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Apa boleh buat Menteri baru, dia tidak mahu beri laluan, jalan dia sempit, apa boleh buat, sabar sahajalah. *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, ahli Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Peraturan mesyuarat macam mana?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya tidak beri jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Peraturan mesyuarat, macam mana tidak beri jalan pula?

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Kalau ada peraturan mesyuarat, bolehlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa peraturan mesyuarat itu?

Dr. Tan Seng Giaw: 36 (1) lagi. Tuan Pengerusi, yang pentingnya Menteri ini, semua kita yang bangkitkan di sini remeh-temeh, walhal dia mewakili senator sahaja. *[Tepuk]* Jadi janganlah meremeh-remehkan percakapan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, sila bacakan peraturan mesyuarat ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang boleh, "*Seseorang Ahli Dewan apabila membahaskan Rang Undang-undang yang meminda akta induk hanya perkara-perkara yang berkaitan Rang Undang-undang itu sahaja yang dibenarkan bercakap dan tidak kepada perkara yang melibatkan akta induk.*" Tuan Pengerusi, yang dia cakap itu meremeh-remehkan pandangan orang dalam Parlimen.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Pengerusi, dia yang sebetulnya dia memperkecil-kecilkan saya daripada mula tadi. Dia kata saya belum lagi menghadapi pilihan raya. Sekarang ini pula seolah-olah oleh kerana saya dari Senat, daripada Senator sana, saya tidak boleh bercakap kepada wakil-wakil rakyat. Dia meremehkan bahawa saya jadi Senator oleh kerana atas lantikan kerajaan iaitu Yang di-Pertuan Agong, dia yang meremeh-remehkan kuasa Raja....

Dr. Tan Seng Giaw: Saya yang berucap sekarang, tunggulah sekejap. Saya mempertikaikan di sini bahawa janganlah kita datang di sini untuk meremeh-temehkan percakapan-percakapan ahli-ahli Dewan Rakyat di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, saya ingat Yang Berhormat Menteri yang responkan apa yang diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi saya minta juga Yang Berhormat Menteri kita kalau boleh teruskan kerana masa juga pun suntuk.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Saya mahu teruskan, saya tidak beri laluan oleh kerana masa itu tiada. Saya memang sudah tidak beri laluan, saya sudah kata awal-awal iaitu Menteri baru, jalan sempit. Tetapi dia kata tadi dia fikir orang baru dia boleh buli. Ini yang dia - Kepong fikir ini, belum dia tahu lagi siapa Menteri ini. [Ketawa] [Tepuk] Pelanlah sikit.

Jadi, saya tidak faham apa lagi kepantasan yang dia mahu umpamanya parti pembangkang PAS, dia ada *Harakah*. Dan saya tahu, dia juga bukan dijual kepada ahli-ahli parti semua, ada juga orang-orang awam yang beli. Kita sedar dalam Barisan Nasional ini tetapi kita biarkan. Siapa yang terpengaruh, terpengaruhlah, siapa yang tidak, tidaklah. Begitu juga dengan *Roket*, selama ini pun *Roket* tidak juga diberhentikan, masih juga terbang tetapi ada kalanya juga jatuh. Baru-baru ini dia terhempas, you punya kapten ada dua. [Tepuk]

Ini daripada wakil Barisan Nasional daripada Rompin, jadi saya mengucapkan terima kasihlah oleh kerana beliau ada mengatakan bahawa tidak terdapat ejen Barisan Nasional semasa proses pengundian dan pengiraan undi. Jadi ada juga tadi penjelasan daripada Pembangkang yang mengatakan itu adalah kelemahan Barisan Nasional di kawasan itu. Jadi, yang tadi dimaksudkan oleh Rompin itu kalau saya memahami apa yang beliau maksudkan ialah dalam Barisan Nasional pun kadang-kadang ada juga berlaku yang kita tidak puas hati. Tetapi perkara sudah berlaku apa boleh buat, dia mengambil contoh seperti demikian.

Dan daripada Kuala Kedah, membangkitkan isu-isu kelemahan pengurusan undi pos dan mencadangkan SPR memperbaiki pengurusan undi pos. Itulah tadi awal-awal saya telah memberi mukadimah dalam jawapan saya ini iaitu kita berpilihan raya mempunyai undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu. Dan undi-undi pos ini seperti yang juga saya jelaskan secara terperinci siapa yang boleh mengundi pos dan tidak perlu ada orang saksi di sana. Itu undang-undang kita, jadi dia tidak puas hati. Sebelah sini pun tidak puas hati, sebelah sana tidak puas hati, sini tidak puas hati, lama-lama tidak puas hati begitu lama. Jadi, kalaulah umpamanya *of course majority rule, of course because that democracy*, jadi you punya interpretasi dengan *democracy* you punya hallah. [Ketawa] Kita punya interpretasi kita punya hallah.

Seorang ahli: Action!

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tidak, yang *action* sebelah sana, *you try to impose, you are interpretation to us, we have contribute democratic, democracy here majority*, kalau nanti you majority you punya hallah. [Disampuk]

Dan juga Kepong telah membangkitkan soal mengenai dengan masa pilihan raya dan ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat juga yang menyatakan masa pilihan raya yang tidak cukup. Dalam undang-undang kita juga SPR diberi kuasa untuk menentukan bila penamaan calon dan bila pembuangan undi. Dalam undang-undang kita ada minimum 7 hari, 7 days, dengan izin. Jadi bermakna dalam semua pilihan raya ke-10 ini SPR bebas untuk menentukan setelah Dewan Rakyat dibubarkan, bila penamaan calon, dia tentukan, kita pun daripada Barisan Nasional hantar juga borang pencalonan kita. Kalau dia kata 10 hari, kita juga berkempen 10 hari tetapi yang harus kita ingat bahawa proses pilihan raya ini kita buat pilihan raya oleh kerana untuk menentukan kerajaan yang akan datang. Jadi kita ada 5 tahun. Undang-undang kita mengatakan bahawa kita 5 tahun untuk membuat persediaan mentadbir dan parti-parti pembangkang yang wujud ini pun ada masa untuk berkempen dalam 5 tahun itu.

Jadi buat apa perkara-perkara seperti, saya ulangi balik perkara remeh, tarikh pilihan raya dipersoalkan sedangkan sebelum itu mahu pilihan raya cepat. Sudah kita panggil pilihan raya kerana ada calon-calon daripada pembangkang yang mungkin kedapatan belum sempat pakai tali pinggang, celana terjatuh, barulah pula mengomel pada hal mula-mula mahu angkuh adakan pilihan raya. Sudah kita adakan pula dipersoalkan, mahu lagi pula panjang untuk berkempen, yang sedangkan sudah kita ada masa berkempen 5 tahun. *Gentleman*lah sikit. Kalau tadi umpamanya, SPR menentukan masa kempen 5-6 hari baru cakup, ini tidak mengikut peraturan dan undang-undang kerana dalam peraturan undang-undang minimum tujuh hari, sudah dibuat tujuh hari, lebih daripada itu.

Yang Berhormat bagi Bachok ada membangkitkan soalan dan dia berkata, SPR sengaja lewat-lewatkan pengumuman keputusan pilihan raya. Masuklah dalam fikiran kita semua [*Disampuk*] bahawa SPR sengaja lewat-lewatkan pengumuman pilihan raya. Apa SPR boleh dapat sedangkan semua orang sudah pun mengundi. Logikkah ini? [*Ketawa*] Sedangkan di kawasan itu juga ada wakil-wakil, ada ejen dan wakil calon di sana. Waktu mengundi di daerah mengundi, di pusat pengiraan undi, semuanya ada. Ianya lewat mungkin oleh kerana ada sebab-sebab ada parti yang tidak berpuas hati.

Jadi, kalau umpamanya ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang melanggar peraturan-peraturan pilihan raya seperti yang saya tekankan tadi, buatlah apa yang perlu dibuat kerana sebelum ini pun ada kawasan-kawasan yang telah membawa petisyen ke mahkamah dan pihak yang merasa terkilan telah juga diputuskan oleh mahkamah bahawa pilihan raya itu tidak sah.

Jadi, Tuan Pengerusi, kalaulah umpamanya ada perkara-perkara yang saya tidak sempat untuk dijawab tadi,

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:saya mohon maaf.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: [*Ketawa*] Ini dia punya senyum, terpaksa kena kasilah Yang Berhormat bagi Parit Sulong. [*Ketawa*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Cuma tadi saya membangkitkan satu perkara fenomena baru iaitu di mana kesan kempen memecah-belahkan masyarakat. Jadi, secara hala jangka panjangnya iaitu cara-cara pihak pembangkang memainkan sentimen permusuhan sewaktu pilihan raya.

Jadi, saya tanya sama ada pihak SPR mahu mengkaji semula hal-hal ini. Contohnya, di sekitar Bandar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya ada pembangkang yang memainkan gambarnya dia digari tangan. Seolah-olah kerajaan ini menggari mereka, menggari pembangkang. Ini menanamkan satu psikologi yang amat panjang kesannya di masa yang akan datang. Boleh menimbulkan polarisasi kaum dan kalau di kalangan orang Islam boleh menimbulkan permusuhan di kalangan orang Islam sesama Islam yang berpanjangan dan ini adalah perkara yang tidak elok ataupun serasi dengan hasrat kita mewujudkan satu negara yang aman, damai, harmoni di masa yang akan datang.

Jadi, saya ingin bertanya dan soalan saya ialah adakah perkara-perkara macam ini mahu ditegur ataupun perkara-perkara macam ini *should be reprimanded, dengan izin*, pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Daripada pandangan Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi, saya secara peribadi sebagai

ahli politik juga bersetuju dengan pandangan tersebut iaitu kita sebagai pemimpin-pemimpin di negara ini walaupun kita benar-benar mahu memenangi pilihan raya, jangan lupa tanggungjawab kita yang amat penting kepada masyarakat. Oleh kerana tindakan kita sebagai pemimpin sewaktu umpamanya pilihan raya dan berkempen, kalau ia akan mencetuskan perkara-perkara negatif terhadap rakyat yang kita wakili, hindarkanlah itu.

Jadi, kalau umpamanya perkara ini kita anggap sebagai keadaan yang berleluasa dan perlu untuk peraturan ataupun Akta Pilihan Raya kita ini, kalau perlu untuk kita kaji, kita akan kaji dan kita perketatkan lagi syarat-syarat kita berpilihan raya. Umpamanya, dahulu kita benarkan rapat umum, sekarang kita tidak benarkan rapat umum kecuali ada permit polis, oleh kerana kita takut, nanti kalau sedang kita berucap berapi-api, siap dengan berpuluh ribu orang yang mendengar ceramah kita, selepas itu kita akan cakap pula perkara-perkara yang kita kesali. Mungkin ada rusuhan berlaku, mungkin ada pergaduhan di antara suku kaum. Itu telah kita berhentikan.

Alhamdulillah, setelah kita berhentikan, tidak ada juga orang mengatakan bahawa demokrasi di negara ini terhakis, masih juga kita boleh mengamalkan demokrasi hala kita sendiri. Jadi, kalau kerajaan fikir bahawa cara kita berkempen pula sekarang ini boleh dianggap sebagai keterlaluan, maka saya rasa kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menggubal Peraturan Pilihan Raya. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi, jadi kalau ada perkara-perkara yang saya anggap remeh dan dianggap oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai perkara penting yang saya tidak dapat jawab, itu saya mohon maaf. Tetapi kalau juga ada perkara yang merunsingkan mereka ini untuk kepentingan masyarakat mereka, tulis kepada Jabatan Perdana Menteri

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Penjelasan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:.....dan saya akan pastikan saya akan jawab secara terperinci.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya minta penjelasan.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tidak ada jalan dengan penjelasan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya senyum.

Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia: Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,500,000 untuk Maksud B.4 dan RM195,784,800 untuk Maksud B.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sejumlah RM3,500,000 untuk Maksud B.4 dan RM195,784,800 untuk Maksud B.8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.18 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah

Dr. Tan Seng Giaw: Ada. Memang ada orang hendak cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nampak tidak ada orang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Menteri yang tunggu di situ dia memang satu contoh yang baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

5.16 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya gembira juga kerana Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama datang dan tunggu juga, ini satu contoh yang baik juga sekali ini. Saya berharap amalan ini boleh diteruskan [Ketawa] sepanjang lima tahun ini. [Ketawa]

Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat bagi Beruas ada mengatakan bahawa keluaran minyak untuk minyak masak adalah ditetapkan pada kuota 35,000 sehari. Eh, sebulan – bukan sehari kah? Sebulan. [Ketawa] Sekurang-kurang Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ini lebih peka daripada Senator tadi. [Ketawa]

Tuan Pengerusi, saya memang setuju sedikit dengan Yang Berhormat Menteri mengenai perlunya kita mengadakan kuota yang tepat supaya tidak ada kebocoran pada industri ataupun penyeludupan. Tetapi sukalah di sini saya bangkitkan satu perkara mengenai Jawatankuasa Teknikal yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan untuk memantau minyak masak ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah yang terjadi dengan Jawatankuasa Teknikal ini untuk menstabilkan minyak masak dan di sini saya hendak tanya, ada aduan mengenai minyak yang disubsidi ini digunakan oleh pihak industri dan adakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian untuk mencegah daripada berlakunya kebocoran minyak seumpama ini.

Saya diberitahu bahawa sekarang bungkusan oleh kilang-kilang ialah untuk dua kilogram dan lima kilogram dan pada satu ketika ada juga 17 kilogram yang dibenarkan oleh pihak kilang untuk dikeluarkan. Apakah keputusan oleh pihak kementerian untuk mengendalikan jualan bungkusan ini sama ada dua kilogram dan lima kilogram dikekalkan dan 17 kilogram sudah diharamkan daripada dikeluarkan oleh pihak-pihak kilangnya.

Ini memang penting kerana kalau tidak silap saya, ada setengah-setengah peniaga pun menggunakan subsidi ini membeli minyak untuk maksud perniagaan seperti penjaja-penjaja, peniaga-peniaga kecil dan sebagainya yang membeli 2 kilogram, 5 kilogram untuk memasak dan sebagainya, untuk menjual barang-barang dan adakah ini dibenarkan kalau diberi oleh pihak penjaja-penjaja dan pedagang-pedagang kecil. Mungkin ini membantu orang-orang berpendapatan rendah dan adakah siasatan yang dibuat oleh pihak kementerian mengenai setakat manakah minyak subsidi ini digunakan oleh pihak peniaga kecil.

Seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai kawasan-kawasan bebas cukai seperti di Rantau Panjang, di Pengkalan Kubor, di Bukit Kayu Hitam dan banyak tempat lagi kawasan-kawasan bebas cukai ini. Apakah itu sekatan yang diadakan ke atas pihak penjual minyak masak di kawasan-kawasan seumpama ini. Adakah mereka dibenarkan untuk menjual minyak subsidi ini di kawasan-kawasannya ataupun hanya dibenarkan menjual minyak yang tidak disubsidikan di kawasan-kawasan ini. Memang Tuan Pengerusi, masalah yang timbulnya apabila ada subsidi maka ada segelintir orang menggunakan kesempatan ini, saya tidak sebutkan kawasan-kawasan seperti kawasan Kota Tinggi mungkin ada segelintir orang yang menyalahgunakan kesempatan ini untuk melakukan kegiatan-kegiatan yang tidak sepatutnya dilakukan.

Saya berharap Yang Berhormat bagi Beruas dapat menjawab semua soalan yang telah saya bangkitkan ini supaya para pengguna minyak masak ini boleh diberikan peluang yang lebih adil dan saksama. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan. Lepas ini Menteri boleh jawab.

5.23 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, tadi Menteri, Yang Berhormat bagi Beruas ada menuduh bahawa ada kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab menyeludup minyak masak di sempadan utara dan sempadan selatan. Adakah yang Berhormat Menteri mempertikaikan *efficiency* atau keberkesanan pasukan penguatkuasa di sempadan. Jikalau itu benar, adakah Yang Berhormat akan mengesyorkan supaya tindakan diambil terhadap penguatkuasa di sempadan itu dan sepanjang masa ini, adakah satu angka atau adakah Kementerian Yang Berhormat mengumpul beberapa jumlah tan minyak masak telah diseludup keluar. Hanya itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

5.24 ptg.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat bagi Kepong dan Bagan yang membangkitkan beberapa perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama.

Berkenaan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak dan sebelum kita menjalankan skim itu dari bulan Disember, 16 haribulan sehingga 31 Mei 1999. Ini satu tahun setengah. Sebelum kita jalankan kita telah bincang dengan pembekal-pembekal minyak, kepada kilang pembungkus dan dari kilang pembungkus ke pekedai-kedai dan dalam tahun itu kita tahulah tiap-tiap bulan berapa yang dikehendaki oleh pengguna-pengguna seluruh Malaysia dan kita tahu mereka minta kita membekalkan 35,000 tan sebulan, bukan sehari, sebulan.

Dengan itu kita mulakan pada 16 Disember 1997 dan selepas beberapa bulan, permintaan sudah naik sehingga 45,000 tan. Kemudian kita tahu permintaan lebih daripada kita ramalkan. Tentulah minyak masak yang disubsidi pergi ke tempat yang tidak sepatutnya. Tetapi ini bukan semua diseludup, ada orang sebab minyak masak itu disubsidi, ia lebih murah jika dibandingkan dengan minyak mentah yang selalu dicampur dengan *feed meal* atau makanan ternakan atau binatang dan dia bagi minyak subsidi ini untuk binatang tetapi untuk makanan ternakan dan kita hanya tahu itu untuk orang yang makan, bukan untuk binatang makan. Sebab itu pada sesuatu masa terpaksa kena menghadkan kepada 35,000 tan sebulan dan bahagikan melalui kuota-kuota kepada kilang-kilang pembungkus dan satu masa kita tidak hadkan pembeli-pembeli yang datang dari utara negara jiran dan selatan. Mereka datang untuk membeli berapa yang mereka suka dan bawa dengan tangan atas kepala dan bawa balik.

Harga di Singapura jika dibandingkan dengan kita satu kilogram, kita jualkan RM2 lebih sikit sahaja kerana di Singapura RM6 lebih. Dia boleh untung RM4 dalam satu kilogram, 5 kilogram dia boleh untung RM20. Satu kereta dia boleh letak semua ini 5 kilogram peket, dia boleh untung RM100 hingga RM150 sekali dia keluar. So, dengan itu kita hadkan. Ini boleh kira, bukan seludup, dia ada hak untuk membeli tetapi kita tidak sekatkan pembelian itu. Selepas itu kita hadkan. Hanya satu orang datang boleh membeli satu peket 5 kilogram sahaja dan kemudian itu sudah dikurangkan tetapi Yang Berhormat bagi Bagan, saya tahu dia mesti salahkan polis, salahkan kastam.

You ada pergi Rantau Panjang tak? [*Memandang kepada Y.B Bagan*] Minta kawan dari PAS, you ada pergi tengok sanakah? Ingat senangkah orang tengah-tengah malam naik sampan melalui Golok. You tak ada pergi Golok kah? [*Beberapa orang ahli ketawa*] Golok you tak pernah pergi ya? You ingat senangkah hendak mahu jaga orang yang mahu bawa 5 kilogram, 10 kilogram minyak masak keluar. 5 ribu tan saya boleh jaga tetapi 5 kilogram satu orang yang mahu bawa, macam mana. Jangan salahkan kastam. Saya cadangkan PAS, bawa kawan you pergi Rantau Panjang, pergi Golok tengok macam

mana, senang. Kawan, bawa dia pergi melancong sana, tengok macam mana[*Beberapa orang ahli ketawa*]

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan bangun.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Siapa itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan. [*Beberapa orang ahli ketawa*]

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya belum habis lagi. Okaylah....

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, dia yang mengatakan ada penyeludupan di sempadan bukan saya yang tuduh. Saya tanya, adakah Yang Berhormat mempertikaikan *efficiency* pasukan penguatkuasa bukan saya mempertikaikan pasukan penguatkuasa, Yang Berhormat yang mempertikaikan dan jikalau ada, apa cadangan yang hendak diambil....

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: So, itu.....

Tuan Lim Hock Seng: Jangan putar belit, jangan pusing balik....

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: You mahu pergi Golok, cakaplah, jangan main-main...

Tuan Lim Hock Seng: Golok...[*Pembesar suara tidak dihidupkan*].

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, ada panjang lagikah?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Itu saya mahu jawabkah? Itu bukan soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Dan saya suka memberitahu kepada Dewan ini yang mana ini ialah kali kedua yang mana subsidi Skim Penstabilan Harga Minyak telah dijalankan. Yang pertama sekali 15 Januari sehingga 14 Jun tahun 1995 dan sebab kegawatan ekonomi di mana mata wang kita telah jatuh, harga...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagikah jawapan? Masa sudah suntuk.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Oooo!...saya perlu balik esok lagikah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terpulang kepada Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Okay, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

[*Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.